



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Tuan Fan Yew Teng—Kebenaran [Ruangan 1269]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1269]**

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 1311]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Instituti Teknologi MARA [Ruangan 1311]

**Rang Undang-undang Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) [Ruangan
1350]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN
ONN, S.P.M.J. (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD.
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI
BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL
GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.D.K.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J.
(Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUN (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M.,
S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K.**
(Kuala Pilah).
- „ **Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).**
- „ **Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.**
(Batu Berendam).
- „ **Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- „ **Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**
- „ **Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).**
- „ **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
- „ **Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).**
- „ **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).**
- „ **Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).**
- „ **Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K., (Kota Star).**
- „ **Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).**
- „ **Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).**
- „ **Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).**
- „ **Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).**
- „ **Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).**
- „ **Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).**
- „ **Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).**
- „ **Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).**
- „ **Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHAMED ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).**

- Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O.T. OYUNG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHAYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).

- Yang Berhormat** TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- " TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- " TUAN JAWAN ANAK EMPALIENG (Rajang).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- " TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- " TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- " TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- " TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- " TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEEN ANAK KATO (Betong).
- " TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- " DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- " TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- " DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- " DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- " TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- " TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- " TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- " DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- " TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- " TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- " DATUK MOHAMMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, (O.K.I.S.) (Pekan).
- " TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAJD BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- " TUAN MOHAMED SOPHIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- " TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- " TUAN MOHAMED IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- " TUAN MOHAMED SALLEH BIN DATUK PANGlima ABDULLAH, (Silam).
- " TUAN HAJI MOHAMED TAUFEEK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- " DATUK ENGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- " DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- " RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- " TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- " TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- " TUAN OH KENG SENG (Petaling).

Yang Berhormat TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).

- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HOO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 15hb April, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)PENGUMUMAN TIMBALAN
YANG DI-PERTUACUTI Y.B. TUAN FAN YEW TENG—
KEBENARAN

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memaklumkan iaitu mengikut kuasa-kuasa yang ada diberi kepada saya, saya telah membenarkan Yang Berhormat Tuan Fan Yew Teng iaitu Ahli Yang Berhormat dari Menglembu bercuti selama setahun mulai daripada 31hb Mac, 1976.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAANPENGHIJRAHAN PENDUDUK—
KAJIAN

1. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kawasan di mana kajian mengenai penghijrahan penduduk, keciciran murid, hakmilik tanah, kesesuaian pertanian dan hasil dan kemajuan pembangunannya dan samada hasil kajian ini dilaporkan kepada Kerajaan untuk tindakan selanjutnya.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mempunyai maklumat lengkap tentang jumlah kawasan di mana kajian mengenai perkara-perkara yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana berbagai-bagai badan menjalankannya termasuklah universiti-universiti tempatan dan luar negeri. Walau bagaimanapun, kajian yang dianjurkan atau dikelolakan oleh badan-badan Kerajaan tentulah dikemukakan kepada Kerajaan untuk semakan dan penelitian se-

belum sesuatu tindakan lanjut atau ketetapan dibuat hasil daripada kajian demikian.

Selain daripada itu, berbagai-bagai kajian lain sedang dijalankan seperti kajian pelan induk untuk Negeri Perlis, laporan sosio-ekonomi petani-petani di kawasan KEMUBU, Kelantan dan banyak bagi kajian khusus atau am mengenai perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Antara kajian demikian yang akan dilakukan mulai tahun ini ialah kajian mengenai hakmilik dan pertanian (agricultural census) oleh Jabatan Perangkaan meliputi hampir semua perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Semua laporan-laporan itu, seperti yang saya katakan tadi, adalah disampaikan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan ataupun kepada sesuatu jawatankuasa khas yang dilantik oleh Kerajaan.

KELAS PERPADUAN RAKYAT/
KEMAJUAN MASYARAKAT

2. Tuan Haji Handadak bin Haji D. Pasauk (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) memandangkan kepada tujuan mereka yang hampir sama, samada Kerajaan akan menimbang menyatukan Kelas-kelas Perpaduan Rakyat dan Kelas-kelas Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di bawah satu anjuran; jika tidak, nyatakan samada ini disebabkan matlamat Kerajaan dalam mengadakan kelas-kelas ini berlainan;

(b) samada dengan mengasingkan kelas-kelas ini akan menajuhkan perpaduan kaum di negeri kita kerana KEMAS hanya banyak dijalankan di luar bandar di mana banyak kedapatan kaum bumiputra dan Kelas Perpaduan Rakyat pula dianjurkan di mana ada banyak terdapat kaum keturunan China dan India, dan adakah ini matlamat Kerajaan yang sebenar atau ada lain; dan

- (c) kiranya Kerajaan tidak bercadang hendak menyatukan kelas-kelas ini, samada Kerajaan akan meletakkan KEMAS di bawah satu lembaga seperti Kelas Perpaduan Rakyat.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a) Kerajaan tidak bercadang hendak menyatukan Kelas Perpaduan Rakyat dengan Kelas-kelas Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di bawah satu anjuran oleh kerana matlamat kedua-dua jenis kelas itu tidak sama. KEMAS menumpukan usahanya kepada pengajaran dalam bidang-bidang kemahiran seperti Ekonomi Rumah-tangga, Moto Meknik, memperbaiki radio dan T.V. dan sebagainya, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar dengan tujuan meninggikan taraf sosio ekonomi penduduk-penduduk tersebut. Di samping itu, kelas-kelas pra-sekolah yang lebih dikenali ramai dengan nama TADIKa juga diadakan. Di Sabah dan Sarawak selain daripada kelas-kelas kemahiran diadakan juga kelas-kelas Pelajaran Rumi di mana penduduknya berkehendakkan kelas-kelas seperti itu. Kelas Perpaduan Rakyat menumpukan usahanya kepada pengajaran Bahasa Malaysia untuk rakyat yang belum boleh menguasai Bahasa Malaysia. Di samping itu ia juga menganjurkan Pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan bukan sahaja dari segi teori tetapi juga dari-segi pratikal kepada peserta-peserta Kelas Perpaduan Rakyat untuk membolehkan mereka menjadi warganegara yang berguma.

Bagi menjawab soalan (b) keadaan berasingan KEMAS dan Kelas Perpaduan Rakyat tidak menjauhkan perpaduan kaum di negara ini kerana sebagaimana yang dijelaskan tadi tujuan kedua-dua jenis kelas itu adalah berlainan. Kedua-dua jenis kelas itu adalah terbuka kepada semua kaum tetapi secara kebetulan sahaja Kelas-kelas Perpaduan Rakyat disertai lebih ramai oleh mereka yang bukan Melayu kerana yang tidak fasih bertutur atau menulis dalam Bahasa Malaysia adalah orang-orang bukan Melayu kebanyakannya pula terdapat di bandar-bandar. Tumpuan utama KEMAS pula adalah di luar-luar bandar untuk menolong meninggikan taraf sosio ekonomi sektor tersebut dan secara kebetulan juga kebanyakan daripada penduduk-penduduk luar bandar terdiri dari kaum bumiputra.

Bagi menjawab soalan (c) Kerajaan tidak bercadang hendak meletakkan KEMAS di bawah satu lembaga seperti Kelas Perpaduan Rakyat.

PERKHIDMATAN BAS MINI

3. **Raja Nasron bin Raja Isahak** minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa pendapatan bulanan kebanyakan pengusaha Bas Mini sekarang tiada dapat menemui belanja kendalian yang diperlukan setiap bulan dan ini menimbulkan beberapa kerumitan dan masalah; jika ya, apakah tindakan yang diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik):

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah mengkaji dengan telitinya sebelum melancarkan perkhidmatan Bas Mini ini dari segi keuntungan kepada pengusaha-pengusaha sendiri dan juga keperluan dan perkhidmatan kepada orang ramai. Pada pendapat dan taksiran Kementerian saya, projek Bas Mini ini adalah memberi keuntungan kepada pengusaha-pengusaha dan di dalam beberapa pertemuan atau temuduga yang dijalankan, dengan pengusaha-pengusaha nyatalah mereka itu mendapat keuntungan, sungguhpun keuntungan tiap-tiap pengusaha itu tidak serupa, ada yang lebih dan ada yang kurang.

DOKTOR-DOKTOR KERAJAAN

4. **Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukor** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- bilangan doktor-doktor yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan di tiap-tiap negeri di Malaysia;
- samada bilangan doktor-doktor yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan di Negeri Kedah seimbang dengan jumlah penduduknya jika tidak bilakah bilangannya akan ditambah.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan doktor-doktor yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan di tiap-tiap negeri di Malaysia adalah seperti berikut:

Negeri/Yayasan	Di Hospital-hospital	Perkhidmatan Kesihatan (Luar hospital)
1. Perlis	21	4
2. Kedah	64	12
3. Pulau Pinang	103	9
4. Perak	150	16
5. Selangor	76	22
6. Negeri Sembilan	78	8
7. Melaka	48	7
8. Johor	116	21
9. Pahang	67	16
10. Trengganu	41	12
11. Kelantan	49	18
12. Sabah	50	1
13. Sarawak	53	15
14. Hospital Besar, Kuala Lumpur	169	—
15. Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak	14	—
16. Hospital Permai, Johor Bharu	10	—
17. Hospital Kusta, Sungai Buloh	10	—
18. Pusat Tibi Negara	20	—
19. Rancangan Pembasmian Malaria	—	10
20. Instituit Kesihatan Umum	—	4
21. Kementerian Kesihatan (Ibu Pejabat)	—	5
Jumlah	1,109	180

- (b) Bilangan doktor-doktor yang sedang berkhidmat tidak seimbang dengan jumlah penduduk-penduduk bukan sahaja di Negeri Kedah bahkan juga di lain-lain negeri. Insya Allah jumlah bilangan itu akan ditambah bila ada doktor-doktor yang boleh didapati.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kesihatan sedar bahawa Rumah Sakit Daerah Pulau Langkawi hanya ada seorang doktor sahaja? Adakah Kementerian Kesihatan akan mengadakan motorbot kesihatan untuk membolehkan doktor Rumah Sakit Daerah Pulau Langkawi itu merawat pesakit-pesakit di beberapa buah pulau di Langkawi itu?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Sebagaimana yang saya jawab tadi bila ada didapati doktor, kita akan hantarkan. Dan soal motorbot di Pulau Langkawi, ini memanglah sudah menjadi satu keazaman Kementerian Kesihatan bila Kementerian Kesihatan mendapat kemudahan-kemudahan kewangan, bot akan disediakan.

KONTREK KERJA

5. Penghulu Abit anak Angkin minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan memberi perhatian yang serius mengenai amalan sekarang ini memberi kontrek kerja-kerja dan/atau kontrek menjalankan sesuatu perusahaan hanya kepada sebilangan individu "kaya-raya" oleh kerana amalan seperti itu adalah bercanggah dengan dasar hendak menggalakan kaum bumiputra dan peniaga-peniaga luar bandar mengambil peranan yang aktif dalam perniagaan juga menggalakkan gerakan secara gelap misalnya pengendalian Judi Empat-Ekor dengan sebab perniagaan itu dikawal oleh sebilangan individu maka banyaknya kumpulan yang menjalankan Judi Empat-Angka secara haram.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, soalan tersebut terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah mengenai Kontrek Kerja dan Bekalan dan bahagian kedua adalah mengenai Perjudian. Kerajaan adalah memberi keutamaan tertentu kepada Kontrektor-kontrektor bumiputra di dalam bidang kontrek kerja-kerja dan bekalan seperti berikut:

Kontrek Kerja

30% daripada nilai semua kerja bagi sesuatu tahun yang berkenaan adalah diuntukkan bagi ditandingi oleh Kontrektor-kontrektor bumiputra melalui sistem tender terbuka. Baki kerja yang bernilai 70% itu adalah dibuka kepada semua kontrektor termasuk Kontrektor bumiputra. Selain daripada itu kerja-kerja yang menggunakan jadual kadar yang nilainya tidak melebihi \$25,000 adalah dikhaskan kepada Kontrektor bumiputra sahaja dan cara pembahagiannya adalah mengikut program pemberian yang disediakan oleh Ketua Jabatan berkenaan.

Kontrek Bekalan dan Perkhidmatan

Bagi kontrek bekalan dan perkhidmatan pula, keutamaan berikut adalah diberi kepada kontrektor-kontrektor bumiputra:

- (a) Bagi kontrek bernilai \$50,000 ke bawah—

Keutamaan adalah diberi kepada nender bumiputra walaupun tawaran itu melebihi tawaran dari bukan bumiputra yang terendah sekali yang boleh diterima asalkan nilainya tidak melebihi 10% daripada tawaran bukan bumiputra itu.

- (b) Bagi Kontrek bernilai melebihi \$50,000 hingga \$100,000—

Keutamaan yang diberi adalah sebanyak 7½% daripada harga yang terendah daripada tawaran yang boleh diterima.

- (c) Bagi Kontrek bernilai melebihi \$100,000 hingga \$1.0 juta—

Keutamaan yang diberi adalah sebanyak 5% daripada harga yang terendah daripada tawaran yang boleh diterima.

- (d) Bagi Kontrek melebihi \$1 juta hingga \$5 juta—

Keutamaan yang diberi adalah sebanyak 2% daripada harga yang terendah daripada tawaran yang boleh diterima.

Mengenai soalan bahagian yang kedua pula iaitu berkenaan dengan pengendalian Judi Empat Nombor Ekor, contoh yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak berkait dengan soalan bahagian pertama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya satu sahaja lesen telah dikeluarkan untuk mengendalikan Loteri Empat Nombor Ekor. Bukanlah menjadi polisi Kerajaan menggalakkan perjudian dalam apa-apa bentuk jua pun. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat mengetahui tentang perjudian haram ini, beliau adalah diminta melaporkannya ke pihak Polis untuk tindakan sewajarnya.

Seperti yang telah saya nyatakan, Kerajaan adalah mempunyai peraturan yang tertentu mengenai pemberian kontrek-kontrek kepada bumiputra berasaskan kepada pertimbangan sama rata dan tidaklah ada apa-apa pilih kasih seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menimbangkan satu cara supaya tuan-punya-tuan-punya Empat Nombor Ekor membentuk agensi-agensi yang akan membolehkan rakyat berbilang kaum menjalankan bersama perniagaan itu.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah nyatakan tadi pada setakat ini, tidak.

PAS KERJA SEMENTARA

6. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasand (di bawah S.O. 24 (2)) bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat:

- (a) berapa banyak pas-pas kerja sementara telah dikeluarkan dalam 1975 dan bilangan orang-orang yang telah menyalahgunakan pas-pas kerjanya, seperti membuat kerja di tempat-tempat lain yang tidak disebutkan dalam pas mereka dan lain-lain kesalahan tidak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan;
- (b) apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka ini. Adakah Kerajaan berpuas hati dengan mendenda sahaja mereka dengan tidak mengeluarkan mereka dengan serta-merta dari negeri ini supaya ini akan menjadi pengajaran kepada orang lain, kiranya tidak, pada kebiasannya, apakah tindakan yang telah dijalankan; dan
- (c) samada kerja-kerja yang dibuat oleh pemegang-pemegang pas kerja ini boleh dibuat oleh orang-orang tempatan dan jika ya, mengapa ianya dikeluarkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, pas-pas lawatan (kerja sementara) adalah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen, di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

- (a) Jumlah pas-pas lawatan (kerja sementara) dan Pas pengajian yang dikeluarkan kepada pegawai-pegawai dagang bagi tahun 1975 ialah sebanyak 5,688. Ada seramai 132 pelawat-pelawat yang telah melanggar syarat-syarat pas-pas mereka. Mereka itu telah didapati bekerja dengan Syarikat-syarikat tanpa mendapat kebenaran daripada Jabatan Imigresen terlebih dahulu.

- (b) Mereka itu telah didakwa di Mahkamah dan didenda. Selepas mereka itu didenda mereka diusir keluar dari negara ini.
- (c) Pegawai-pegawai dagang dan pekerja-pekerja mahir hanya dibenarkan masuk untuk menjalankan sesuatu pekerjaan apabila tidak ada warganegara Malaysia yang boleh menjalankan pekerjaan itu dan kemasukan mereka itu adalah untuk tempoh-tempoh yang tertentu sahaja dan mereka itu dikehendaki melatih warganegara Malaysia untuk mengambil alih jawatan-jawatan tersebut.

AKAUN TALIPON PELANGGAN

7. **Tuan Farn Seong Than** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sadar tentang beberapa aduan yang dibuat oleh pelanggan-pelanggan talipon bahawa bayaran yang mereka buat kepada pihak Talikom sentiasa dikreditkan dengan lambatnya ke dalam akaun Talikom pada bulan yang akan datang ataupun pada beberapa bulan kemudian dan dengan demikian para pelanggan menghadapi kemungkinan perkhidmatan talipon mereka akan dipotong. Nyatakan tindakan yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan kurang cekap pihak Talikom.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya oleh sebab sekarang ini sistem pembayaran bil talipon ini dipusatkan dan dijalankan mengikut sistem komputer, oleh itu jabatan yang berkenaan tidaklah dapat menunggu bayaran-bayaran yang lambat melebihi tempoh yang sepatutnya dibayar. Bagaimanapun, tindakan-tindakan seperti berikut telah diambil oleh Jabatan Talikom untuk mengkredit akaun-akaun talipon pelanggan dengan awalnya supaya mengelakkan kemungkinan potongan tersalah.

- (i) Proses komputer billing Jabatan Talikom telah diubah supaya pembayaran-pembayaran pelanggan akan dihantar terus kepada komputer berikut dengan pemeriksaan sebenarnya dan perimbangan. Ini akan mengurangkan masa dengan lebih kurang selama 7 hari sebagaimana yang dikehendaki dahulunya oleh pemeriksaan tenaga manusia dan perimbangan beribu-ribu bil-bil sebelum akaun-akaun timbangan telah dimasukkan ke dalam komputer.

- (ii) Untuk mengurangkan kelewatan yang disebabkan oleh masalah-masalah pos dan pemilihan tenaga, syarikat-syarikat swasta khususnya yang ada cawangan-cawangan di seluruh negara adalah digalakkan supaya membayar bil-bil mereka terus kepada pejabat-pejabat pemungutan negeri di mana talipon-talipon mereka diletakkan dan bukan menghantar bayaran-bayaran mereka kepada Pejabat Akaun Pusat di Kuala Lumpur. Cara pembahagian ini akan mengurangkan kerja-kerja yang banyak di Pejabat Pusat.

- (iii) Sebuah peti Pos yang khas akan diadakan di Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur untuk menerima hanya pembayaran-pembayaran talipon dan telex sahaja yang dibayarkan melalui pos. Cara ini juga akan mengurangkan masa pemilihan dan kesalahan-kesalahan oleh sebab pada masa sekarang bil-bil yang dibayar melalui pos adalah dicampur dengan mail-mail am yang banyak yang dialamatkan kepada Ibu Pejabat Talikom, Kuala Lumpur.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sadar bahawa sebilangan talipon Ahli-ahli Dewan Rakyat selalu sahaja dipotong kerana kelambatan mengirakan akaun mereka untuk dibayar oleh Parlimen. Dalam keadaan ini dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memperbaiki keadaan ini supaya dapat mengelakkan kejadian itu terus berlaku.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi oleh kerana masalah sistem pembayaran bil-bil talipon ini dipusatkan di satu pusat Ibu Pejabat Talikom sendiri dengan sistem billing itu dijalankan menerusi sistem komputer, maka pihak-pihak Jabatan tidaklah sanggup menunggu lebih lewat daripada masa-masa yang dijangka pembayaran satu-satu bil talipon itu. Tetapi bagaimana pun kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya ada masalah yang seperti itu berlaku bolehlah merujuk kepada Kementerian ini atau Jabatan yang berkenaan dan saya berani jamin bahawa masalah ini dapat kita selesaikan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sistem-nya sahaja yang hendak diperbaiki lagi.

LEMBAGA PELABUHAN KELANG— KELAMBATAN PENYERAHAN BARANG

8. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar tentang aduan-aduan yang dibuat oleh pedagang-pedagang bahawa barang-barang mereka sentiasa dilambatkan untuk jangka masa yang panjang di Pelabuhan Kelang dan jika ya, nyatakan samada satu penyiasatan boleh dibuat untuk menentukan sebab-sebab yang mengakibatkan kelambatan tersebut.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa adanya sebarang aduan berkait dengan adanya kelambatan barang-barang diserahkan kepada pedagang-pedagang di Pelabuhan Kelang. Untuk makuman Ahli-ahli Yang Berhormat sekali, sepanjang tahun 1975 dan tahun 1976 hingga sekarang, pengguna-pengguna Pelabuhan tidak membangkitkan apa-apa masalah berkenaan dengan kelambatan penyerahan barang-barang dari gudang-gudang dan yard store Lembaga Pelabuhan Kelang. Biasanya segala perasaan tidak puas hati oleh pengguna-pengguna Pelabuhan disalurkan dan dibincangkan melalui saluran-saluran tertentu. Oleh kerana perkara ini tidak dibangkitkan oleh pengguna-pengguna Pelabuhan mengikut saluran itu, Lembaga Pelabuhan Kelang tidaklah sedar yang pengguna-pengguna Pelabuhan telah pun mengalami kesulitan untuk mengambil barang-barang mereka dari Pelabuhan. Catitan-catitan yang ada di Pelabuhan berkait dengan penyelenggaraan barang-barang sepanjang tahun 1975 dan 1976 hingga sekarang tidak menunjukkan adanya kelambatan penyerahan barang-barang oleh Lembaga kepada pengguna-pengguna Pelabuhan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Barang-barang diserahkan kepada pengguna-pengguna Pelabuhan atau wakil-wakil mereka dari pukul 7 pagi hingga 11 malam tiap-tiap hari dengan tidak dikenakan apa-apa bayaran lebih masa. Dukacita dimaklumkan bahawa pengguna-pengguna Pelabuhan hanya mengambil barang-barang mereka dari Pelabuhan dari jam 8 pagi hingga 5 petang;

selepas itu sedikit benar barang-barang diambil oleh pengguna-pengguna Pelabuhan walaupun Lembaga ini selalu mendesak mereka supaya berbuat demikian melalui badan-badan tertentu seperti Chambers of Commerce dan sebagainya. Jika pengguna-pengguna Pelabuhan mengambil barang-barang mereka dari pukul 5 petang terus hingga 11 malam, sudah tentu barang-barang impot dapat diserahkan kepada pengguna-pengguna Pelabuhan lebih awal daripada apa yang sedang berlaku sekarang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa oleh kerana bukan sahaja kelambatan barang-barang tetapi kehilangan, kecuaihan dan lain-lain faktor menyebabkan Pelabuhan Kelang mendapat gelaran sebagai black port di Asia Tenggara. Oleh kerana beliau mengatakan tidak tahu tentang ada sungutan-sungutan, bolehkah mengadakan satu siasatan untuk mengatasi perkara ini? Jika perkara ini berlanjutan bukan sahaja akan merosakkan nama negara kita, tetapi akan bertentangan dengan kepentingan perniagaan kita.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, rasanya tidak perlu saya menjawab masalah itu kerana soal pokoknya sebagaimana soalan yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah berlainan daripada apa yang ada sekarang ini. Masalah yang ditimbulkan ialah masalah kelambatan penyerahan barang-barang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soal lambat inilah yang menimbulkan imej yang tidak baik seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Jadi apa jawapannya, hendak siasat atau tidak?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Masalah yang ditimbulkan sekarang ialah masalah kelambatan menyampaikan barang-barang kepada pihak yang berkenaan. Masalah kehilangan atau seumpamanya tidak dibangkitkan dalam soalan pokok.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Mengenai soal kehilangan, kelambatan dan lain-lain faktor yang merosakkan nama port ini oleh itu apakah tindakan yang diambil?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini barangkali Ahli Yang Berhormat itu sendiri maklum

bahawa sebarang sesuatu yang disampaikan kepada Kementerian ini, jika sesuatu perkara yang berbangkit itu memanglah Kementerian ini telah dan akan mengambil tindakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka boleh tulis surat lagi kepada Kementerian Perhubungan.

PENGALIRAN WANG KAPITAL (CAPITAL OUTFLOW)

9. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang dianggarkan telah dihantar balik keluar negeri oleh syarikat-syarikat asing dan individu-individu pada tahun yang lalu dan nyatakan apa tindakan yang akan diambil untuk mengurangkan pengaliran wang kapital yang amat sangat itu.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya anggap "modal yang dihantar balik" yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan ialah keuntungan dan dividen yang dibawa keluar negeri daripada Malaysia oleh syarikat asing dan orang perseorangan.

Keuntungan dan dividen ke atas stok-stok dan saham-saham yang dibawa keluar negeri pada tahun 1975 berjumlah \$1,061.6 juta berbanding dengan \$1,341.6 juta pada tahun 1974. Jumlah ini adalah tidak besar jika dibandingkan dengan jumlah pelaburan asing yang terkumpul di Malaysia.

Kerajaan tidaklah patut membuat peraturan untuk memberhentikan langsung pengaliran keluar negeri wang yang diperolehi dengan sah sebagai keuntungan dan dividen ke atas pelaburan yang dibuat di Malaysia, oleh kerana ianya bertentangan dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan asing di sini untuk membantu proses pembangunan negara kita. Sebarang tindakan oleh Kerajaan untuk menghalang pengaliran keluar negeri wang pendapatan ke atas pelaburan boleh menyebabkan pelabur-pelabur asing mengurangkan pelaburan mereka di Malaysia dan akibatnya proses pembangunan negara ini mungkin terjejas.

Untuk mengurangkan pengaliran wang keluar negeri, Kerajaan menggalakkan pelabur asing melaburkan semula di sini pendapatan mereka dengan membenarkan mereka memperbesar atau memperluaskan pelaburan mereka di berbagai sektor ekonomi.

DOKTOR DI PUSAT-PUSAT KESIHATAN

10. **Puan Chow Poh Kheng** minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa oleh kerana Kementerian beliau merancang hendak menempatkan seorang doktor dan satu kumpulan kakitangan kesihatan yang merupakan "para medical staff" di tiap-tiap Pusat Kesihatan bagi menampung keperluan 10,000 orang penduduk-penduduk luar bandar, berapa banyakkah pasukan-pasukan kesihatan yang telah ditubuhkan; berapa banyak lagi pasukan-pasukan kesihatan semumpama itu diperlukan untuk memberikan rawatan yang lengkap kepada penduduk-penduduk dalam bandar dan di kawasan-kawasan luar bandar negara ini.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, bagi Semenanjung Malaysia setakat ini telah ditempatkan 62 pasukan doktor dan kakitangan para medical di pusat kesihatan besar, 239 pasukan para medical di pusat kesihatan kecil dan 1,272 bidan di kelinik-klinik bidan.

Dalam rancangan baru, pusat kesihatan kecil akan dinaikkan taraf menjadi pusat kesihatan besar supaya mendapat faedah doktor, iaitu bagi meliputi 20,000 penduduk. Juga, kelinik bidan dinaikkan taraf menjadi Klinik Desa untuk 4,000 penduduk di mana 2 Jururawat Desa akan ditempatkan.

Untuk mencapai matlamat ini, menjelang tahun 1980, Kementerian Kesihatan akan menempatkan 130 pasukan doktor dan para medical di pusat-pusat kesihatan besar, 237 pasukan para medical di pusat-pusat kesihatan kecil dan juga jururawat desa 738 buah kelinik desa, serta bidan di 888 kelinik bidan, ditambah pula dengan 54 buah pasukan bergerak yang berkhidmat di tempat-tempat terpencil, tiap-tiap pasukan diketuai oleh seorang doktor. Kesemua ini meliputi kira-kira 7.1 juta penduduk-penduduk luar bandar.

Di bandar-bandar pula, perkhidmatan perubatan diselenggarakan melalui 11 hospital besar, 50 hospital daerah, 16 polyclinic dan 32 klinik kesihatan ibu dan kanak-kanak. Projek-projek ini juga akan dikembangkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan pada masa hadapan, dengan memperbaiki hospital lama atau menubuh hospital baru dan menubuhkan lagi polyclinic-polyclinic dan Klinik-klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak. Matlamat Kementerian saya ialah hendak mengadakan sebuah hospital bagi tiap-tiap satu daerah.

Bagi Negeri Sarawak, pada masa ini kemudahan-kemudahan yang sedia ada adalah seperti berikut:

Pusat Kesihatan atau Polyclinic ...	2
Pusat Kesihatan Kecil	16
Pusat Kesihatan Masyarakat ...	2
Statik Dispensary	40
Dispensary bergerak	54
Pusat Kesihatan Kecil Luar Bandar (Lama)	43
Sub-dispensary	56
Flying Doctor	2

Projek-projek yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua yang belum disiapkan akan diteruskan pembinaannya. Ini termasuklah pembinaan:

Pusat Kesihatan	2
Pusat Kesihatan Kecil	1
Pusat Kesihatan Masyarakat ...	9

Beberapa cadangan telah juga dibuat dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk menambah kemudahan-kemudahan yang ada ini.

Bagi Negeri Sabah, kemudahan-kemudahan yang sedia ada seperti berikut:

Statik dispensary	43
Sub-dispensary	7
Dispensary bergerak	3
Pusat Kesihatan	15
Village group sub-centre	190

Beberapa cadangan telah juga dibuat dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk menambah kemudahan yang ada itu.

MAYAT ORANG ISLAM DI HOSPITAL-HOSPITAL

11. **Datuk Haji Shafie bin Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan orang Islam yang mati di hospital-hospital Kerajaan di seluruh negara dalam tahun 1974 dan 1975 yang mayatnya tidak dituntut oleh waris-waris si mati dan oleh itu dikebumikan oleh pihak berkuasa hospital;
- (b) samada penanaman mayat-mayat orang Islam ini dijalankan menurut syarat-syarat ugama Islam yang diwajibkan; dan
- (c) berapakah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk penyelenggaraan tiap-tiap mayat orang Islam itu.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan orang Islam yang mati di hospital-hospital Kerajaan di seluruh negara dalam tahun 1974 dan 1975 yang mayatnya tidak dituntut oleh waris-waris ialah:

Tahun 1975=218 orang; dan

Tahun 1975=239 orang.

- (b) Penanaman mayat orang-orang Islam yang tidak dituntut oleh waris-waris itu adalah diserahkan kepada Jabatan Ugama tempatan yang menyelenggarakan kebumian mayat-mayat tersebut dan sudah tentulah ianya dijalankan menurut syarat-syarat ugama Islam. Ini telah dipersetujui dalam satu persidangan di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri pada tahun 1974. Di setengah-setengah tempat, pengkebumian mayat itu diselenggarakan oleh Badan-badan Kebajikan Islam tempatan dan ini juga mengikut syarat-syarat Ugama Islam.
- (c) Perbelanjaan yang dikeluarkan untuk penyelenggaraan tiap-tiap mayat orang Islam itu adalah berbeza-beza dari satu tempat kesatu tempat. Harga purata ialah dari antara \$50 ke \$75 tiap-tiap satu mayat.

KUTIPAN HASIL OLEH THAI

12. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa pihak berkuasa Thai mengutip hasil

dari tempat membeli belah yang terletak di bahagian kawasan Malaysia di pekan Padang Besar; jika ya, nyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kementerian beliau ke atas perkara ini.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa pihak berkuasa Negeri Thai mengutip hasil dari tempat membeli belah yang terletak di bahagian kawasan Malaysia di Padang Besar. Walau bagaimanapun, kami akan menyiasat hal ini, dan jika Yang Berhormat dapat memberi butir-butir yang lebih lanjut, ini akan berguna kepada kami.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian berkenaan sedar bahawa di atas tanah di sebelah Malaysia, maksud saya seperanggan dengan Negeri Siam yakni di Padang Besar itu telah didirikan tempat-tempat perniagaan oleh kebanyakan bukan rakyat Malaysia, tetapi kebanyakannya rakyat Negeri Siam dan menjalankan perniagaan mereka di situ. Jika sedar, adakah diambil sebarang tindakan?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pihak Kementerian belum dapat laporan ataupun aduan secara rasmi dan walau bagaimanapun saya akan anggap tuduhan yang dibuat dalam Dewan ini sebagai satu aduan, maka tindakan sewajarnya akan diambil untuk menyiasatnya.

PENGEDAR ROKOK BUMIPUTRA

13. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah syarikat bumiputra yang dilantik menjadi pengedar rokok di Malaysia dan apakah polisi Kementerian untuk menambah bilangan pengedar bumiputra dalam lapangan ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat tiga syarikat rokok besar di Malaysia. Syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Malayan Tobacco Co. Berhad;
- (ii) Rothmans of Pall Mall Berhad;
- (iii) R. J. Reynolds Sdn. Berhad.

Sebelum tahun 1973 terdapat sejumlah 121 pengedar-pengedar rokok di Semenanjung Malaysia dan dari bilangan ini hanya satu sahaja terdiri daripada syarikat bumiputra. Bilangan ini telah dapat ditambah di dalam tahun 1974 di mana 13 pengedar bumiputra yang telah dilantik dan ini telah menjadikan jumlah pengedar-pengedar bumiputra kepada 14 bilangan syarikat bumiputra dilantik sebagai pengedar telah dapat diperbaiki lagi dalam tahun 1975 di mana 10 pengedar lagi telah pun dipilih untuk dilantik. Jadi kesimpulannya kedudukan pengedar-pengedar rokok bagi ketiga-tiga syarikat tersebut ada terdapat seperti berikut:

BILANGAN PENGEDAR-PENGEDAR DI SYARIKAT ROKOK TAHUN 1975

Bilangan peratus daripada jumlah pengedar yang telah dilantik oleh syarikat berkenaan			
Malayan Tobacco Co. Berhad ...	Bumiputra 9%	15%	
Rothmans of Pall Mall Berhad ...	Bumiputra 10%	20%	
R. J. Reynolds Sdn. Berhad ...	Bumiputra 5%	15%	

Jadi jumlah pengedar bumiputra bagi tahun 1975 adalah 24 bermakna 17% daripada bilangan pengedar-pengedar yang telah dilantik.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan memastikan di tahun-tahun yang akan datang bilangan pengedar-pengedar bumiputra akan dapat ditambah lagi, ini adalah berdasarkan kepada rancangan-rancangan yang telah dikemukakan oleh syarikat-syarikat pengeluar rokok di Malaysia.

Dasar Kementerian ini dalam usaha untuk menambahkan lagi pengedar-pengedar Bumiputra adalah seperti berikut:

- (i) Syarikat-syarikat pengeluar rokok dikehendaki mengemukakan rancangan mereka bagi menambahkan lagi pengedar-pengedar rokok bumiputra dan suka saya menyatakan di sini bahawa syarikat-syarikat rokok yang berkenaan telah pun meningkatkan kertas-kertas rancangan mereka.
- (ii) Syarikat-syarikat pengeluar rokok telah diarahkan bahawa semua perlantikan pengedar rokok yang baru hendaklah

diberikan kepada syarikat-syarikat bumiputra. Semua perantaraan pengedar-pengedar tersebut adalah hendaknya dikemukakan kepada Kementerian untuk mendapat persetujuan selanjutnya.

- (iii) Di tempat-tempat di mana-mana telah sedia ada pengedar-pengedar perantaraan pengedar tambahan (additional agencies) apabila diperlukan dan berlaku mestilah berlandas kepada peraturan-peraturan bahawa jika ada syarikat pengedar bumiputra yang boleh mengendalikan di tempat-tempat tersebut mereka mestilah diberi kesempatan menjadi pengedar.

JENAYAH BAGI PESAKIT-PESAKIT HOSPITAL

14. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: minta Menteri Kesihatan menyatakan berhubung dengan tahun 1975:

- bilangan pesakit-pesakit hospital yang melakukan jenayah;
- bilangan pesakit-pesakit gila yang lari dari hospital semasa di dalam rawatan perubatan disebabkan kurangnya kawalan ataupun bilik untuknya; dan
- bilangan pesakit-pesakit yang telah diserang semasa di dalam rawatan perubatan dan sebab-sebab diserang.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua,

- sejauh mana yang saya ketahui, tidak ada pesakit-pesakit hospital yang telah melakukan jenayah. Tetapi ada orang-orang yang telah melakukan jenayah dan dimasukkan ke hospital dan pada amnya mereka dimasukkan ke Hospital Bahagia, Ulu Kinta dan Hospital Permai, Johor Bahru.

Bilangan bagi tahun 1975 adalah seperti berikut:

Hospital Bahagia		Hospital Permai	
Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
139	11	54	1

- Bilangan pesakit-pesakit gila yang melarikan diri semasa di dalam rawatan kerana kurang kawalan dan bukan kerana kekurangan bilik ialah seperti berikut:

Hospital Bahagia		Hospital Permai	
Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
144	6	240	9

Bagi Hospital Bahagia, daripada jumlah 150 orang yang telah lari itu, 40 orang lelaki dan 6 orang perempuan telah dibawa balik ke hospital samada dengan cara ditangkap oleh Polis atau kakitangan hospital atau dibawa oleh keluarga mereka ataupun mereka balik sendiri. Bagi Hospital Permai pula, dari jumlah 249 orang yang telah melarikan diri itu, 72 orang lelaki dan 6 orang perempuan telah dimasukkan semula melalui cara yang sama.

- Bagi Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak, bilangan pesakit-pesakit yang telah diserang semasa dalam rawatan ialah sebanyak 3 orang. Serangan ini adalah kerana mereka berkelahi sesama sendiri. Bagi Hospital Permai, Johor Bahru tidak ada aduan rasmi tentang pesakit-pesakit yang telah diserang.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada kejadian-kejadian di mana pesakit-pesakit gila yang dibawa ke hospital kemudian dibenarkan pulang balik kerana didapati setelah diperiksa dianya tidak gila, tetapi setelah dihantar balik sampai ke rumah dia gila balik dan mengacau balik sehingga beberapa kali kejadian seumpama ini berlaku.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tetapi apa yang saya dapat buat. Orang itu apabila sampai di hospital dia tidak gila, jadi doktor terpaksa menghantarkan dia balik. Bila sampai di rumah, dia gila. Jadi, ini bukan tanggungjawab Kementerian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini gila berkala. (Ketawa).

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana kawalan atau perhatian yang diberi oleh hospital-hospital untuk merawat orang gila ini kerana banyak daripada orang-orang gila ini dia meracau di merata-rata di pasar-pasar dan lain-lain tempat, tetapi masalaahnya kalau kita hantar kepada Polis, Polis kata "kalau tak katuk orang, tidak apa", dia tidak dianggap bahaya, tetapi bila dihantarkan ke hospital orang-orang gila, pihak hospital kata dia ini sudah baik gila. Jadi, saya hendak tahu

bagaimana cara doktor merawat ataupun menyelidik yang orang ini gila dan tidak gila, sedangkan orang ramai kata dia gila. tetapi doktor kata dia tidak gila. Jadi, kita hantar ke Polis, Polis kata orang ini tidak boleh ditahan oleh Polis kerana ini kerja Hospital Gila. Jadi, bagaimana keadaan seperti ini boleh berlaku?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Gila ini banyak macam, dia gila apa. (*Ketawa*).

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, menentukan gila ataupun tidak itu adalah doktor yang tahu, sebab dia arif di dalam bahagian itu. Jadi kalau doktor kata tidak gila, Insya Allah dia tidak gila (*Ketawa*). Tetapi soal Polis, ini dia menjaga keamanan jadi kalau si gila yang dikatakan gila tidak mengacau orang, Polis tidak tangkap dia. Itulah jawabnya.

RANCANGAN TV DI SARAWAK

15. Tuan Sibot Miut anak Tagong minta Menteri Penerangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dibuat untuk memperbaiki rancangan-rancangan TV bagi penonton-penonton di Sarawak untuk mencapai imbangan di antara rancangan hiburan dan rancangan pendidikan.

Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sentiasa mengambil langkah yang perlu bagi memperbaiki rancangan-rancangan TV bukan sahaja bagi penonton-penonton di Sarawak bahkan juga bagi penonton-penonton TV di seluruh negara kita ini. Sebagai langkah untuk mencapai perimbangan antara rancangan hiburan dengan rancangan pendidikan, TV Malaysia telahpun mula menyiarkan rancangan-rancangan yang berupa pendidikan samada yang diterbitkan oleh TV Malaysia sendiri seperti rancangan "Saintis Muda" "Kebun Kita", "Belajar Tulisan Jawi", rancangan-rancangan berbentuk sejarah seperti siri "Warisan" dan lain-lain rancangan pendidikan atau rancangan dari luar negeri seperti siri rancangan "Energy the Driving Force" dan lain-lain lagi.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah telah dan sedang diambil untuk memulakan Siaran TV Pendidikan ke Sabah dan Sarawak tidak lama lagi.

JUALAN HASIL-MAHSUL RAKYAT

16. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk membantu rakyat-rakyat luar bandar untuk menjual hasil-mahsul memandangkan ketiadaan jalanraya yang boleh dilalui oleh kenderaan.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang akan diambil ialah menggalakkan mereka memasarkan hasil pengeluarannya melalui Persatuan Peladang dan juga Koperasi Peladang dan menubuhkan pusat-pusat mengumpul sedekat mungkin dengan mereka.

Adalah diakui masalaah ini adalah rumit terutama bagi tempat-tempat yang amat terpencil di mana tidak mungkin diadakan jalanraya dan hasil pengeluarannya pula tidak begitu banyak. Tetapi walau bagaimanapun, apa yang saya telah difahamkan Kerajaan-kerajaan Negeri terus-menerus berikhtiar untuk mengadakan jalan-jalan untuk kemudahan-kemudahan petani-petani mengeluarkan hasil pertanian mereka dari satu masa ke satu masa mengikut peruntukan yang ditentukan pada tiap-tiap tahun.

PERUMAHAN DI KAMPUNG-KAMPUNG BARU

17. Tuan Lee Boon Peng minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan tindakan yang beliau bercadang hendak ambil untuk melaksanakan rancangan hendak meluaskan kampung-kampung baru dengan cara mendapatkan tanah-tanah estet yang berhampiran, dan samada beliau sedar bahawa beberapa Kerajaan Negeri sedang membekukan permohonan-permohonan untuk lot-lot perumahan di kampung-kampung baru, menyebabkan kesusahan kepada penduduk-penduduk yang tidak ber-tanah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan di bahagian pertama dalam pertanyaan Ahli Yang Berhormat, iaitu mengenai rancangan meluaskan kawasan Kampung-kampung Baru telahpun dijawab di Dewan ini pada 4hb November, 1975.

Walau bagaimanapun untuk makluman dan pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, saya menyatakan sekali lagi bahawa pada umumnya memanglah menjadi hasrat dan cita-cita Kementerian saya berusaha untuk mendapatkan tanah-tanah yang berhampiran dengan Kampung-kampung Baru yang mana keadaannya telah menjadi sempit atau sesak disebabkan bertambahnya penduduk-penduduk di kampung-kampung tersebut. Namun demikian, kejayaan usaha dan cita-cita itu adalah tertakluk kepada senang atau sukarnya mendapatkan tanah di sekeliling Kampung-kampung Baru tersebut. Kebanyakan tanah-tanah di sekeliling Kampung-kampung Baru pada masa sekarang sangatlah berkurangan. Oleh hal yang demikian, pihak Kerajaan Persekutuan boleh mempercepatkan usaha untuk menayakan hasrat dan cita-cita memperluaskan lagi Kampung-kampung Baru yang telah sempit dan sesak itu. Jika ada kerjasama pihak-pihak yang terlibat termasuk pihak yang mempunyai tanah yang berkenaan samada Kerajaan Negeri atau swasta.

Mengenai pembekuan permohonan untuk lot-lot perumahan di Kampung-kampung Baru, saya tidak sedar bahawa beberapa Kerajaan Negeri sedang membekukan permohonan-permohonan untuk lot-lot perumahan itu. Sebaliknya, saya telah dimaklumkan bahawa ada beberapa Kerajaan Negeri yang masih membekukan permohonan-permohonan untuk lot-lot perusahaan yang masih kosong di Kampung-kampung Baru.

Tuan Lee Boon Peng: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Perkara tanah yang dibeku ialah di Negeri Sembilan. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan tindakan yang beliau bercadang hendak ambil untuk berdialog dengan Kerajaan Negeri Sembilan?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tanah di Negeri Sembilan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan Negeri Sembilan merancang untuk meluaskan kawasan-kawasan Kampung Baru yang ada sekarang untuk menjadikan satu kawasan berbilang kaum termasuklah mengambil tanah estai ada dirancangan.

TUNGGAKAN BIL TALIPON

18. Tuan S. Samy Vellu (di bawah S. O. 24 (2)) minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) jumlah tunggakan-tunggakan bil-bil talipon di tiap-tiap negeri;
- (b) samada beliau sedar bahawa di Negeri Pulau Pinang didapati ada setengah-setengah pelanggan mempunyai tunggakan-tunggakan yang meningkat ke beberapa ribu ringgit dan kenapa Jabatan Talikom tidak mengambil apa-apa tindakan bagi mendapatkan balik wang-wang tersebut; dan
- (c) samada beliau boleh memberi jaminan bahawa apa-apa kesalahan yang berlaku dalam bil-bil ini akan dibetulkan dengan segera kerana kalau tidak ianya boleh menyusahkan pelanggan-pelanggan.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah tunggakan-tunggakan setakat Februari, 1976 yang belum dijelaskan oleh pelanggan-pelanggan talipon yang ada ialah seperti berikut:

Selangor	...	...	\$1,759,000
Penang	...	...	\$ 448,000
Perak	...	...	\$ 336,000
Kedah/Perlis	...	...	\$ 270,000
Johor	...	...	\$ 310,000
Negeri Sembilan	...	...	\$ 157,000
Melaka	...	...	\$ 125,000
Kelantan	...	...	\$ 113,000
Trengganu	...	...	\$ 53,000
Pahang	...	...	\$ 19,000
Sabah	...	...	\$2,500,000
Sarawak	...	...	\$ 2,000

- (b) Jika seseorang pelanggan itu tidak membayar sewa taliponnya dan bayaran-bayaran panggilan jauh, perkhidmatan taliponnya akan dipotong sementara selepas tempoh amaran yang sepatutnya diberi. Jika dia tidak juga membayarnya, taliponnya akan diambil kembali buat selama-lamanya. Pelanggan itu juga diberi peluang selanjutnya untuk membayar bil tersebut, jika gagal juga dia akan didakwa melalui mahkamah. Biasanya pelanggan-pelanggan mula-mula dikehendaki membayar

wang cagaran sama banyaknya lebih kurang dengan sewa dua bulan ditambah bayaran-bayaran panggilan jauh.

Di Pulau Pinang bilangan pelanggan-pelanggan ialah lebih kurang 20,700 dan mereka yang ada tunggakan-tunggakan lebih dari \$2,000 dalam bulan Februari ialah 18 sahaja. Bilangan ini dapat dikurangkan beransur-ansur melalui kawalan yang ketat dengan cara memotong perkhidmatan talipon, jika pelanggan tersebut tidak membayar selepas tempoh amaran.

- (c) Kakitangan-kakitangan Talikom bahagian kawasan dan perkiraan telah diarah untuk membaiki secepat mungkin sebarang kesalahan-kesalahan yang dibuat dalam memproses bil supaya ia tidak menyusahkan kepada pelanggan.

CUKAI PENDAPATAN

19. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah Kerajaan enggan menambahkan jumlah pengecualian cukai pendapatan bagi seorang suami sehingga \$3,000 dan seorang isteri \$2,000.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, sebarang kenaikan pada potongan bagi cukai pendapatan sebanyak yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan mengakibatkan kehilangan hasil yang Kerajaan pada masa ini tidak dapat menanggunginya. Ini akan berlaku dengan dua cara. Pertama, ramai pembayar-pembayar cukai tidak lagi akan membayar apa-apa cukai pendapatan dan dengan itu akan mengurangkan asas cukai. Dalam hal ini, eloklah diambil perhatian iaitu bilangan terbesar pembayar-pembayar cukai adalah dalam golongan pendapatan ditaksir sebanyak \$6,000 ke bawah. Kedua, seperti Ahli Yang Berhormat mungkin sendiri sedar, pada masa ini kadar-kadar cukai pendapatan perseorangan adalah progresif meningkat daripada 6% kepada 55%. Dengan terdapatnya kadar sedemikian, keuntungan dari sebarang kenaikan pada potongan cukai bukan sahaja akan dinikmati oleh golongan pendapatan rendah bahkan juga oleh golongan pendapatan tinggi. Lebih tinggi kadar cukai sut

yang dikenakan, lebih banyaklah untung diterima dan dengan itu lebih banyaklah kehilangan hasil. Misalnya, sekiranya potongan itu dinaikkan sebanyak \$1,000, kerugian cukai dari seorang individu ialah \$60 jika kadar sutnya yang dikenakan ialah 6%, tetapi \$550 jika kadar sut ialah 55%. Memandangkan dari segi keuntungan kepada seseorang individu jelaslah bahawa lebih besar pendapatan seseorang itu, maka lebih banyaklah keuntungan cukai yang dinikmatinya dari sebarang kenaikan pada potongan-potongan dari cukai.

Dengan itu, nyatalah bahawa selain dari kehilangan hasil, sebarang kenaikan pada potongan-potongan cukai akan mengakibatkan struktur cukai pendapatan menjadi kurang progresif. Kerana sebab-sebab inilah Kerajaan berasa keberatan hendak mengambil apa-apa langkah ke arah seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar di Britain, Menteri Kewangan di sana telah mengurangkan atau menaikkan chargeable income untuk dikenakan sebagai cukai pendapatan individu. Dan adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar juga oleh kerana kita sekarang berada di zaman inflasi dan nilai wang itu makin lama makin turun, maka keberatan dan kesusahan rakyat jelata yang berpendapatan rendah lebih berat pada masa sekarang, kalau dibandingkan dengan 5 tahun dahulu. Oleh kerana itu tidak ada satu kes untuk Kerajaan meninggikan atau menaikkan chargeable income untuk membayar cukai pendapatan individu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bahagian pertama tidak perlu dijawab, itu terkeluar daripada soalan pokok; bahagian yang kedua itu, sila.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab bahagian kedua soalan tambahan itu, kalau saya tidak salah, maksud Ahli Yang Berhormat itu untuk mencadangkan supaya satu review dibuat atas kadar-kadar cukai pendapatan. Saya suka menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan memang sentiasa mengawasi terhadap situasi yang memerlukan waspada tentang perubahan keadaan jika timbul yang mungkin memerlukan review dibuat atas kadar-kadar cukai pendapatan yang sedia

ada. Ini adalah soal dasar yang amat penting sekali yang bukan sahaja menyebabkan kemudahan pembayaran cukai pendapatan, termasuklah saya sendiri, tetapi juga akan menjelaskan asas cukai sekali. Maka tentulah review itu hanyalah dapat di pertimbangkan apabila ada bukti yang jelas menunjukkan bahawa itulah kehendak kebanyakan pembayar-pembayar cukai pendapatan selepas mereka memahami penuh akan implikasi-implikasi serta akibatnya kepada satu-punca cukai penting yang kita harus memelihara untuk membiayai berbagai-bagai kemudahan awal ataupun kemajuan demi untuk kepentingan rakyat kita keseluruhannya.

Dr Tan Chee Khoo: Adakah Kementerian Kewangan atau Kerajaan Pusat menyiasat jika kita menaikkan chargeable income untuk orang bawahan, umpamanya, \$3,000 individu yang tidak ada isteri dan kita menaikkan cukai untuk orang atasan; Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan, kita sedar orang yang di atas cuma membayar 50% chargeable income. Kalau kita naikan 55% atau 60% umpamanya, adakah Kerajaan atau Kementerian Kewangan menyiasat rancangan yang saya sebutkan tadi supaya apa yang Kerajaan hilang daripada orang bawahan boleh didapati balik daripada orang kaya atau orang atasan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah cuba katakan tadi, ini adalah satu soal rombakan structure cukai pendapatan kita dan Kementerian Kewangan memang sentiasa berwaspada tentang situasi itu, dan setakat ini walaupun ada kajian dibuat dari satu masa ke satu masa tetapi keadaan yang ada sekarang belum lagi memerlukan kita membuat rombakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 21 hingga 35 adalah diberi di bawah ini).

HOSPITAL BARU DI BEAUFORT

20. Tuan Haji Mohd. Tanfeck bin O.K.K. Haji Asneh minta Menteri Kesihatan menyatakan kenapakah Bangunan Hospital

Besar Daerah Beaufort masih belum dimulakan pembinaannya, sedangkan tender telah dikeluarkan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Cuma tender under membina rumah-rumah kakitangan bagi hospital baru di Beaufort sahaja yang telah dipanggil dan telah diberi kepada calon yang berjaya pada bulan Februari, 1976. Kerja-kerja pembinaan akan dapat dimulakan bila-bila masa sahaja sekarang. Tender bagi pembinaan bahagian-bahagian lain hospital baru itu belum lagi dipanggil.

BIL TALIPON

21. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Perhubungan menyatakan berhubung dengan perkhidmatan talipon di Negeri Sabah:

- (a) samada beliau sedar tentang kesusahan yang dihadapi oleh pelanggan-pelanggan talipon oleh kerana mereka mendapat bil-bil talipon mereka tiga bulan sekali, dan jika ya, samada Kerajaan bercadang hendak menghantar bil-bil talipon sebulan sekali sebagaimana yang dilakukan di Semenanjung Malaysia; jika tidak, mengapa, dan jika ya, bila;
- (b) samada beliau sedar bahawa apabila seseorang itu memohon bagi mendapatkan perkhidmatan talipon beliau akan diberi nombor talipon tetapi perkhidmatannya lambat sampai kepadanya hingga memakan masa berbulan-bulan lamanya dan apabila pertanyaan dibuat mengenainya, beliau akan diberitahu bahawa Jabatan Talikom sedang menunggu surat perjanjian; samada beliau sedar bahawa jawapannya mengenai perkara ini dalam mesyuarat Parlimen yang lepas adalah berlawanan dengan apa yang sebenarnya berlaku, dan jika ya, samada Kerajaan bercadang hendak mengambil tindakan dalam perkara ini bagi mengelakkan kejadian ini berlaku lagi pada masa akan datang; dan
- (c) samada Kerajaan bercadang hendak mengadakan sebuah buku panduan talipon yang sama bagi Semenanjung Malaysia dan Negeri-negeri Sabah dan Sarawak untuk menggantikan apa yang ada sekarang, dan jika ya, bila; jika tidak, mengapa.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):

- (a) Pada masa sekarang pengeluaran bil-bil talipon di Sabah adalah dibuat dengan cara menggunakan tenaga manusia dan dihitong panjang tiket-tiket talipon yang hendak diproses ialah 50,000 sehari atau 150,000 sebulan. Jabatan Talikom telah mengemukakan perakuan kepada Jabatan Peraturan Acara untuk mempercepatkan proses pengeluaran bil dengan cara menggunakan sistem kira-kira elektronik bagi menggantikan sistem tenaga manusia. Sebaik sahaja ini dipersetujui dan bergantung atas masa pengeluaran alat kira-kira elektronik, Jabatan ini akan menukarkan cara pengeluaran bil dari suku tahun ke dua bulan sekali dan kemudian sebulan sekali jika ini didapati lebih memuaskan. Adalah diharapkan penukaran ini akan dapat dibuat pada awal tahun hadapan. Buat sementara waktu ini, segala usaha telah dibuat untuk mempercepatkan proses pengeluaran bil di Sabah.
- (b) Peraturan bagi permohonan dan perbekalan talipon-talipon di Sabah telah diperbaiki sekarang dengan mengurangkan seberapa kesusahan yang boleh kepada pemohon-pemohon. Pada masa sekarang sebaik sahaja seseorang memohon untuk mendapatkan talipon, dia diberi nombor talipon sebelum penyiasat dijalankan samada atau tidak ada kebel atau alat ibusawat untuk menyambungkan talipon tersebut. Dalam setengah hal, ini menyebabkan kekeciwaan jika didapati tidak ada kebel dari ibusawat yang ada dan sekim-sekim baru memakan masa untuk menyiapkan. Pada masa akan datang nombor-nombor talipon hanya akan diberi selepas dijalankan penyiasatan dan mendapati ada kebel dan alat ibusawat untuk membolehkan perkhidmatan diberi.
- (c) Panduan talipon untuk Semenanjung Malaysia pada masa sekarang sangatlah tebal volumenya dan jika Sabah dan Sarawak dimasukkan untuk dijadikan buku yang sama akan bertambah besar

lagi dan susah untuk dipegang. Sebenarnya dengan perkembangan yang luas dalam perkhidmatan talipon, boleh jadi berguna di masa akan datang untuk dijadikan dua volume panduan talipon Semenanjung Malaysia.

CARUMAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

22. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan mengarah diadakan satu pengkajian peraturan-peraturan K.W.S.P. supaya membolehkan seorang pencarum menggunakan jumlah wang pencaruman K.W.S.P.nya itu untuk membeli rumah kerana ini adalah satu jenis jaminan yang lebih kukuh untuk pencarum selepas ia bersara.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Seperti Ahli Yang Berhormat maklum, soalan yang seumpama ini telah pun dijawab dahulunya di Dewan ini. Walau bagaimanapun, saya suka mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk menyatakan bahawa sebarang keputusan untuk membenarkan pengeluaran caruman K.W.S.P. untuk tujuan membeli rumah hendaklah memenuhi kehendak-kehendak berikut:

- (i) Mestilah selaras dengan objektif asal K.W.S.P. untuk memberi jaminan di masa tua pekerja-pekerja.
- (ii) Seberapa banyak pekerja secara purata mestilah dapat mengeluarkan wang yang mencukupi, sekurang-kurangnya untuk membayar wang perbezaan di antara harga rumah dan jumlah pinjaman yang disediakan oleh pemaju-pemaju perumahan.

Kerajaan telah beberapa kali mengkaji masalah pengeluaran wang caruman K.W.S.P. untuk perumahan kerana adalah tujuan Kerajaan untuk menggalakkan setiap pekerja mempunyai rumah yang didudukinya. Dalam tahun 1968, setelah membuat kajian, Kerajaan telah meminda Ordinan K.W.S.P., 1951 untuk membolehkan penca-rum-pencarum yang telah meningkat umur 50 tahun mengeluarkan 1/3 daripada caruman K.W.S.P. mereka. Tujuan pengeluaran lebih awal dari umur bersara ialah untuk menolong pekerja-pekerja membeli rumah masing-masing.

Dalam tahun 1974, Kerajaan telah menjalankan satu kajian yang mendalam mengenai perkara ini. Seperti yang telah dijawab di Dewan ini pada 12hb November, 1974, pengeluaran caruman K.W.S.P. untuk tujuan membeli rumah tidak akan mencapai tujuannya kerana hanya sedikit sahaja pekerja akan mendapat faedah dari sekim yang sepatutnya memberi faedah kepada kebanyakan mereka. Data menunjukkan hanya 18% daripada pekerja-pekerja yang berumur di antara 36 - 55 tahun mempunyai wang caruman lebih daripada \$4,000 dan daripada jumlah pencarum-pencarum yang aktif hanya 6.63% menerima gaji lebih daripada \$500 sebulan. Ini bermakna hanya sebilangan kecil pekerja-pekerja yang boleh mengeluarkan wang caruman mereka untuk membeli rumah yang berpatutan dan mereka akan menghadapi masalah bayaran ansuran bulanan untuk rumah tersebut, yang berjumlah lebih dari 1/3 gaji mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, K.W.S.P. ialah penyumbang yang terbesar kepada pinjaman tempatan yang diperolehi oleh Kerajaan pada tiap-tiap tahun. Jumlah ini telah dan akan digunakan oleh Kerajaan untuk rancangan-rancangan pembangunan mengikut dasar Kerajaan dan di antaranya ialah untuk membina lebih banyak rumah-rumah murah awam. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan akan menguntukkan jumlah yang lebih besar bagi tujuan ini. Oleh kerana rancangan rumah murah Kerajaan ini bertujuan untuk menolong orang-orang yang berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri, secara tidak langsung ini bermakna pencarum-pencarum K.W.S.P. juga mendapat faedah, kerana kebanyakan pencarum-pencarum K.W.S.P. adalah mereka yang menerima gaji kurang daripada \$500 sebulan.

Setelah dikaji dengan teliti Kerajaan telah memutuskan iaitu cadangan mengeluarkan caruman khususnya untuk membeli rumah tidaklah boleh diterima buat masa ini.

Walau bagaimanapun, satu lagi kajian sedang dibuat untuk mencari jalan supaya pencarum-pencarum kepada Kumpulan Wang itu mendapat faedah yang berpatutan daripada wang mereka pada masa mereka tua kelak.

PEPERIKSAAN S.P.M./S.T.P.

23. Dr. Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan samada terdapat apa-apa rancangan untuk membatalkan peperiksaan S.P.M. dan S.T.P., jika ya, mengapa ianya akan dibatalkan dan nyatakan kriteria baru yang akan digunakan untuk masuk ke Universiti-universiti.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Kementerian Pelajaran sehingga masa ini tidak bercadang membatalkan peperiksaan S.P.M. dan S.T.P. Walaupun bagaimanapun masalah peperiksaan adalah di antara perkara-perkara yang akan ditimbang oleh Jawatankuasa Menteri yang telah ditubuh untuk mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

24. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Pertanian menyatakan samada beliau sedar tentang perlunya badan-badan belia, yang bercorak pertanian atau perusahaan seperti juga syarikat-syarikat kerjasama atau Persatuan-persatuan Peladang, digabungkan dalam koperasi peladang di bawah bendera Lembaga Pertubuhan Peladang supaya dapat diselaraskan kegiatan dan matlamat pembangunan pertanian dan koperasi. Jika sedar, bilakah ini akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Saya sedar tentang kebaikannya jika badan-badan belia yang bercorak pertanian bergabung dengan koperasi peladang dari segi menyelaraskan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan pertanian. Dalam pada itu, tidak pula bermakna bahawa penyelarasan tidak dapat dilakukan tanpa pergabungan itu. Sebenarnya, sebuah jawatankuasa penyelarasan sudah pun ditubuhkan di Kementerian Pertanian bukan sahaja untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan pertanian badan-badan belia tetapi juga badan-badan lain seperti FELDA, FELCRA, TRISDA dan sebagainya.

PERBELANJAAN HOSPITAL ATAS KEMALANGAN JALANRAYA

25. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Kesihatan menyatakan

samada Kementeriannya membuat penyelidikan dan menyimpan rekod jumlah perbelanjaan Hospital-hospital kerana kes-kes kemalangan jalanraya pada tiap-tiap tahun; jika ya, nyatakan jumlahnya; jika tidak samada Kerajaan akan melaksanakan penyimpanan rekod serta jumlah perbelanjaannya.

Tan Sri Lee Siok Yew: Kementerian saya tidak menyimpan rekod perbelanjaan yang berasingan bersabit dengan kes-kes kemalangan jalanraya. Kementerian saya tidak berhajat untuk menyimpan maklumat seperti itu kerana difikirkan menafaatnya tidak setanding dengan tenaga dan perbelanjaan wang yang diperlukan untuk menyimpannya.

HARGA MINYAK

26. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan memandang harga minyak yang tinggi di dalam negara, adakah kemungkinan bahawa cukai tokok ke atas bekalan letrik akan dinaikkan dan jika ya, samada Kerajaan akan mengambil langkah untuk mengelakkannya.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Bayaran tambahan minyak bahan api sekarang iaitu 3.8 sen seyunit bagi pengguna-pengguna perniagaan dan perindustrian mungkin tinggal pada aras ini sehingga Kontrek-kontrek Minyak Bahanapi Port Dickson yang teratur pada masa ini, yang mana mengenainya Lembaga Letrik Negara telah menandatangani perjanjian dengan Syarikat Minyak Shell dan Esso dalam tahun 1968, tamat tempohnya pada 31hb Ogos, 1978. Selepas tarikh ini, bayaran tambahan bahanapi semestinya akan naik tetapi Lembaga Letrik Negara sedang mengambil langkah-langkah untuk menduga kemungkinan memajukan segala sumber-sumber haidro yang ada di dalam negeri ini untuk mengurangkan setakat mana yang boleh kenaikan dalam bayaran tambahan bahanapi itu.

BANGUNAN IBU PEJABAT POLIS DAERAH DI SABAH

27. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan bangunan-bangunan Ibu Pejabat Polis Daerah yang telah dibina sejak Negeri Sabah merdeka melalui Malaysia; dan
- (b) bilakah Bangunan-bangunan Ibu Pejabat Polis Daerah Beaufort, Membakut dan Weston akan dibina, untuk menggantikan bangunan yang ada sekarang yang sudah terlalu usang.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

- (a) Bilangan bangunan-bangunan Ibu Pejabat Polis Daerah yang telah dibina ialah sebanyak 20 buah dan 45 buah lagi di dalam pembinaan;
- (b) Rancangan untuk menggantikan Ibu Pejabat Polis Daerah Beaufort dan Membakut sedang dilaksanakan sekarang. Rancangan untuk membina Pondok Polis di Weston pula sedang diusahakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

PERUMAHAN GURU-GURU LUAR BANDAR

28. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau mempunyai Rancangan memberi kemudahan perumahan kepada guru-guru sekolah luar bandar oleh kerana salah satu daripada sebab-sebab kelemahan murid-murid di luar bandar sekarang ialah oleh kerana guru-guru tinggal jauh dari sekolah masing-masing dan tiada dapat meluangkan masa dalam kegiatan luar daripada selepas waktu sekolah.

Dr Mahathir bin Mohamad: Kementerian Pelajaran sememangnya bercadang untuk membina lebih banyak rumah guru di luar bandar di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini untuk membolehkan guru-guru tinggal di kawasan sekolah. Tetapi rancangan ini tidak akan dapat mengatasi masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat jika guru-guru yang berkenaan tidak mahu tinggal di rumah guru yang disediakan. Sekarang ini pun terdapat banyak rumah-rumah guru di luar bandar yang kosong.

DADAH DIKALANGAN BELIA

29. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar bahawa orang ramai masih tidak berpuashati dengan usaha-usaha Kerajaan untuk melawan keburukan dadah di negara ini dan nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk memperhebatkan lagi kempenya terhadap anti dadah.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Kerajaan sedar bahawa masalah dadah khasnya dikalangan belia telah bertambah serious. Mereka ini sekarang bukan lagi menyalahgunakan ganja tetapi sudah masuk ke penggunaan jenis Heroin—dadah yang amat merbahaya.

Atas kesedaran ini Kerajaan telah mengambil tindakan yang lebih positif. Dalam bulan Oktober 1972 Kerajaan telah menubuhkan Pusat Biro Narkotik yang diberi tanggungjawab Penguatkuasaan dan juga merancang aktiviti-aktiviti pencegahan salahguna dadah, sebagai tambahan kepada tiga agensi Penguatkuasaan, iaitu Jabatan Polis, Kastam dan Kementerian Kesihatan yang telah lama sedia ada. Kerajaan telah juga menggalakkan kerjasama dua hala (bi-lateral) antara negara-negara jiran dan dengan cara ini dapat melebihi lagi kegiatan-kegiatan penguatkuasaan khasnya disempadan untuk menghalang penyeludupan dadah ke dalam negeri ini. Tindakan bersama empat agensi penguatkuasaan ini telah membawa penangkapan 3,202 orang pesalah-pesalah dadah diakhir tahun 1975, hampir dua kali ganda tangkapan pesalah-pesalah dalam tahun 1974 (1819 orang) dan tahun 1973 (1613 orang). Pesalah-pesalah yang ditangkap dalam tahun 1975 itu termasuklah 68 orang yang telah dihantar ke Pulau Jerejak oleh Jabatan Polis di bawah Undang-undang Dharurat 1969 (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) dan Ordinan Kediaman Terhad, dan 66 orang pengedar termasuk 15 orang oleh Pusat Biro Narkotik yang dituduh dibawah Pindaan-pindaan Baru Ordinan Dadah Berbahaya 30/52 yang membawa hukuman bunuh atau penjara seumur hidup serta sebat dengan rotan tidak kurang 6 kali. Pusat Biro Narkotik telah juga mengambil tindakan keatas dua orang pengedar dibawah Ordinan Kediaman Terhad.

Jumlah heroin yang dirampas dalam tahun 1975 ialah 198 paun, lebih kurang dua kali ganda dari tahun 1974 (58 paun 14 oz) dan hampir 3 kali ganda tahun 1973 (41 paun) dan 20 kali ganda dari 1972. Candu masak 191 paun 10 aun lebih 3 kali ganda dari tahun 1974 (53½ paun), Morfin 52 paun 1½ kali ganda dari tahun 1974 (20 paun 13½ aun). Pokok ganja yang dirampas dan dibinasakan sebanyak 84,327 lebih 16 kali ganda dari tahun 1974 (5,141 pokok) dan 2 kali ganda dari tahun 1973 (47,401 pokok). Dadah pil jenis MX 52,112 butir, lebih kurang 1½ kali ganda dari tahun 1974 (28,841 pil).

Dari segi pencegahan—Jabatan-jabatan Kerajaan dan Pertubuhan-pertubuhan sukarela telah dan sedang giat menjalankan pelbagai langkah-langkah untuk menerangkan bahaya-bahaya dan keburukan menyalahguna dadah kepada orang awam, khasnya ibubapa, guru-guru dan belia-belia. Pusat Biro Narkotik telah juga pergi ke ceruk rantau Semenanjung Malaysia memberi penerangan kepada semua golongan masyarakat seperti dipertunjukkan berikut:

	1973	1974	1975
(a) Foram/Simposium/Seminar/Bengkel	5	6	16
(b) Ceramah/Syarahan/Perbincangan	72	112	325
(c) Tayang filem	11	18	34
(d) Pamflet/Pertunjukkan	65	76	61

Memandang kepada perangkaan ini maka sudah nyata aktiviti bahagian ini makin bertambah. Ini adalah disebabkan kesedaran rakyat terhadap bahaya-bahaya menyalahgunakan dadah dan keinginan mereka mengetahui lebih mendalam lagi.

Selain daripada ini beberapa Kementerian lain juga turut membantu. Adalah dasar Kementerian Pelajaran memasukkan perkara mengenai dadah sebagai salah satu mata pelajaran diseluruh sekolah. Banyak Jabatan lain telah menjalankan kursus dadah untuk pegawai dan kakitangan masing-masing. Kementerian Kebajikan Am dengan kerjasama Kementerian Kesihatan telah menubuhkan tiga buah Pusat Rawatan dan Pemulihan bagi penagih-penagih dadah di Bukit Mertajam, Kuala Kubu Bharu dan Tampoi, Johor dan 24 pusat-pusat "detection" dan "detoxification". Semua tindakan ini diambil dengan tujuan memberi sepenuhpenuh pertolongan kepada penagih-penagih dadah untuk dirawat supaya mereka itu

pulih dari penyakit sosial yang merbahaya ini dan kembali memberi sumbangan dan tenaga kepada kemajuan dan kemakmuran negara ini. Nyatalah Kerajaan telah mengadakan hukuman yang paling berat kepada pelari dan penyeludup dadah dan memberi kemudahan-kemudahan rawatan kepada penagih-penagih.

Kerajaan sungguh sedar bahawa segala usaha-usaha yang dijalankan ini tidak akan cukup dan dapat mengatasi masalah salah-guna dadah di negara ini tanpa satu faktor lagi yang amat penting—iaitu Kerjasama dan penyertaan orang ramai. Orang ramai dengan setiap anggota masyarakat hendaklah berdamping sama dalam usaha menentang perbuatan menyalahgunakan dadah dan jangan dibebankan kepada pihak Kerajaan sahaja. Dengan tujuan melibatkan orang ramai supaya membantu mencegah salah-guna dadah maka Kerajaan telah menubuhkan Persatuan Kebangsaan Mencegah Salah-guna Dadah (PEMADAM) yang telah dilancarkan dengan rasminya oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 22hb Mac, lalu. Persatuan ini yang akan ditubuhkan ke peringkat negeri dan daerah merupakan benar-benar satu persatuan oleh orang ramai kerana rakyat jelata diharap memainkan peranan mereka secara bantu membantu dan tolong menolong satu sama lain supaya jangan ada sesiapa pun dalam sesuatu kumpulan atau masyarakat terlibat dalam menyalahgunakan dadah.

DEMAM DENGGI

30. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- berapa banyak kes-kes demam denggi yang berlaku di negara ini dalam bulan Januari dan Februari, 1976;
- berapakah di antara mereka yang meninggal dunia akibat daripada penyakit yang tersebut dan di negeri manakah kejadian denggi yang membawa kematian itu; dan
- apakah tindakan-tindakan yang telah dijalankan untuk mengatasi wabak yang tersebut dan sejauh manakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- Jumlah kes-kes yang disyaki telah mengidap penyakit demam denggi berdarah di negara ini dalam bulan

Januari, 1976 ialah 39 orang manakala dalam bulan Februari, 1976 ialah 25 orang.

- Di antara orang-orang yang disyaki telah mengidap penyakit demam denggi berdarah itu, 2 orang telah meninggal dunia dalam bulan Januari, 1976. Kedua-duanya ini ialah dari Negeri Perak. Dalam bulan Februari, 1976 pula, 4 orang telah meninggal dunia, 3 daripadanya dari Negeri Johor dan 1 dari Negeri Perak. Sehingga 13hb Mac, 1976 terdapat 73 kes ke semuanya dan dari jumlah ini terdapat 6 kes kematian dan 9 kes lagi masih di dalam hospital. Secara detail, kes-kes ini adalah di negeri-negeri berikut:

1. Pulau Pinang	1 kes.
2. Perak ...	35 kes termasuk 3 kes kematian dan 5 kes masih di dalam hospital.
3. Selangor	11 kes termasuk 2 kes masih di dalam hospital.
4. Wilayah Persekutuan	17 kes.
5. Negeri Sembilan	1 kes yang masih di dalam hospital.
6. Johor ...	7 kes termasuk 3 kes kematian dan 1 kes masih di dalam hospital.
7. Pahang ...	1 kes.

Di negeri-negeri lain termasuk Sabah dan Sarawak, tidak ada kes-kes denggi dilaporkan.

- Tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengawal wabak demam denggi ini ialah tindakan sertamerta untuk membunuh nyamuk-nyamuk Aedes yang membawa kuman virus itu dengan semburan ubat-ubat pembunuh serangga samada dengan menggunakan "Swing-fogging" atau "Ultra low volume spraying". Selain daripada ini, langkah-langkah untuk menghapuskan pembiakan-pembiakan nyamuk Aedes telah juga diambil seperti menggunakan Abate dalam bekas-bekas air, membersihkan kawasan rumah, membuang atau menanam bekas-bekas yang boleh menampung air yang tidak berguna dan lain-lain lagi. Setakat ini wabak demam denggi telah dapat di kawal.

Satu kawasan yang telah diserang hebat oleh wabak penyakit ini ialah Kg. Koh, di mukim Sitiawan, Perak di

mana 22 kes termasuk 3 kematian telah berlaku daripada 14hb Januari, 1976 hingga 24hb Februari, 1976. Semenjak hari terakhir itu, tiada kes-kes berlaku di dalam kawasan ini.

Selain daripada langkah khas bagi kawalan wabak ini, di bawah Akta Kawalan Serangga Pembawa Penyakit 1975, sejumlah 26,345 buah rumah telah diperiksa hingga akhir bulan Februari, 804 Perintah telah dikeluarkan, dan 117 kes telah dikompaun.

SETTINGGAN-SETTINGGAN

31. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar tentang masalah setinggan-setinggan yang amat banyak di Negeri Selangor dan di Wilayah Persekutuan seumpamanya di Ampang, Serdang, Sungai Way, Salak Selatan dan Kampung Medan, jika ya, nyatakan samada terdapat rancangan-rancangan segera untuk menempatkan semula setinggan-setinggan tersebut.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Jumlah setinggan yang terdapat di sekitar Wilayah Persekutuan ialah lebih kurang 200,000 orang, menduduki tidak kurang daripada 30,000 buah rumah. Bilangan ini bertambah dengan banyaknya boleh dikatakan tiap-tiap hari dan merupakan salah satu daripada masalah terbesar yang dihadapi oleh pentadbiran Dewan Bandaraya. Setakat ini terdapat sebanyak 39 buah kawasan setinggan.

Adalah menjadi dasar Dewan Bandaraya untuk memperbaiki keadaan di kawasan-kawasan setinggan ini serta taraf hidup penduduk-penduduknya dengan cara mengadakan kemudahan-kemudahan asas seperti paip umum, jalan dan jambatan, tandas awam (di mana yang difikirkan perlu), kemudahan-kemudahan permainan dan kemasyarakatan dan memberi bantuan dalam kerja-kerja gotong-royong bagi membersihkan kawasan-kawasan tersebut dengan tujuan mengawal serta menjamin kesihatan penduduk-penduduknya. Projek-projek seumpama ini berjalan berterusan dari setahun ke setahun.

Kerajaan terpaksa bersifat tegas supaya masalah setinggan yang dihadapi sekarang ini tidak akan bertambah burok sehingga

tidak dapat dikawal. Tindakan-tindakan segera perlu diambil bagi mencegah bertambahnya rumah-rumah setinggan. Hanya apabila sesuatu kawasan yang diduduki oleh setinggan itu diperlukan untuk projek pembangunan maka perlulah setinggan-setinggan tersebut dipindahkan ke rumah-rumah pangsa, jika ada. Jika tidak mereka mungkin akan dipindahkan ke satu kawasan sementara dan apabila rumah-rumah pangsa telah siap dibina di atas tapak yang telah dikosongkan itu maka setinggan-setinggan yang berkenaan dan juga mungkin setinggan-setinggan dari kawasan lain akan dipertimbangkan untuk ditempatkan semula di rumah-rumah pangsa tersebut.

POSTER ANTI RASUAH DAP

32. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar bahawa poster anti rasuah yang ditampalkan oleh DAP di Ipoh dan Bidor telah dikoyakkan oleh polis baru-baru ini, jika ya, apa tindakan akan diambil oleh Kementerianya terhadap polis yang mengganggu hak politik DAP yang sah dari segi undang-undang.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Saya sedar bahawa poster anti rasuah yang dikatakan telah ditampal oleh D.A.P. di Ipoh dan Bidor itu telah dikoyakkan oleh polis, baru-baru ini. Tindakan polis untuk mengoyakkan poster-poster itu bukanlah kerana mereka tidak bersetuju poster-poster itu ditampalkan oleh D.A.P., tetapi pada pendapat mereka, setelah perkara ini dibincangkan dengan Timbalan Pendakwa Raya, Ipoh dan juga Penasihat Undang-undang, poster-poster itu adalah mengandungi perkataan-perkataan yang boleh dianggap sebagai suatu kesalahan yang boleh dituduh di bawah Undang-undang Akta Hasutan dan perkara itu adalah sedang di dalam siasatan polis untuk membuktikan siapa yang bertanggungjawab menampalkan poster-poster itu.

SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN SERI GAMBUT

33. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian bercadang membina sebuah bangunan baharu untuk

Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Gambut memandangkan bahawa bangunan sekolah yang ada sekarang ini terlalu buruk dan tidak sesuai untuk digunakan.

Dr Mahathir bin Mohamad: Kementerian Pelajaran sememangnya mempunyai cadangan untuk membina sebuah bangunan baru bagi menggantikan bangunan lama Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Gambut, Batu Pahat di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

INSTITIUT TEKNOLOJI MARA— KAMPUS CAWANGAN

34. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian Pelajaran bercadang hendak mengadakan cawangan-cawangan I.T.M. mengikut kawasan (Region) dan kemudian memindahkan penuntut-penuntut I.T.M. itu ke Shah Alam untuk pelajaran tinggi sahaja.

Dr Mahathir bin Mohamad: Pada masa ini Institiut Teknoloji MARA telah pun menubuhkan kampus-kampus cawangannya di Perlis, Trengganu, Sabah dan Sarawak. Buat masa ini Institiut Teknoloji MARA akan menangguhkan rancangannya untuk membuka kampus cawangan di kawasan-kawasan lain supaya perhatian yang dapat ditunjukkan bagi memperkukuhkan susunan yang ada dan juga sementara menunggu satu laporan berkenaan dengan pencapaian Institiut Teknoloji MARA dalam bidang tugasnya oleh sebuah Jawatankuasa Siasatan akademik yang sedang ditubuhkan.

Pelajar-pelajar yang ditempatkan di kampus-kampus cawangan ada setengahnya yang dipindahkan ke kampus induk di Shah Alam kerana kursus-kursus peringkat akhir tidak dapat dijalankan di cawangan-cawangan tersebut.

HOSPITAL BESAR/DAERAH DI MALAYSIA

35. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan Hospital Besar dan Hospital Daerah serta bilangan katilnya sekali sehingga 31-12-1975 diseluruh negara;
- (b) bilangan Hospital Besar dan Hospital Daerah yang sedang dalam pembinaan;

(c) bilangan Hospital Besar dan Hospital Daerah yang akan dibina dalam rancangan Malaysia Yang Ketiga; dan

(d) bilangan Daerah yang penduduknya lebih daripada 65,000 orang tetapi tidak dirancangan pembinaan Hospitalnya dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan nyatakan (jika ada), nama-nama Daerah itu dalam tiga buah negeri iaitu Kelantan, Trengganu dan Pahang.

Tan Sri Lee Siok Yew:

(a) Jumlah Hospital Besar di Malaysia ialah sebanyak 13 buah, dan jumlah Hospital Daerah pula ialah 71 buah. Selain daripada itu ada juga sebanyak 7 buah Hospital Yayasan Perubatan. Jumlah katil-katil yang ada pada 31-12-75 ialah sejumlah 33,685 buah semuanya.

(b) Hospital Besar yang sedang di dalam pembinaan ialah sejumlah 3 buah iaitu Hospital Besar Kuala Lumpur, Hospital Besar Ipoh dan Hospital Besar Kubang Krian, Kota Bharu, Kelantan. Hospital Daerah yang sedang di dalam pembinaan ialah 2 buah iaitu di Jerantut dan Machang. Hospital-hospital yang sedang di dalam peringkat perancangan yang akan dibina tidak lama lagi ialah sebanyak 3 buah Hospital Besar iaitu Hospital Besar Klang, Hospital Besar Kuantan dan Hospital Besar Kuala Trengganu dan 4 buah Hospital Daerah iaitu di Sitiawan, Telok Anson, Tanah Merah dan Pasir Mas. Dalam Rancangan Malaysia Kedua sebanyak 5 buah hospital-hospital lagi telah diluluskan dan ada di dalam peringkat awalan perancangan iaitu di Kulim, Batu Pahat, Kulai, Raub dan di Cameron Highlands.

(c) Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian saya telah bercadang hendak membina 8 buah Hospital Daerah dan sedang menunggu kelulusan dalam perkara ini.

(d) Bilangan Daerah-daerah yang mempunyai penduduk-penduduknya lebih daripada 65,000 orang yang masih belum ada rancangan untuk membina hospital dalam Rancangan Malaysia Ketiga ialah 4 buah daerah sahaja. Daripada 4 Daerah ini hanya satu

daerah sahaja di dalam Negeri Kelantan yang terlibat iaitu di Daerah Bachok. Jika wang yang diperuntukkan adalah mencukupi, maka sebuah hospital daerah akan juga dibina untuk Daerah Bachok.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBERASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang ada di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang ada di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT TEKNOLOJI MARA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (14hb April, 1976)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan pada hari semalam, Ahli Yang Berhormat dari Besut telah bercakap dan saya telah berjanji untuk membenarkan beliau bercakap lagi kalau ada hujah-hujah baharu yang hendak dikemukakan. Sila.

3.36 ptg.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, oleh sebab saya dapat menyambung lagi ucapan saya pada hari ini yang ada sedikit sebanyak lagi hujah-hujah baharu yang

saya rasa dapat saya timbulkan di sini. Semalam sewaktu Majlis ini ditangguhkan saya sedang menimbulkan beberapa perkara di bawah Fasal 7 (1) iaitu berhubung dengan penubuhan cawangan I.T.M. Saya mengesyorkan supaya cawangan-cawangan I.T.M. ini diperbanyakkan di kawasan-kawasan luar bandar di dalam berbagai krusus-krusus yang sesuai. Ini kerana saya memandangkan selain daripada kepentingan institut itu sendiri, maka penubuhan cawangan I.T.M. di kawasan luar bandar adalah memberi erti, memberi faedah yang besar di dalam perkembangan kemajuan masyarakat sekitar di kawasan itu. Umpamanya, dengan adanya cawangan-cawangan I.T.M. di pekan-pekan kecil di luar bandar akan menimbulkan atau akan mewujudkan suasana akademik di kawasan itu dan juga barangkali boleh mendorong perkembangan ekonomi kalau tidak pun secara besar-besaran, tetapi secara kecil-kecilan dan begitu juga di dalam perkembangan sosial.

Saya juga, Tuan Yang di-Pertua, semalam mencadangkan dan merayu supaya satu daripada cawangan I.T.M. ini ditubuhkan di Besut iaitu di kawasan pilihanraya saya. Saya menimbulkan perkara ini kerana pihak Majlis Tindakan Daerah Besut telah dapat rahsia bahawa I.T.M. sekarang ini beruraura hendak menubuhkan pusat kemahiran tangan di Pantai Timur dan sedang mencari tempat yang sesuai, dan pihak Pegawai Daerah Besut telahpun menulis surat rasmi kepada pihak yang berkenaan berhubung dengan perkara ini dan satu kawasan tapak seluas 15 ekar telahpun disediakan. Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi jaminan di sini walaupun saya tidak mempunyai kuasa sekiranya dikehendaki kawasan tapak yang lebih luas lagi daripada itu pun saya sanggup boleh ikhtiarkan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat apabila meminta cawangan I.T.M. ini ditubuhkan di Besut di kawasan saya semalam Yang Berhormat Menteri Pelajaran senyum. Saya sendiri malam tadi tidak dapat mentafsirkan senyum itu samada senyum bersetuju atau senyum tidak bersetuju, tetapi saya memegang pada kebiasaan jika seseorang anak dara apabila ditanya dia sanggupkah berkahwin dengan si anu, si anu kalau senyum maka ini menunjukkan dia bersetuju (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tengok senyumnya itu lamakah atau pendek. (*Ketawa*).

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat juga masa Yang Berhormat Menteri Pelajaran senyum, Tuan Yang di-Pertua sendiri masam.

Sekarang, izinkan saya menyentuh sedikit di dalam Fasal 4 (a) dan 8 (1). Tuan Yang di-Pertua, di dalam Fasal 4 (a) ialah mengadakan kursus-kursus dan Fasal 8 (1) ialah pembahagian institut kepada sekolah dan pusat-pusat. Saya suka mengesyorkan supaya pihak I.T.M. mempertimbangkan mengadakan kursus-kursus di dalam pentadbiran, pengurusan, perdagangan dan accountancy pada peringkat yang rendah daripada apa yang ada sekarang.

Maksud saya I.T.M. boleh dikatakan setakat ini memandang ke atas dan bergerak ke arah yang lebih tinggi iaitu mengadakan kursus-kursus sehingga sekarang ini kursus-kursus ijazah dan barangkali juga akan ditimbang kursus-kursus untuk post graduate, tetapi saya suka menimbulkan supaya I.T.M. mengkaji kemungkinan mengadakan kursus yang lebih rendah iaitu pada peringkat L.C.E. atau S.R.P., kerana saya dapati mengikut sistem pelajaran kita yang ada sekarang saya anggapkan ada satu jurang atau sebagai satu gap iaitu pada peringkat L.C.E. Pada peringkat S.P.M. penuntut-penuntut yang mendapat kelulusan S.P.M. ada peluangnya samada masuk institusi ini ataupun lain-lain pusat pengajian yang mendapat kelulusan H.S.C. atau S.T.P. ada peluangnya melanjutkan pelajaran ke universiti, tetapi bagi penuntut-penuntut, murid-murid yang hanya lulus S.R.P. tetapi gagal S.P.M. peluangnya begitu sempit. Sungguhpun ada disediakan kursus-kursus vokesyenal dan ada juga barangkali dianjurkan oleh pihak MARA iaitu sebagai Pusat Latihan Kemahiran MARA, tetapi saya rasa ini masih belum mencukupi. Sekarang ini kita dapati ramai di antara penganggur-penganggur daripada anak-anak kita ialah mereka yang gagal di dalam peperiksaan S.P.M. tetapi mempunyai sijil S.R.P. Sekiranya pihak I.T.M. dapat memikirkan kursus-kursus pendek yang sesuai dan dapat mengeluarkan sijil-sijil yang setaraf dengan kursus itu yang diiktirafkan, saya rasa ini adalah memberi faedah yang besar. Umpamanya, mengadakan kursus-kursus pengurusan, pentadbiran syarikat-syarikat perdagangan penyimpanan kira-kira dalam

syarikat-syarikat, urusan-urusan bank dan juga perjanjian-perjanjian kontrek, urusan-urusan tender dan sebagainya.

Saya menimbulkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana mengikut pengalaman saya dan saya dapati penuntut-penuntut atau siswazah-siswazah I.T.M. telah memberi khidmat, telahpun kita memperuntukkan siswazah ini untuk berkhidmat di lapangan-lapangan swasta dan juga lapangan awam di dalam peringkat yang lebih tinggi. Kalau mereka inipun berkhidmat di dalam syarikat barangkali di dalam syarikat yang besar-besar yang berkehendakan gaji yang lebih tinggi, tetapi kita dapati di luar bandar pada hari ini ada syarikat-syarikat bumiputra yang memerlukan pegawai-pegawai pada peringkat rendah. Umpamanya, banyak syarikat-syarikat yang ditubuhkan sekarang ini pihak pedagang-pedagang, peniaga-peniaga bumiputra di luar bandar yang barangkali mempunyai modal \$20,000—\$30,000 sahaja berkehendakkan kepada pegawai-pegawai untuk menjadi pengurus, penyimpan kira-kira dan sebagainya. Syarikat-syarikat ini tidak mampu menggajikan pegawai-pegawai yang bertauliah kerana gajinya barangkali lebih daripada \$500. Jika ada mereka yang berkelulusan L.C.E. sahaja tetapi diberi kursus-kursus sekadar cukup barangkali untuk menguruskan pentadbiran syarikat itu sahaja, menjalankan penyimpanan kira-kira dan sebagainya boleh digaji kurang daripada \$300 dan ini memberi faedah yang besar. Banyak syarikat-syarikat bumiputra di luar bandar didapati tidak dapat berjalan lancar kerana pengurusan. Saya sendiri pernah berunding dengan pengurus-pengurus beberapa buah bank untuk meminta pertolongan supaya diberi pinjaman kepada peniaga-peniaga bumiputra, tetapi kebanyakan jawapan yang saya terima bahawa pengurus-pengurus bank tidak puas hati dengan perjalanan syarikat-syarikat itu kerana pengurusannya, penyimpanan kira-kiranya tidak disimpan dengan betul. Inilah saya rasa I.T.M. boleh memainkan peranan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang menarik hati saya ialah tentang ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada hari semalam. Saya rasa statement yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sudah melampau dan tidak betul. Apabila Ahli Yang Berhormat itu mengatakan di

institusi-institusi pengajian tinggi sekarang ini penuntut-penuntut terkongkong sehingga takut hendak bertanya di dalam majlis forum dan beliau mencontohi majlis forum di mana beliau sendiri menghadiri di Universiti Sains Malaysia. Ini satu kenyataan yang saya anggap tidak betul dan sangat merbahaya. Walaupun kenyataan ini begitu ringkas tetapi implikasinya terhadap negara, terhadap masyarakat saya fikir ini besar ertinya. Jika perkara ini barangkali dibesar-besarkan oleh pihak-pihak lain maka akan timbullah satu gambaran bahawa di dalam negara kita sekarang ini sehingga penuntut-penuntut di institusi pelajaran tinggi pun terkongkong fikirannya, terkongkong mulutnya dan tidak dapat sehingga hendak bertanya untuk mengetahui masalah negara pun tidak berani lagi, kerana mengikut kata Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada hari semalam bahawa mereka itu takut dicap; takut barangkali rekodnya diburukkan. Saya menganggap perkara ini tidak betul dan patut perkara ini dihapuskan dan tidak dapat diterima oleh masyarakat. Saya sendiri ada sedikit-sedikit pengalaman dan ada bercampur dengan beberapa orang pemimpin-pemimpin pelajar sendiri di beberapa institusi pengajian tinggi dan saya pernah berbincang dan saya dapati tidak timbul masalah seumpama ini.

Saya sendiri masih ingat beberapa tahun yang lepas sewaktu saya mengambil kursus hubungan antarabangsa di Universiti Malaya sehingga diadakan majlis-majlis forum, bukan sahaja dengan pensyarah-pensyarah tempatan tetapi juga dengan pensyarah-pensyarah dari negara-negara kominis dan dibebaskan membincangkan apa sahaja sama ada masalah dalam negara sendiri ataupun masalah luar negeri tetapi atas asas-asas akademi dibenarkan. Saya rasa tidak langsung terkongkong di dalam masalah hendak mengetahui masalah yang berlaku dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa, tetapi saya yakin barangkali ada setengah-setengah golongan di kalangan penuntut-penuntut itu sendiri yang dahulunya memang dengan sengaja di dalam majlis-majlis forum, di dalam perjumpaan-perjumpaan hadir hendak menimbulkan isu-isu (issue) atau pertanyaan-pertanyaan dengan tujuan yang jahat. Barangkali dengan tujuan hendak menyindir, tujuan hendak

memperli ataupun tujuan hendak memperolok-olokkan seseorang pemimpin dengan tujuan yang jahat. Barangkali sekarang ini mereka itu berasa cuak sedikit hendak menimbulkan perkara-perkara seumpama itu. Saya rasa perkara ini patutlah dibetulkan supaya anggapan, terutama sekali dari negara-negara luar tidaklah memandang bahawa Kerajaan Malaysia kita ini terlampau bersikap diktator sehingga mengongkong pelajar-pelajarnya sendiri di institusi-institusi pelajaran tinggi.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, semalam saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan, kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan juga kepada Pengarah I.T.M. kerana tindakannya yang bijaksana menyelesaikan masalah yang berlaku iaitu sedikit kekacauan yang timbul baru-baru ini di I.T.M. Akhir sekali, saya menyeru kepada segenap lapisan masyarakat, kepada semua pihak supaya memberi sokongan yang sungguh-sungguh kepada pihak Kerajaan untuk mengatasi apa sahaja masalah yang timbul pada masa hadapan dengan perasaan yang jujur, kerana saya yakin bahawa pihak Kerajaan tidak sekali-kali berniat walau sedikit pun hendak memusnahkan anak-anak kita di dalam bangku persekolahan apatah lagi di institusi-institusi pelajaran tinggi yang kita memang berniat, yang kita memang hendak menyediakan mereka itu supaya memimpin negara ini pada masa yang akan datang.

3.49 ptg.

Tuan Sbaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dengan sepenuhnya. Saya percaya dengan adanya Rang Undang-undang yang telah dikemukakan ini akan membawa kebaikan kepada negara baikpun dari segi pentadbiran, ekonomi dan berbagai-bagai lagi.

Sebagaimana kita sama-sama maklum sejarah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan biasa dinyatakan di dalam perjumpaan-perjumpaan lain daripada Dewan yang mulia ini mengatakan tujuan I.T.M. ini diadakan untuk menampung yang mana ada industri-industri dan firma-firma yang telah ditubuhkan amat kekurangan bilangan bumiputra yang bekerja di situ bagi pihak pekerja mahir dan sebagainya samada ada atau tidak ada sekalipun

ialah bagi pihak pekerja-pekerja buruh. Maka tujuan yang besar kata Yang Amat Berhormat Menteri yang berkenaan I.T.M. ditubuhkan untuk menampung tujuan tersebut. Tetapi sebagaimana kita sama-sama maklum dengan niat kita yang suci, dengan niat kita yang mulia telah berlaku berbagai-bagai halangan yang dilakukan oleh pihak yang tidak akan membuat jasa sendiri. Tetapi disebabkan tindakan yang bijaksana dan baik oleh pihak-pihak yang berkenaan iaitu Yang Berhormat Menteri sendiri begitu juga oleh pengarahnya dapat diselesaikan sebagaimana yang dikatakan oleh pihak wakil-wakil rakyat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang ini maka akan dilantik Pengarah dan Timbalan Pengarah oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Rang Undang-undang ini. Saya berharap tiap-tiap seorang pengarah yang akan dilantik tentulah sedikit sebanyak akan berpandu atau mengikut apa yang telah dilakukan oleh penuntut-penuntut di masa dia belum menjadi pengarah. Saya kata begitu sebab kita berasa sedih di atas apa yang berlaku tempoh hari walaupun kita dapat menyelesaikan dan kita yakin dan percaya apa yang akan dilakukan oleh pengarah yang baru ialah untuk menjaga kebaikan, disiplin, tatatertib dan sebagainya. Saya berikan satu contoh di mana dahulu pelajar-pelajar I.T.M. rambutnya panjang dan kadang-kadang tidak dapat hendak membezakan yang mana lelaki dan yang mana perempuan, kalau kita tidak tegok daripada hadapan betul-betul kerana rambutnya panjang. Seorang lelaki menyerupai perempuan dan kadang-kadang kalau kita tegur akan mendapat tindakan ataupun ejekan daripada pelajar-pelajar I.T.M. sendiri. Tetapi bersyukur kita kepada Tuhan apabila datang Pengarah yang baru telah mengubah sikap ini walaupun Pengarah berkata aturan memendekkan rambut telah ada tertulis di dalam dasar ataupun peraturan I.T.M. tetapi tidak diambil langkah ataupun tidak dijalankan oleh Pengarah I.T.M. yang sebelum daripadanya. Jadi, saya berpendapat kalau satu-satu tindakan yang kita akan ambil walaupun tindakan itu baik biarlah kata orang dengan cara berdikit-dikit kalau boleh supaya tidak berlaku apa yang telah dilakukan di masa yang lepas dan seboleh-bolehnya dasar itu tidak akan bertukar—tetapi dasar I.T.M. Siapa jadi

Pengarah sekalipun dia akan datang mengikut dasar yang lama ataupun kalau hendak diubah biarlah diubah sedikit-sedikit. Saya yakin dan saya mengucapkan tahniah apa yang dibuat oleh Pengarah yang baru mendapat sokongan yang kuat daripada seluruh penduduk dalam tanahair kita apatah lagi yang ingin melihat tiap-tiap pelajar tadi walau bagaimana tinggi pelajarannya sekalipun, tatatertib, sopan-santun tidak lagi daripada pelajaran, kerana mengikut adat dan tata susila orang Melayu bagaimanapun tinggi sekalipun seseorang itu darjatnya sopan-santun mestilah dijaga. Dengan sebab itu, saya percaya dan saya mendengar tentang rungutan-rungutan yang disebutkan oleh tiap-tiap masyarakat apa yang dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri dan apa yang dijalankan oleh Pengarah yang berkenaan mendapat sambutan yang baik dan kita ucapkan tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dikatakan oleh rakan saya tadi supaya dibanyakkan institusi ini di luar-luar bandar, saya amat menyokong penuh dan di samping itu saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan kerana di dalamnya telah disebutkan juga di Negeri Perlis dan benda itu telah ada di Perlis dan saya mendapat tahu akan diperbesarkan lagi. Jadi atas nama rakyat Negeri Perlis saya mengucapkan tahniah dan saya berdoa kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dipanjangkan umur, bertambah sihat, inudah-mudahan kami rakyat Negeri Perlis akan bertambah baik lagi di segi pelajaran dan sebagainya. Di samping itu, saya juga berharap bukanlah sahaja dibuat di Negeri Perlis sebagaimana kata saudara saya tadi tetapi hendaklah dibuat di luar-luar bandar. Saya tidak maksudkan di pekan kecil. Saya maksudkan di luar-luar bandar kerana saya berpendapat seorang itu akan menjadi baik atau buruk, masyarakat di sekeliling akan menjadi panduan. Katakanlah seorang itu berasal daripada seorang yang bersopan-santun takdirnya dia masuk ke satu masyarakat yang liar, maka lama-kelamaan orang yang bersopan-santun tadi akan terikut sama dengan keadaan masyarakat yang liar. Begitu juga kalau seorang itu keadaannya tidak bersopan-santun, dia masuk dalam satu masyarakat yang baik dan bersopan-santun keadaannya akan mengikut keadaan di tempat masyarakat yang dia ada bersama di dalamnya.

Jadi saya tidaklah mengata masyarakat bandar ini satu masyarakat yang tidak baik tetapi walau bagaimanapun kita tidak menafikan masyarakat kampung adalah satu masyarakat yang baik apatah lagi di segi jiran tetangga, di segi sopan-santun dan banyak lagi perkara-perkara yang kita dapat tiru.

Sebagai satu contohnya saya tengok I.T.M. di Shah Alam. Kita telah menempatkan pelajar-pelajar di satu tempat yang jauh dengan orang seolah-olah mereka itu berada dengan satu masyarakat yang berasingan seperti mana kita buat di Pulau Jerejak, dan sebagainya. Saya tidak maksudkan mereka ini seperti di Pulau Jerejak tetapi kita tempatkan satu tempat kadang-kadang kita tengok sebelum pelajar I.T.M. datang ke situ rambutnya begitu pendek, janggut tidak ada dan sebagainya. Tiba-tiba bila pergi ke I.T.M. balik tiga bulan kemudian keadaannya sudah menjadi lain. Jadi seperti saya katakan tadi dia pergi ke satu tempat yang masyarakatnya tidak seperti itu bila dia tengok kawan-kawan dia tadi berambut panjang, maka keadaan terikut-ikut itu mesti ada padanya. Jadi dengan sebab itu saya berharap supaya di segi ekonomi menambahkan kebaikan lagi bukan sahaja di pekan kecil patut juga diadakan di luar-luar bandar tersebut. Dengan adanya institusi ini di luar bandar dari segi ekonominya juga kita boleh mengurangkan perbelanjaan. Misalnya, saya katakan tadi I.T.M. Katalah sekati daging di Kuala Lumpur tetap perbelanjaannya tidak kurang daripada \$3.40 ataupun \$3.80 sekati tetapi kalau di Kedah dan di Perlis tidak lebih daripada \$3 sekati daging. Jadi bila pelajar-pelajar itu ada di luar bandar, di segi perpaduan dengan masyarakat, di segi perbelanjaan lain, di segi pergaulan dengan orang-orang kampung juga dari segi perbelanjaan seperti yang saya katakan tadi menambahkan keringanan kepada perbelanjaan sekolah dan juga membolehkan kepada kaum-kaum bumiputra ataupun peniaga-peniaga mengambil peluang bersama janganlah semata-mata semua peniaga ditumpu di bandar-bandar baikpun di Kuala Lumpur atau di bandar-bandar yang lain.

Begitu juga saya berharap sangat selain daripada kita mengadakan sekolah-sekolah yang saya katakan tadi di luar-luar bandar sepatutnya diadakan juga masjid-masjid di tempat yang berkenaan kerana kita dapati

kebanyakan pelajar-pelajar ini terdiri ataupun lebih tepatnya saya kata semuanya bumiputra. Walau n dikatakan oleh setengah golongan tetapi sebagaimana saya katakan dan kita sedia maklum bagaimana kita buat baik sekalipun ada manusia dan orang-orang yang tidak bersetuju dengan pendapat kita, tetapi kita tidak menafikan yang bumiputra hari ini adalah lemah dari segi perindustrian, dari segi perniagaan untuk menyeimbangkan kaum yang ada dalam tanah-air kita apa yang Kerajaan fikir patut buat tentulah dia akan buat. Tentang hendak mendapat persetujuan 100% daripada segenap golongan, Tuan Yang di-Pertua, selagi manusia dikatakan manusia, selagi alam dikatakan alam, memang tidak ada benda yang orang dapat bersetuju 100%. Walau bagaimanapun, sesudah kita yakin baik dengan adanya I.T.M. yang telah ditubuhkan patutlah juga seperti saya katakan tadi tempat-tempat yang kita akan adakan, kerana kita dapati tiap-tiap satu tempat tidak kurang daripada 200 orang pelajar dan mengikut ugama kita Islam yang mana saya percaya Yang Amat Berhormat Menteri yang berkenaan pun seorang yang baik dari segi keugamaan, sepatutnya kalau ada 40 atau 50 orang lebih patutlah diadakan satu masjid walaupun kita percaya pelajar-pelajar tersebut boleh menumpang di masjid-masjid yang ada berhampiran dengannya tetapi lebih baik diadakan sebuah masjid khas yang dinamakan masjid. Misalnya, ada satu masjid di Negeri Perlis, di samping itu ada juga satu masjid untuk pelajar-pelajar yang berkenaan dan disesuaikan khutbah yang hendak dibaca dengan keadaan pelajar-pelajar yang berkenaan. Jadi tiap-tiap khutbah ini, kita tahu sebagai syarahan atau penerangan dan tiap-tiap khutbah tadi mengikut keadaan untuk orang yang hendak mendengar dan mengikut keadaan masa. Jadi kalau kita campurkan sekali penuntut-penuntut dengan orang-orang awam kadang-kadang apa yang kita patut nasihat kepada pelajar-pelajar berkenaan dengan ugama tidak bersesuaian dengan orang-orang lain yang hadir sama dalam masjid yang tersebut. Maka dengan sebab itu, saya berpendapat kalau di segi lain kita sanggup mengeluarkan perbelanjaan beratus-ratus ribu ringgit untuk membina sebuah masjid yang berharga \$40 atau \$50, patutlah diadakan di tiap-tiap tempat.

Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat patutlah pelajar-pelajar yang berkenaan sesudah berada di luar bandar hendaklah dibawa melawat ke kampung-kampung sebagai perjumpaan muhibbah, berdialog dan sebagainya ataupun menolong membuat kerja gotong-royong pada hari-hari cuti. Apa yang saya nyatakan di sini sebagai satu contoh yang saya tengok di Perlis di negeri saya sendiri, pelajar-pelajar I.T.M. di Perlis selalu membuat kerja gotong-royong bersama-sama dengan penduduk-penduduk kampung. Di situ mendatangkan satu perasaan kasih mesra, baikpun daripada penduduk-penduduk kampung-kampung mereka tahu tanggung-jawab pelajar-pelajar yang begitu bersusah-payah menuntut pelajaran dan pelajar-pelajar pun tahu bagaimana susah-payah kehidupan orang-orang kampung. Di sini mendatangkan satu perasaan kasih mesra, baik dari segi kesusahan, pergaulan, adat sopan dan sebagainya. Jadi, saya berharaplah di tempat-tempat lain pun patutlah diadakan sedemikian dan saya berharap juga sesudahnya pelajar-pelajar berkenaan mendapat diploma-diploma yang tertentu sebagaimana dikatakan oleh Menteri yang berkenaan, patutlah juga nama-nama mereka yang telah lulus diberitahu kepada firma-firma atau industri-industri yang berhampiran dengan tempat mereka terutamanya. Misalnya, saya katakan di Perlis. Masih banyak, Tuan Yang di-Pertua, hari ini yang mana saya sentuh di sini sebagai kilang simin dan kilang gula, di mana pekerja-pekerja mahir boleh dikatakan terdiri dari semua, kalau adapun sedikit sangat daripada kaum bumiputra. Ini amat menyedihkan kita. Walaupun rancangan ataupun industri ini menjadi kebaikan kepada negara dan ramai orang mendapat pekerjaan, dengan itu boleh dikatakan kalau sesiapa yang mahu bekerja di Perlis jaranglah menjadi orang yang menganggur, pendek kata ada sahaja pekerjaan, dengan terdiri-nya kilang simin dan kilang gula.

Tetapi yang malangnya seperti saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, ia tidak ia kerja untuk kaum bumiputra boleh dikatakan tidak kurang daripada 95% ialah buruh kasar. Jadi saya berharap sangatlah dengan adanya pelajar-pelajar yang saya katakan tadi janganlah apabila pelajar-pelajar yang berkenaan telah lulus sampai bertahun-tahun, kadang-kadang ada pelajar yang tersebut

tidak mendapat pekerjaan, sedangkan pekerjaan patut diberikan kepada mereka. Jadi tiap-tiap industri, itupun kadang-kadang dia hendak tengok siapa yang tolong uruskan, kalau orang yang menguruskan hal itu dia tidak kenal, tidak ada bersangkut-paut dengan dia kadang-kadang dia seolah-olah macam kita kata tidak begitu mengambil berat sangat. Saya berharaplah sesudahnya Kerajaan kita mengeluarkan belanja yang begitu banyak, ini tujuan baik janganlah pula dikatakan seseorang pelajar itu sudah mendapat pelajaran yang begitu tinggi patutlah dia cari sendiri. Tetapi kita tidak menafikan alam ini, Tuan Yang di-Pertua, pandang-memandang masih ada pada manusia dan saya percaya Tuhan masih ada pandang-memandang sebab itu Allah berjanji Nabi dan sahabat-sahabatnya ditetapkan masuk dalam Syurga—ini tidak dapat kita hendak elakkan.

Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kerajaan bahkan kepada Kementerian yang berkenaan sesudah menjalankan rancangan-rancangan yang begini baik supaya dapat menjalankan lagi sebagaimana saya katakan tadi untuk mendapat kebaikan.

4.01 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Instituit Teknologi MARA yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Sebelum saya menyentuh hal-hal mengenai dengan Rang Undang-undang ini, saya ingin menyentuh ucapan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Di dalam ucapan kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini menyentuh, yang pertama sekali supaya I.T.M. ini dibuka kepada semua kaum di dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, bagi saya sendiri saya menentang di atas cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ini oleh kerana pada masa ini pun kita sedia maklum I.T.M. telah ditubuhkan beberapa lama yang dikhaskan kepada bumiputra dan didapati lapuran yang akhir kelulusan daripada penuntut-penuntut ini hanya 10% sahaja. Jadi jika kita tidak membaiki betul-betul lagi, jika

kita tidak jadikan sebuah institusi yang benar-benar dapat diterima, dapat dipuaskan oleh pihak Kerajaan, baik rakyat, selagi itulah patut kita ditentukan I.T.M. ini dihaskan untuk bumiputra sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua berkenaan dengan ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya sebutkan tadi yang telah mengatakan tidak bersetuju melantik Pengarah di Bahagian IV, Fasal 20—tidak bersetuju melantik Pengarah daripada mereka yang dari perkhidmatan awam. Ini terbayang kepada kita bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat ini tidak bersetuju dengan perlantikan Pengarah yang ada sekarang. Oleh sebab itu saya membangkang cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ini, oleh kerana perlantikan Pengarah yang disebutkan dalam Bahagian IV, Fasal 20 ini adalah diserahkan kepada Yang Berhormat Menteri, biarlah Yang Berhormat Menteri sahaja menentukan perlantikan yang penting kepada I.T.M.

Apabila kita mendengar ucapan Yang Berhormat Menteri kita terasa bahawa Rang Undang-undang ini yang dibentangkan di dalam Dewan ini semalam lahirnya kerana daripada apa yang telah berlaku kepada I.T.M. pada masa yang lalu yang sentiasa dikawal, dibendung dengan begitu baik tetapi bagi akhir-akhir ini telah menjadi dengan begitu rupa. Jika sekiranya tidaklah terjadi begitu barangkali kita tidak tahu bahawa penuntut-penuntut yang datang ke I.T.M. yakni boleh dikatakan pada keseluruhannya datang daripada penuntut-penuntut luar bandar yang kita berharap sangat-sangat supaya mereka ini lulus dan dapat menampung kehendak negara tetapi Yang Berhormat Menteri telah menyebut hanya mereka ini mendapat kelulusan sebanyak 10% sahaja.

Kepada rakyat seluruh negara yang sudah memerhati di atas hasil kelulusan daripada I.T.M. ini khasnya di dalam jurusan bank dan selalu rakyat menyebut mengapa tidak ramai pegawai-pegawai di dalam bank yang terdiri daripada kaum bumiputra—sebagai satu contoh. Sekarang kita sedar oleh kerana inilah maka pegawai-pegawai di dalam bank ini tidakpun sampai 10% terdiri daripada bumiputra sendiri. Kesedaran yang

begini rupa saya suka mengambil peluang di sini mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah diberi kuasa untuk melindungi I.T.M. untuk memberi kepercayaan penuh bukan sahaja kepada negara bahkan kepada rakyat seluruhnya.

Pada masa-masa akhir yang telah lalu keadaan I.T.M. dipandang dari segi rakyat telah begitu menurun yang sepatutnya tidak menjadi begitu. Rakyat sentiasa memandang misalnya Universiti Malaya telah dipandang sebagai satu universiti yang paling tinggi, yang paling baik sekali di dalam negara kita dan rakyat juga memandang I.T.M. ini juga begitu tinggi dan sentiasa memberi penghormatan kepada penuntut-penuntut di situ sebagai mereka yang terdiri daripada anak-anak bumiputra yang sentiasa dibantu khasnya oleh pihak Kerajaan supaya di dalam negara kita ini yang telah dipertingkatkan di dalam masa tempoh 20 tahun ekonomi bumiputra patut mendapat 30%. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan satu daripada tempat pengajian tinggi sudah jadi begini tidak dapatlah kita membayangkan apakah 30% dalam tempoh 15 tahun lagi itu akan berhasil. Kadang-kadang rakyat tertanya-tanya mungkin kita tidak akan berhasil. Tetapi oleh kerana Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah mengambil daya usaha begini dan apa yang telah jadi di I.T.M. baru-baru ini telahpun mendapat sokongan daripada rakyat keseluruhannya, sungguhpun ada sebahagian kecil, kita dengar daripada kumpulan parti-parti politik telahpun menghantar ucapan-ucapan, talipon, surat dan sebagainya kepada Kerajaan dan kepada Yang Berhormat Menteri dan kepada Pengarah yang berkenaan, dengan ini saya percaya Yang Berhormat Menteri Pelajaran tidak ragu-ragu atas sokongan ini, bukan sahaja di dalam Dewan ini bahkan kepada rakyat keseluruhannya akan memberi sokongan yang penuh, bukan kerana hendak menganiaya penuntut-penuntut I.T.M. bukan kerana hendak merendah-rendahkan, bukan kerana hendak menjadi I.T.M. sebuah institusi pelajaran tinggi yang tidak setaraf dengan antarabangsa misalnya, bahkan juga dikaji, diketahui, difahami seperti mana yang difahamkan oleh Ahli-ahli Dewan ini. Saya percaya rakyat tidak akan ragu-ragu memberi kepercayaan kepada I.T.M. ini dan berharap seberapa segera yang boleh di dalam tempoh masa yang pendek perkataan 10% tidak lagi diberi tahu kepada rakyat.

Jika dapat di dalam masa yang pendek juga rakyat akan mendengar kelulusan I.T.M. ini daripada segala bidang 100%. Jadi oleh sebab itu, saya tidak ragu-ragu di atas kebolehan Yang Berhormat Menteri, saya tidak ragu-ragu apabila Rang Undang-undang ini berjalan dan tidak bertujuan menganiayai sesiapa pun, bahkan akan mendapat nama yang lebih baik daripada keadaan sekarang. Jika sekiranya rakyat tidak dapat memahami, saya percaya akhbar-akhbar tentu dapat memainkan peranan penting untuk memberikan bantuan penerangan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita dengar ucapan Yang Berhormat Menteri mengatakan penuntut yang ada sekarang seramai 7,500 orang itu hanya diperuntukkan sebanyak 4,500 sahaja. Bagaimana terjadi demikian, tak payah dipersoalkan. Barangkali, bagaimana saya katakan tadi supaya tempat-tempat yang kita tengok, sebagai contohnya di bank-bank; hanya tak sampai 10% yang ada dalam bank itu, kerana hendak diberi lebih, barangkali sebab inilah maka penuntut-penuntut ini telah diambil sebegitu ramai. Oleh kerana terlalu ramai, tentulah tidak dapat dikawal, tidak dapat diberi kesempurnaan yang begitu baik. Tetapi saya percaya dengan adanya Rang Undang-undang ini, masalaah-masalaah yang tidak dapat diselesaikan mungkin akan dapat diselesaikan satu persatu dan saya berpuashati kerana Yang Berhormat Menteri mengatakan tidak akan membuang seorang pun daripada 7,500 orang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal-hal lain kita sedar I.T.M. ini di satu masa dahulu disebabkan ada RIDA dan pada tahun 1966 telah ditubuhkan MARA dan pada masa ini pula I.T.M. adalah Badan Berkanun duduk di bawah Kementerian Pelajaran. Dan dengan cara ini didapati pada masa akan datang tentulah apa yang sudah diharapkan sangat oleh Ahli-ahli Dewan ini supaya kemajuan yang lebih pesat akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga saat ini rakyat telah nampak Yang Berhormat Menteri, rakyat telah nampak pihak Pengarah dan kakitangan I.T.M. ini telah bersusah payah, telah cuba begitu pesat sekali hendak menjadikan, hendak meninggikan taraf yang disebutkan I.T.M. ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu syor saya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran oleh kerana mengenangkan kembali bagaimana keadaan penubuhan I.T.M. ini telah dibuat, oleh kerana mengenang kembali kepada pemimpin negara kita, saya suka syorkan I.T.M. ini disebut diberi nama Institiut Teknologi Tun Abdul Razak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu bagaimana yang telah diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terdahulu daripada saya mengatakan betapa baik dan betapa eloknyanya di dalam Seksyen 7 iaitu cawangan-cawangan dibuka di seluruh negara. Bukan sahaja di Trengganu, di Perlis, di Kedah, di Johor, di Perak pun sentiasa menerima penubuhan seperti ini. Kalau dipilih, terpulanglah kepada pihak Yang Berhormat Menteri memilih tempat-tempat yang menasabah. Jika difikirkan kawasan Larut menasabah, kawasan Taiping menasabah, kawasan Matang menasabah tidak menjadi hal, di mana-mana yang difikirkan yang sesuai untuk ditubuhkan cawangan Institiut ini.

Di dalam bahagian pelajaran didapati banyak pelajaran diajar di I.T.M. Pada pandangan saya untuk menyenangkan, untuk mengelokkan lagi I.T.M. yang ada di Shah Alam ini dijadikan sebuah I.T.M. yang tinggi daripada I.T.M. yang akan ditubuhkan di peringkat-peringkat cawangan yang disebutkan di peringkat Negeri yang saya maksudkan tadi. Misalnya, jika penuntut hendak belajar dalam bahagian teknologi di I.T.M., penuntut-penuntut ini hendaklah belajar di bahagian teknologi di peringkat cawangan terlebih dahulu, jika mereka ini didapati layak, baharulah dibawa ke peringkat Shah Alam. Jika sekiranya tidak dibuat begini, mungkin ramai akan berada di Shah Alam dan kita bimbang juga manalah tahu pada masa akan datang 10% lagi akan disebut. Oleh sebab itu, cara cawangan untuk menyenangkan ialah kalau dapat satu-satu cawangan itu untuk melatih beberapa mata pelajaran sahaja sehingga sudah ada banyak cawangan. bolehlah pada pandangan saya hanya satu mata pelajaran sahaja bagi tiap-tiap cawangan. Katalah cawangan itu didirikan di Perak misalnya, dan di Perak ini dilatih dalam bahagian teknologi keseluruhan penuntut dilatihkan di Perak di dalam bahagian teknologi. Jika dilatih dalam bahagian perdagangan, katalah penubuhan di Kelantan misalnya, keseluruhannya penuntut berlatih pelajaran perdagangan di Kelantan. Supaya

tidak akan menjadi masalah besar di dalam bahagian pengajar dan supaya tidak menjadi masalah yang besar di dalam bahagian penyelenggaraan, dan tidak patut diberi alasan oleh kerana tidak ada pengajar maka cawangan ini tidak dapat ditubuhkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi daripada syor saya jika dapat, saya tidak dapat mengetahui yang sebenarnya keadaan pengajaran di I.T.M., oleh kerana di dalam bahagian perdagangan sekarang ini, kita tidak sahaja berada di lengkungan negara-negara Eropah, kita tidak sahaja berada di kawasan negara-negara Asia bahkan pada akhir-akhir ini kita sudah pun menghubungi bahagian perdagangan yang rapat dengan negara-negara Timur Tengah.

Oleh sebab itu pelajaran yang digunakan di Timur Tengah dengan penghantar Bahasa Arab, eloklah mereka yang dilatih di I.T.M. ini dilatih satu daripada matapelajaran bahasa Arab khasnya jika terdapat mereka yang mengambil bahagian perdagangan.

Selain daripada kita telah mempelajari beberapa bahasa yang lain, saya percaya mungkin bahasa Arab kalau ada, tetapi dalam bahagian perdagangan seperti yang saya maksudkan tadi supaya di masa akan datang penuntut-penuntut yang keluar daripada Instituti Teknologi MA A ini bukan sahaja mereka akan menjadi ahli perniagaan atau bekerja dengan syarikat-syarikat swasta atau syarikat-syarikat yang hanya boleh menguruskan dalam bahasa Inggeris sahaja, bahkan jika dapat bahasa Arab yang kita tahu pada masa sekarang banyak telah diminta khasnya daripada negara-negara Timur Tengah yang mana menghendaki hasil-hasil negara kita dibawa ke negara mereka sebagaimana yang telah disusun dengan begitu baik oleh bekas Perdana Menteri kita, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak pada satu masa dahulu.

Mengenai perkara yang berlaku di I.T.M., Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun rakyat telah merasa dengan perasaan sedih, dan rakyat mulai terasa bimbang tetapi apabila áng Undang-undang ini diluluskan, keadaannya telah menjadi lega. Pada mulanya tentulah ada di antara rakyat tidak bersetuju dengan Rang Undang-undang ini, tetapi kita tahu ini adalah satu bilangan yang kecil yang tidak menjadi masalah kepada Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana

biasanya pada masa hendak meluluskan satu Rang Undang-undang seperti Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti pada masa dahulu pun ada di antara mereka yang telah menentang, tetapi sebagaimana yang saya katakan tadi oleh kerana barangkali mereka tidak dapat memahami benar-benar seperti mana yang telah difahamkan oleh Ahli-ahli Dewan ini maka penentangan itu pun dibuat. Saya percaya Rang Undang-undang inipun begitu juga, tetapi seperti yang saya katakan pada awal tadi kepercayaan, sokongan daripada keseluruhan rakyat telah pun diberi terlebih dahulu daripada Rang Undang-undang ini hendak dibentangkan di dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal-hal yang lain, saya tidak suka memberi ulasan di dalam Rang Undang-undang ini dan saya lihat pada keseluruhannya didapati cukup elok. Tetapi biasanya kadang-kadang apabila sahaja timbul satu-satu masalah Ahli-ahli Dewan ini sedia membuat pindaan lagi jika Rang Undang-undang ini patut dipinda dan tidak menjadi masalah. Saya yakin dan percaya bukan sahaja kepada áng Undang-undang ini, malahan Yang Berhormat Menteri serta pihak-pihak yang lain dapat menjalankan tugas dengan begitu baik terhadap I.T.M. Saya harap rancangan-rancangan cawangan yang ada di sini dapat dilaksanakan di seluruh negara. Kita juga percaya di satu masa mudah-mudahan satu daripada peranan untuk mencapai ekonomi bumiputra yang mana I.T.M. diuntukkan kepada bumiputra maka kita lebih menitik-beratkan kepada bumiputra dan kita harap satu daripada peranan mereka ialah peruntukkan 30% yang telah ditetapkan kepada pihak bumiputra dalam tempoh 20 tahun akan dapat dilaksanakan.

4.25 p/g.

Tuan Edwin anak Tangkum (Batang Lepar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil kesempatan membahaskan satu Akta Instituti Teknologi MARA, 1976 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran di Dewan yang mulia ini semalam.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya suka sebutkan di sini ialah mengenai cawangan-cawangan yang patut ditubuhkan di tempat-tempat dalam Malaysia yang mana difikirkan perlu oleh Yang Berhormat Menteri yang

berkenaan. Pada pandangan saya bagi kami di Negeri Sarawak, cawangan ini sangat perlu walau bagaimanapun di Sarawak dan Sabah sudah ada ditubuhkan cawangan, tetapi tidak mencukupi kerana di Sarawak kaum bumiputra masih banyak lagi ketinggalan dalam jenis-jenis perniagaan dan perusahaan. Di sini saya memohon supaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat memberi pertimbangan yang besar kepada Sarawak dengan menambahkan dari Semennjung Malaysia ke Negeri Sarawak. Dengan menambahkan kakitangan-kakitangan pengurusan ini di Sarawak, ianya sangat perlu kerana kakitangan-kakitangan ini dapat menyiasat dan dapat mengambil banyak penuntut-penuntut dari kampung-kampung di luar bandar di Sarawak.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun yang lepas Kerajaan Malaysia sudah menubuhkan banyak bank-bank di negeri ini, dan bank ini juga membolehkan bumiputra meminjam wang supaya dapat meninggikan taraf perniagaan dan perusahaan di seluruh negeri di Malaysia. Ini adalah sebagai satu contoh Kerajaan Malaysia yang mempunyai tanggungjawab yang berat khasnya kepada bumiputra yang miskin. Di samping ini saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat mengambil perhatian dengan menghantarkan pelatih-pelatih dari Sarawak di hantarkan keluar negeri.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 13 iaitu orang yang dilantik menjadi ahli Majlis dan Fasal 13 2 (i) menyatakan:

“(i) lima orang yang dilantik oleh Menteri, tidak lebih daripada dua daripada lima orang itu hendaklah pegawai awam.”

Saya bersetuju dengan Akta ini, tetapi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya dapat mengambil perhatian yang berat yang mana sepatutnya sekurang-kurangnya satu ahli Majlis ini diambil dari Negeri Sarawak dan satu dari Sabah. Kerana pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara-perkara yang berfaedah dengan memberi keuntungan kepada rakyat yang tinggal di luar bandar didapati sukar untuk mengambil kursus-kursus di dalam jenis perniagaan dan perusahaan.

Mengenai Fasal 7 di dalam Akta ini yang menghendaki Yang Berhormat Menteri menubuhkan banyak cawangan Instituit Teknologi MARA di Sarawak maka saya percaya perkara ini mendapat faedah yang besar kepada penduduk di luar bandar.

4.28 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut sama memberi sokongan penuh atas Rang Undang-undang Instituit Teknologi MARA, dan saya ingin berucap dengan ringkas sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini, maka segala urusan pentadbiran I.T.M. dapat berjalan dengan lebih baik dan lancar daripada masa-masa yang lepas. Bagi rakyat di Negeri Sarawak sangatlah terhutang budi kepada I.T.M. di mana muda-mudi dari Negeri Sarawak terutamanya bumiputra dari berbagai kaum dapat kesempatan belajar di I.T.M. sehinggalah sampai hari ini. Dan ramai pula daripada mereka yang keluar atau tamat belajar dari I.T.M. telah bekerja di Jabatan-jabatan Kerajaan, swasta atau syarikat-syarikat di Negeri Sarawak, atau negeri yang lain dalam Malaysia ini. Kami berharap pihak I.T.M. dengan kebijaksanaan Jawatankuasa Majlis yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini menjalankan tugas-tugas yang berat dan dapat mengatasi segala sesuatu sejajar dengan cita-cita Kerajaan yang ditetapkan oleh Akta ini kepada Majlis yang berkenaan mengenai semua perkara yang dipertanggungjawabkan kepada Majlis dari semasa ke semasa.

Rang Undang-undang ini juga telah menunjukkan kesedaran dan kejujuran Kerajaan dan Menteri Pelajaran atas melaksanakan dan mengawal seperti bahagian-bahagian dan dasar yang telah tercatat di dalam Rang Undang-undang ini sebagai satu benteng yang cukup kuat dan teratur rapi untuk memberi perlindungan kepada penuntut-penuntut serta bertata-tertib yang baik sesuai sebagai pemuda harapan bangsa yang akan menjadi pemimpin negara ini di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kami di Sarawak berasa sukacita apabila mengetahui iaitu penuntut dari Negeri Sarawak tidak terlibat di dalam rusuhan yang baru itu di I.T.M.

Shah Alam. Kami juga mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Menteri berkenaan di mana segala tindakan yang diambil itu satu perkara yang luarbiasa bagi menutup I.T.M. dan dapat mengatur dengan baik penuntut-penuntut I.T.M. dari Sarawak untuk balik ke kampung masing-masing serta datang semula ke I.T.M. bagi melanjutkan pelajaran mereka masing-masing dengan aman tenteram dan damai.

Saya juga menyokong atas tindakan Menteri berkenaan atas penuntut-penuntut I.T.M. yang bertanggungjawab membuat angkara atau merosakkan harta-benda I.T.M. serta menakut-nakutkan penuntut lain seperti mana kita semua tidak ingini. Kita juga berharap pihak yang menemu-duga penuntut yang telah disingkirkan itu untuk memasuki semula I.T.M. haruslah diselidiki dengan sehalus-halusnya supaya apabila mereka itu dibenarkan masuk semula tidak lagi mengulangi perbuatan yang bertentangan dengan tata-tertib di I.T.M. serta merugikan mereka sendiri dan negara. Penuntut-penuntut itu haruslah diambil perhatian berat oleh pihak I.T.M. atas segala kegiatan mereka semasa berada di kampus atau semasa pergaulan dengan penuntut-penuntut yang lain untuk mengelak tidak berulang lagi perbuatan yang tidak bertanggungjawab seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang ini segala cawangan I.T.M. yang telah ada di dalam Malaysia termasuk juga di Sarawak dapat diberi perhatian atas segala kemunduran atau kekurangan bagi kepentingan penuntut serta pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di situ. Saya berharap juga supaya cawangan I.T.M. di Sarawak diperbesarkan lagi untuk dapat menerima lebih ramai lagi penuntut terutama dari luar bandar yang berkelayakan mendapat pelajaran tinggi terutama di bidang sains dan teknologi bagi kemajuan pembangunan negara seluruhnya.

Akhirnya, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran atas tugas yang begitu berat dan sukar dapat diatasi dengan jayanya dan tenteram bagi segala sesuatu yang timbul dari sengketa penuntut-penuntut di negara ini di berbagai bidang yang tidak sihat yang boleh menjatuhkan nama baik terutama penuntut bumiputra kita sendiri.

Kita berharap agar semua penuntut di I.T.M. mahupun di universiti atau di mana sahaja harus berfikir dua kali untuk membuat satu-satu perkara yang bertentangan dengan undang-undang dan dasar Kerajaan supaya mereka itu sebagai penuntut yang patuh kepada undang-undang dan menyedari sebagai orang yang berpelajaran tinggi di tanahair kita ini demi mematuhi Rukunegara yang disanjung tinggi oleh rakyat semua yang taat setia kepada bangsa dan negara.

4.35 p.m.

Tuan Lim Kiam Hoon (Padang Serai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Instituit Teknologi MARA, 1976. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana beliau berani membuat susunan semula I.T.M. Saya juga merasa kagum mendengar daripada beliau bahawa I.T.M. hanya mencapai 10% kejayaan. Mula-mulanya I.T.M. telah dirancang menerima 4,500 orang penuntut sahaja tetapi sekarang penuntut telah ditambah sehingga sebanyak 7,500 orang. Keadaan begitu adalah sangat susah untuk mencapai objektif itu oleh kerana facilities dan guru-guru tiada dapat ditambahkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa lebih baik supaya I.T.M. patut dibukakan kepada semua warganegara yang lain oleh kerana negara kita yang telah mencapai kemerdekaan hanya 18 tahun sahaja berkehendakan orang-orang yang ada skilled atau semi-skilled untuk semua kaum.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa selepas susunan semula I.T.M. patut memberi perhatian berat terhadap kursus supaya melatih penuntut-penuntut yang boleh mengerjakan kerja selaras dengan keadaan negara kita khususnya. Saya telah diberitahu oleh setengah pihak yang membuat teguran iaitu setengah kursus yang dipelajari oleh penuntut-penuntut I.T.M. tidaklah berapa sesuai dengan keperluan yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Menteri berkenaan menggunakan kuasanya dalam Fasal-fasal 29 dan 35 Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya untuk memberi arahan-arahan dan nasihat yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini iaitu pelajaran ialah satu perkara yang mengambil masa panjang yang patut mempunyai kesabaran untuk mendapatnya seperti peribahasa China berkata: Janganlah menebang pokok untuk menangkap burung di atasnya. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, biarlah kita bersabar dalam usaha menjalankan dasar pelajaran negara kita. Dengan cara itu kita akan dapat mencapai kejayaan sebanyak 90% bukan 10% sahaja dalam usaha kita menjalankan tugas pelajaran negara kita.

4.40 ptg.

Tuan Sbarsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyatakan sokongan penuh saya terhadap Rang Undang-undang yang bernama Akta Instituti Teknologi MARA, 1976 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dalam Dewan ini petang kelmarin.

Sungguhpun di dalam ucapan yang terdahulu dari ini rakan-rakan saya telah menyatakan sokongan mereka atas tindakan tegas yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri terhadap pengacau-pengacau di Instituti Teknologi MARA, tetapi saya rasa pernyataan sokongan ini perlu diulang-ulang, diulang-ulang 100 kali lagi terutama dalam Dewan yang mulia ini supaya dapat didengar oleh pihak-pihak yang suka membuat kacau dan huru-hara bahawa rakyat tidak sukakan perbuatan mereka, orang ramai tidak menyebelahi mereka, bahawa rakyat sudah jelas melihat demonstrasi-demonstrasi yang tidak berfaedah. Apa yang diharap dan dinanti-nantikan oleh rakyat terutama ibubapa ialah Undang-undang dapat dikuatkuasakan di Instituti Teknologi MARA secepat yang mungkin. Pengacau-pengacau perlu disingkir dan diadili. Selama ini ramai ibubapa yang berpendapat bahawa Kerajaan begitu lemah menghadapi pengacau-pengacau di Instituti itu. Kelemahan sikap Kerajaan itu telah mula menjejaskan keyakinan setengah ibubapa terhadap Instituti Teknologi MARA.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya Akta Instituti Teknologi MARA, 1976 ini maka adalah diharapkan:

- (i) Keyakinan ibubapa terhadap Instituti Teknologi MARA akan pulih kembali.

- (ii) Penuntut-penuntut Instituti Teknologi MARA tidak lagi dijadikan alat oleh mana-mana pihak untuk kepentingan diri masing-masing; dan
- (iii) Instituti Teknologi MARA akan menjalankan fungsinya yang asal iaitu melatih anak-anak bumiputra dan melayakkan diri mereka memasuki bidang perdagangan, perusahaan dan perindustrian sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh ucapan dua orang Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kepong, izinkan saya membaca sebahagian dari ucapannya:

" saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran boleh membuka pintu I.T.M. sedikit demi sedikit untuk pelajar-pelajar yang bukan bumiputra Saya memang sedar buat masa sekarang cadangan saya tidak akan diterima, tetapi kalau kita benar-benar hendak membentuk satu masyarakat yang berbilang kaum, benar-benar hendak mengadakan atau hendak mewujudkan perpaduan negara (national unity), kita perlu di dalam satu institusi seperti I.T.M. mesti membuka pintu kepada semua pelajar yang terdiri daripada semua kaum dan bangsa."

Dan saya baca pula sebahagian dari ucapan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, demikian bunyinya:

"Satu perkara yang pihak Kerajaan mesti memperhatikan ialah mengenai pembukaan I.T.M. kepada semua pelajar-pelajar tidak kira kaum, ada peluang belajar. Kita ada dengar kerap kali pemimpin-pemimpin, Menteri-menteri termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa tujuan dasar Kerajaan ialah untuk membasmi kan kemiskinan tidak kira kaum dan bangsa. Ini ialah satu lapangan atau satu segi dimana Pihak Kerajaan boleh dengan perbuatan dan tindakan memberi satu bukti serta satu kenyataan menunjukkan semua ikhtiar Kerajaan ialah untuk menolong orang miskin tidak kira kaum."

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi kalau diteliti betul-betul sama nadanya. Serupa maksudnya dan hala yang ditujunya pun satu iaitu cuba menjadi juara politik perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menengulas lebih jauh ucapan kedua-dua Ahli Yang Berhormat tadi, pada hemat saya perlu kita semak kembali tujuan utama Institiut Teknologi MARA ini ditubuhkan. Izinkan saya membaca potongan ucapan Yang Berhormat Menteri yang antara lain menyatakan:

"Institiut Teknologi MARA berasal daripada satu usaha yang kecil di zaman penjajah yang bertujuan untuk memberi peluang kepada anak-anak Melayu melatih diri dalam bidang commercial atau perdagangan Dari permulaan yang kecil ini usaha menolong melatih pemuda Melayu telah meningkat sehingga Dewan Latihan RIDA sendiri ditubuh yang memberi latihan dalam jurusan yang disebutkan. Dewan Latihan RIDA tidaklah besar tetapi kejayaannya dalam bidang yang disediakan adalah baik. Oleh sebab ini maka cadangan dibuat untuk meluaskan lagi peluang dan bidang latihan. Mesyuarat Kongres Ekonomi Bumiputra Pertama telah mengambil keputusan iaitu hendaklah ditubuhkan MARA atau Institiut Teknologi MARA supaya dapat melatih seberapa banyak bumiputra untuk memasuki bidang perusahaan dan perindustrian."

Tuan Yang di-Pertua, dari keterangan-keterangan yang saya baca tadi jelaslah bahawa tujuan Institiut Teknologi MARA ditubuhkan ialah sebagai satu usaha Kerajaan untuk memberi peluang kepada anak-anak bumiputra menyertai bidang perniagaan dan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diberi kepada Institiut Teknologi MARA oleh Kerajaan itu kalau dinilai dengan emas, maka emas itu hanya sesaga; kalau di nilai dengan tanah, maka tanah itu tidak lebih hanya sebesar kelanggang kera. Emas yang sesaga, tanah yang sebesar kelanggang kera itulah yang diungkit-ungkit, disebut-sebut,

ditagih oleh pihak Pembangkang untuk dikongsi dengan orang-orang bukan bumiputra, atas alasan hendak mewujudkan perpaduan negara, hendak membasmi kemiskinan, dengan tidak kira kaum. Sikap kedua-dua Yang Berhormat itu bolehlah diumpamakan sebagai mulut kita disuap pisang, buntut kita dicucuk dengan onak.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat sekarang tidak mudah dikelirukan oleh pihak Pembangkang dengan kata-kata yang molek lagi manis. Kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan dari Kota Melaka cuba hendak melindungi pandangan orang ramai terhadap kenyataan-kenyataan yang ujud dalam negara kita ini dalam bidang perniagaan dan perindustrian. Dalam lapangan ini 95% orang-orang yang bukan bumiputra menguasainya dan mari pula kita lihat bilangan pelajar-pelajar yang bukan bumiputra di Australia sahaja jumlah bilangan pelajar bukan bumiputra lebih kurang 10,000 orang, itu tidak kira di England, di Amerika dan Canada dan di lain-lain lagi. Dan kalau dibandingkan dengan jumlah pelajar bumiputra maka didapati pelajar bumiputra jauh tertinggal kebelakang.

Tuan Yang di-Pertua, demi perpaduan rakyat, demi keamanan, dan kestabilan negara bumiputra tidak pernah menuntut kekayaan yang dimiliki oleh orang-orang yang bukan bumiputra itu dibahagi-bahagikan kepada bumiputra. Bumiputra tidak pernah iri hati terhadap yang bukan bumiputra yang senang-lenang dan kaya-raya, sebaliknya orang-orang bumiputra begitu bermurah hati, berkongsi hak politik dengan orang-orang bukan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan dari Kepong jika mereka benar-benar taat setia kepada negara ini, jika mereka benar-benar ikhlas kepada bumiputra dan jika mereka sungguh-sungguh menghendaki perpaduan dan keamanan negara, usahlah lagi disentuh hati kecil orang-orang Melayu; jangan lagi di ungkit-ungkit emas sesaga dan tanah sekelanggang kera yang dimiliki oleh orang Melayu itu.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Menteri dan Pengarah I.T.M. Datuk Haji Lokman Musa suka saya nyatakan bahawa seluruh harapan orang

Melayu khasnya ibubapa tertumpu kepada tuan-tuan kedua, Masa depan anak-anak mereka adalah di tangan tuan-tuan kedua. Usahakanlah supaya harapan itu dapat dipenuhi.

Saya yakin kepada Yang Berhormat Menteri dan kepada Datuk Haji Lokman Musa, Pengarah I.T.M. mereka ini berkebolehan untuk menunaikan harapan-harapan pihak anak-anak bumiputra.

Akhirnya terimalah serangkap syair dari saya untuk kedua-dua orang iaitu Yang Berhormat Menteri dan Pengarah I.T.M.

Buatlah baik ayohai rakan,
Ke dalam laut kamu campakkan.
Kalau tidak dikenal ikan;
Tuhan mu tahu ya kah bukan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Jika tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap, Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan menjawab.

4.52 ptg.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi mengambil bahagian di dalam perbahasan terhadap Rang Undang-undang Instituti Teknologi MARA.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menegur saya kerana lewat mengemukakan Rang Undang-undang ini dan ianya tidak dapat peluang untuk menyemak. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga membuat teguran ini.

Saya ingin menjelaskan bahawa sebabnya Rang Undang-undang ini lewat diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bukanlah kerana disengajakan tetapi ialah oleh kerana masaalah-masaalah teknikal seperti pencetakan yang malangnya telah terlewat.

Sebenarnya, pihak pegawai-pegawai serta juga pencetak-pencetak telah berusaha siang malam untuk menyediakan Rang Undang-undang ini, tetapi walaupun mereka bekerja begitu kuat, tidaklah begitu mudah untuk kita mengeluarkan Rang Undang-undang ini serta juga peralihan bahasa yang dikehendaki oleh Dewan ini. Tidak ada sama sekali niat untuk menyembunyikan Rang Undang-undang ini supaya Ahli-ahli tidak mendapat peluang hendak menyemaknya.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka serta juga beberapa orang Ahli Yang Berhormat lain telah menyebut tentang pembukaan pintu I.T.M. kepada semua kaum.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah berkata bahawa kalaulah dapat pintu ini dibukakan, maka semua kaum dapat menghantar anak mereka ke I.T.M. dan dengan cara itu mereka dapat belajar bersama-sama dan ini akan mengujudkan satu perpaduan antara kaum yang mana perpaduan inilah menjadi idaman negara kita ini.

Saya sedar tentang kebaikan mengadakan campuran anak-anak daripada semua kaum di dalam institusi pelajaran. Sebenarnya inilah sebabnya yang kita mengadakan Sekolah-sekolah Kebangsaan ataupun mengubah Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris dahulu untuk menjadi Sekolah Kebangsaan. Niat kita mengubah Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris Rendah ini menjadi Sekolah Kebangsaan ialah supaya murid-murid daripada berbagai kaum dapat pergi ke sebuah sekolah yang menggunakan satu bahasa penghantar dan di situ mereka dapat bercampur-gaul dan merasakan perasaan mesra dan kasih sayang di antara mereka akan ujud. Malangnya, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Ahli Yang Berhormat dari Kepong selalu menegur Kementerian Pelajaran kenapa tidak mengadakan lebih banyak tempat di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan supaya dengan adanya tempat di Sekolah Jenis Kebangsaan ini masing-masing kaum akan pergi ke masing-masing sekolah. Dan kalau ini berlaku tentulah tidak akan ada perpaduan kerana kalau anak-anak Melayu pergi ke Sekolah Kebangsaan, anak orang China pergi ke Sekolah China dan anak orang Tamil pergi ke Sekolah Tamil, maka mereka tidak akan dapat mengujudkan kasih sayang di antara mereka. Tidak ada satu masa yang lebih berkesan lagi dalam membentuk perpaduan daripada jangka masa mereka itu agak muda. Di situlah mereka akan dapat menimbulkan ataupun mengujudkan perpaduan ini. Tetapi apabila kita cuba ini,

Ahli Yang Berhormat yang kedua itulah yang selalu sangat mencari jalan supaya tidak ada peluang bagi anak-anak kita belajar bersama-sama. Sekarang ini mereka memberi alasan yang sama untuk I.T.M.

Saya ingin menyoal samada mereka betul-betul jujur di dalam perkara ini. Ahli Yang Berbormat dari Kepong ialah seorang doktor sama juga dengan saya dan beliau mungkin faham tentang satu phenomenon dalam ilmu kedokteran yang dinamakan arterio-venous shunt iaitu perhubungan saluran di antara urat artery dengan urat vein. Yang mana kita tahu bahawa di alam artery itu pressure darah adalah lebih tinggi daripada pressure darah di dalam vein. Dan apabila perhubungan di antara dua saluran darah ini biasanya darah daripada tempat yang pressuranya tinggi pergi ke tempat yang pressuranya rendah. Jadi dengan perkataan lain, dalam keadaan yang mana kita cuba membuka saluran di antara dua tempat yang mana pressuranya tidak sama biasanya aliran (flow) itu ialah daripada pressure yang tinggi kepada pressure yang rendah. Phenomenon ini juga terdapat di dalam bidang pelajaran di dalam negara kita ini. Iaitu biasanya pressure untuk mendapat pelajaran di kalangan orang-orang bukan bumiputra adalah lebih tinggi daripada orang-orang bumiputra kerana bilangan bumiputra yang berkelayakan tidak begitu banyak. Sebab itu sungguhpun Kolej Tunku Abdul Rahman ini terbuka kepada bumiputra dan tidak ada sekatan sama sekali untuk bumiputra masuk ke Kolej Tunku Abdul Rahman tetapi mereka tidak masuk ke Kolej Tunku Abdul Rahman kerana Kolej Tunku Abdul Rahman boleh dianggap sebagai high pressure area. Dan bumiputra yang low pressure ini tidak dapat mengalir ke sana. Sebaliknya, I.T.M. boleh dianggap sebagai low pressure area. Dan kalau ianya dibuka daripada tempat yang high pressure ini akan ada flow yang banyak kepada low pressure area ini maka bermaknalah I.T.M. ini bila dibuka maka terlalu banyak orang-orang yang bukan bumiputra yang akan masuk. Maka dengan adanya Kolej Tunku Abdul Rahman yang mana menjadi high pressure area dan tidak ada bumiputra dapat masuk dan I.T.M. pula dibuka dan banyak pula masuk, maka keadaan-keadaan yang tidak seimbang di

dalam bidang pelajaran di dalam negara ini akan menjadi lebih daripada yang dikehendaki. Sebab itulah di masa ini kita tidak ada rancangan untuk membuka I.T.M. untuk semua kaum.

Saya percaya ini bukanlah satu ketidakadilan yang berlaku. Sebenarnya kita membuat ini untuk mencapai keadilan kerana kita tahu bahawa di dalam bidang pelajaran, pembangunan kaum-kaum di dalam negara kita ini tidaklah sama. Dan kalau kita membuat sesuatu yang boleh menambah keadaan tidak seimbang ini, kita sebenarnya tidak contribute langsung untuk mencapai perpaduan di dalam negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyebut tentang kemudahan yang tidak sesuai. Saya mengaku bahawa di dalam ucapan saya, saya telah menyebut bahawa kemudahan di dalam I.T.M. itu tidak begitu mencukupi, tetapi ini adalah satu perkara yang relative di dalam negara kita ini. Kita sendiri biasa dengan kemudahan yang cukup banyak, sehingga kalau berkurangan sedikit maka kita sudah merasai ianya tidak mencukupi. Sebaliknya kalau kita pergi ke negeri-negeri lain, negara membangun kita akan dapati bahawa keadaan di dalam institusi pelajaran tinggi tidaklah sama seperti terdapat di dalam negara kita. Sebab itu Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah berkata bahawa sebenarnya kemudahan yang ada di I.T.M. itu adalah baik, tetapi kita terlangsung memanja-manjakan penuntut-penuntut kita sehingga keadaan yang susah sedikit sahaja sudah menimbulkan perasaan yang tidak puas hati di kalangan penuntut-penuntut kita.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah menuntut ilmu menjadi lawyer di England dan saya percaya waktu di England beliau dapat pergi ataupun tinggal di tempat yang tidak begitu sesuai, dan Tuan Yang di-Pertua pun mungkin tahu bahawa sewaktu belajar di England di dalam "dig" masing-masing keadaan kehidupan di situ tidak begitu sesuai untuk pelajaran, tetapi dalam keadaan itu kita tidak komplek kerana kita berada di tempat orang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah berkata dalam bahasa Inggeris, bahawa "student unrest has come to stay". Saya tidak menafikan bahawa "student unrest has come to stay" di dalam negara kita ini.

tetapi sesuatu yang datang untuk tinggal di sini tidak seharusnya kita menerima begitu sahaja. Banyak perkara-perkara yang sudah come to roost in our country, tetapi kita tidak juga menerima benda-benda ini. Umpamanya, kalau kita lihat di dalam masyarakat kita ini ada pembunuhan berlaku, adanya pembunuhan bukanlah satu perkara yang dapat dielakkan dan ianya juga merupakan satu perkara yang mesti ada di dalam masyarakat ini. Tetapi adanya pembunuhan tidak bermakna bahawa kita mesti menerima pembunuhan kerana itu adalah satu perkara yang tidak baik dan kita akan berusaha menyingkirkan perbuatan ini kerana kita tidak ingin melihat negara kita ini terancam dengan pembunuhan-pembunuhan. Sebab itu kita mengadakan Undang-undang untuk mencegah pembunuhan ataupun lain-lain jenayah. Begitulah juga student unrest ini. Kalau kita menganggap bahawa student unrest ini baik maka kita tidak perlu mengambil apa-apa tindakan, tetapi kalau kita menganggap ataupun bahawa student unrest ini walaupun baik bagi negeri lain, tetapi tidak baik untuk negara kita, maka perlu kita mengambil tindakan untuk mencegah perbuatan ini. Itulah sebabnya kita cuba menggubal Undang-undang supaya tidak ada begitu banyak student unrest di dalam negara kita ini kerana negara ini adalah sebuah negara yang membangun di mana kita berkehendak kepada tenaga penuntut-penuntut ini selepas mereka tamat latihan mereka. Kalau begitu banyak student unrest mungkin mereka tidak dapat menyerap pelajaran dan ini akan menjadi satu beban yang berat kepada negara kita yang membangun ini. Saya percaya bahawa sebagaimana jenayah juga adanya Undang-undang tidak bermakna bahawa jenayah dapat dicegah 100% tetapi kita mesti juga mengadakan Undang-undang dan mengambil tindakan untuk mencegah jenayah. Begitu jugalah dengan Undang-undang yang dikemukakan pada hari ini iaitu tujuannya supaya kita dapat mencegah student unrest, mungkin tidak 100% akan hilang kerana student unrest has come to stay, tetapi mungkin dengan adanya Undang-undang kita dapat mengurangkan sedikit student unrest ini supaya lebih banyak nikmat akan dirasakan oleh negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga biasa menjadi seorang pemimpin persatuan penuntut. Pada tahun 1947 umpamanya, beliau menjadi President M.C.U. (Medical

College Union). Di waktu itu saya menjadi ahli Medical College Union, jadi beliau menjadi pemimpin saya. Di waktu dia menjadi pemimpin saya sebagai President Medical College Union tidak pun beliau pernah menyuruh supaya saya mengadakan demonstrasi, beliau meminta supaya saya menyokongnya di dalam berbagai-bagai tindakan dengan cara yang cukup aman, dan tidak ada keadaan tidak tenteram yang berlaku di dalam Medical College itu di waktu diannya menjadi President M.C.U. Dan kalau beliau boleh berjaya tanpa mengadakan tunjuk perasaan, saya percaya patutlah diannya memberi nasihat kepada penuntut-penuntut sekarang ini supaya tidak mengadakan student unrest ini, dengan menunjuk tauladan kepada dirinya sendiri yang telah menjadi pemimpin di alam students union ini dengan tidak mengadakan sebarang peristiwa. Mungkin Ahli Yang Berhormat telah lupa bahawa beliau menjadi pemimpin saya dahulu, saya ingin mengingatkan beliau pada kali ini supaya beliau pula sentiasa ingat dan sedar akan mengingatkan penuntut-penuntut kita yang masih berada dalam institusi pelajaran tinggi.

Beliau menyebut juga tentang perasaan kluatir berkenaan dengan penuntut-penuntut sebanyak 200 orang yang akan disingkirkan daripada I.T.M. Mereka yang 200 orang ini adalah mereka yang menghabiskan tinggal daripada kampus apabila kita telah memberi amaran supaya semua penuntut-penuntut keluar daripada kampus. Mereka yang 200 ini adalah dianggap sebagai hard core dalam gerakan penuntut ini, tetapi kita sedar tidak semua daripada 200 orang itu adalah hard core. Ada di antara mereka orang-orang yang tidak keluar daripada kampus kerana sebab-sebab tidak ada kegiatan dengan student unrest ataupun student demo. Ada yang menunggu supaya keluarga mereka datang mengambil mereka dan oleh kerana keluarga mereka datang lambat maka mereka berada di situ. Ada mereka yang seperti ini di antara 200 orang ini, sebab itu kita mengadakan satu temuduga lain untuk menentukan siapakah sebenarnya terlibat secara langsung dan siapakah sebenarnya yang tidak, inilah menyebabkan kita meminta supaya mereka membuat rayuan. Ini tidak bermakna bahawa pihak I.T.M. tidak tegas dalam pendiriannya seperti diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh. Kita cuma ingin melihat

keadilan berlaku sebab itu kita memberi peluang seluas-luasnya kepada penuntut-penuntut ini untuk menyatakan samada mereka ingin belajar atau tidak. Mereka yang ingin belajar tidak akan dihalang bahkan kita ingin menggalakkan mereka supaya meneruskan pelajaran mereka, tetapi mereka yang akan menjadi penghalang bukan sahaja kepada diri mereka sendiri tetapi juga kepada penuntut-penuntut yang lain kita tidak akan benarkan, negara kita ini mengutamakan kepentingan bilangan yang banyak dan bilangan yang banyak di dalam I.T.M. itu tidak ingin diganggu daripada mempelajari ilmu-ilmu di situ, cuma bilangan yang sedikit ini, cuma 200 daripada 7,500 sahaja yang tertarik dengan kegiatan-kegiatan ini. Dan kalau kita membiarkan 200 orang ini menghalang yang 7,000 maka ini bermakna kita tidak bertanggungjawab, terlalu mengutamakan golongan yang kecil sehingga menjejaskan golongan yang besar. Sebab itu, kita akan mengambil tindakan terhadap yang 200 orang ini supaya mereka yang lain yang lebih banyak itu terpelihara daripada kegiatan-kegiatan mereka itu.

Satu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong ialah samada I.T.M. akan menganugerahkan ijazah selain daripada diploma-diploma dan sijil-sijil. I.T.M. tidak akan menganugerahkan ijazah-ijazah tetapi I.T.M. boleh mengadakan kursus-kursus supaya penuntut-penuntut daripada I.T.M. dapat mengambil peperiksaan peringkat ijazah daripada universiti-universiti lain samada di dalam negeri atau pun di luar negeri, ini boleh dilakukan oleh I.T.M.

Berhubung dengan bilangan Ahli Majlis iaitu sebanyak 13 orang di sini terdapat perbezaan sedikit antara Rang Undang-undang dan juga antara Huraian di mana di dalam Huraian disebutkan bilangannya ialah 15 orang. Sebenarnya, ini adalah typographical error dan saya akan membawa cadangan pindaan pada waktu kita membincangkan di peringkat Jawatankuasa.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Yang Amat Berhormat, saya ingat Huraian tidak menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Boleh disebut dengan Huraian. Sila.

Dr Mahathir bin Mohamad: Terima kasih. Berkenaan dengan Pengarah I.T.M., Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah meminta

supaya dianya bukan Civil Servant. Saya tidak tahu kenapa dia tidak begitu suka kepada Civil Servant sedangkan negara kita ini ditadbirkan oleh Civil Servants belaka dan kalau kita baca *Financial Times* baru-baru ini Civil Service Malaysia ini dianggap sebagai satu Civil Service yang cekap. Walau bagaimanapun, saya ingin menerangkan bahawa Pengarah I.T.M. sekarang ini bukanlah Civil Servant dalam erti kata administrator, tetapi dia sebenarnya adalah seorang professional officer daripada Kementerian Pelajaran yang mana seperti dalam beberapa Kementerian lain ada perbezaan antara professional officer dengan administrator.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan beberapa perkara yang sama yang telah saya sebutkan tadi, umpamanya, berkenaan dengan pembukaan I.T.M. kepada kaum-kaum yang lain.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyebutkan tentang apa yang diperkatakan olehnya sebagai suasana akademik iaitu satu suasana di mana penuntut-penuntut takut bertanya berkenaan dengan masalah negara. Saya kurang faham apakah suasana akademik dengan takut bertanya berkenaan dengan perkara-perkara, masalah-masalah negara. Mungkin mereka itu takut kerana Ahli Yang Berhormat itu ada di situ. Sebenarnya, saya selalu berjumpa dengan penuntut-penuntut dan mereka tidak segan-segan, bukan sahaja bertanya kepada saya tentang masalah-masalah politik, bahkan mengemukakan saya tentang beberapa perkara yang dilakukan oleh saya. Jadi, saya tidak lihat sama sekali bahawa penuntut-penuntut di dalam negara kita ini adalah penuntut yang takut bertanya. Mereka mungkin takut memecah undang-undang apabila undang-undang itu diluluskan, tetapi apabila tidak ada halangan dalam undang-undang, mereka tidak takut sama sekali. Kalau kita perhatikan penuntut-penuntut kita mereka jauh daripada takut, dan kalau Ahli Yang Berhormat itu tidak berjaga betul-betul ada penuntut-penuntut yang menyokong Kerajaan yang tidak takut mungkin mengambil tindakan kalau dikatakan mereka takut terhadap Ahli Yang Berhormat itu sendiri.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah berkata bahawa terlalu banyak pegawai Kerajaan di dalam Majlis. Ini adalah dianggap penting kerana buat sementara ini kita ingin

melihat supaya semua bahagian-bahagian Kerajaan yang terlibat dalam pentadbiran I.T.M. diwakili di dalam Majlis itu supaya dengan cara itu lebih mudahlah tiap-tiap satu keputusan yang dibuat itu disokong penuh oleh semua bahagian di dalam Kerajaan. Dengan itu, peruntukan dan semua rancangan akan dapat berjalan dengan lebih berkesan.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah menyebutkan tentang sesuai atau tidak kemudahan dan saya telahpun menjawab berkenaan dengan perkara ini.

Satu lagi perkara yang disebutkan ialah berkenaan dengan campurtangan parti politik, malangnya ini telah berlaku tetapi kebanyakan parti-parti politik setelah diberi penerangan tentang keadaan yang sebenar sudah tidak lagi melibatkan diri. Beliau juga menegur tentang sikap Pengarah yang katanya terlalu masam muka, tetapi saya kurang faham sedikit. Pada mulanya Ahli Yang Berhormat telah berkata bahawa I.T.M. mestilah tegas tetapi bila Pengarah nampaknya keras sedikit, mungkin mukanya nampak strict sedikit itupun beliau komplek juga. Saya fikir tentulah dia terpaksa nampak strict sedikit, bukan dia masam muka tetapi memang orang yang strict ini nampak lain sedikit daripada orang yang selalu tersenyum, tetapi tidak ada niat jahat di belakangnya itu.

Tentang berapa lama ahli "ex-officio" ini menjadi ahli di dalam Majlis, ianya menjadi ahli selama dia memegang jawatan itu; apabila dianya tidak lagi menjadi official dalam jawatan itu maka dia akan tamat dan akan diganti oleh sesiapa sahaja yang memegang jawatan itu.

Berkenaan dengan pelajaran kerohanian yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh kita memang bersetia untuk mengadakan latihan kerohanian di dalam I.T.M. tetapi buat masa sekarang ini oleh kerana bilangan penuntut terlalu banyak kita tidak dapat menyampaikan pelajaran ini dengan secara yang berkesan dan sempurna.

Berkenaan dengan dua perkara undang-undang yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya ingin menerangkan di sini iaitu Fasal 7 (4) dan (5). Fasal 7 (4) hanya memberi Menteri satu kuasa terhadap untuk

membuat peruntukan-peruntukan khas dengan perintah berkenaan dengan pentadbiran sesuatu Cawangan. Adalah jelas bahawa pentadbiran sesuatu Cawangan yang ditubuhkan di satu bahagian Malaysia yang lain dan jauh daripada institusi utama mungkin mengkehendaki peruntukan-peruntukan khas berkenaan dengan pentadbirannya dan mungkin didapati bahawa peruntukan-peruntukan berhubung dengan pentadbiran dalam Rang Undang-undang ini tidak sesuai dengan hal keadaan khas mengenai cawangan ini. Misalnya, peruntukan yang berasingan mungkin perlu dibuat berkenaan dengan pentadbiran perkara-perkara kewangan, hal ehwal akademik dan perlantikan dan kawalan kakitangan yang mungkin tidak berapa sesuai dengan peruntukan-peruntukan mengenai Jawatankuasa-jawatankuasa Tetap yang diperuntukkan oleh Rang Undang-undang ini mengenai perkara-perkara ini. Oleh yang demikian, Fasal 7 (5) akan membolehkan Menteri membuat peruntukan-peruntukan khas ini. Oleh kerana kuasa Menteri untuk membuat peruntukan-peruntukan khas ini hanya mengenai pentadbiran, Menteri tidak boleh pada membuat perintah itu lari daripada prinsip-prinsip dalam Rang Undang-undang ini dan memperuntukkan apa-apa yang bertentangan dengan kuasa-kuasa atau tugas-tugas institusi di bawah Rang Undang-undang ini.

Perkara pertentangan antara Fasal 7 (5) dengan Fasal 29 sebenarnya tidak ada pertentangan di sini, kerana Fasal 7 (5) adalah berhubung dengan kuasa Menteri untuk membuat perundangan kecil, sedangkan Fasal 29 adalah mengenai kuasa Menteri untuk memberi arahan-arahan. Arahan-arahan hanya mempunyai kuasa pentadbiran dan kuasa perundangan dan oleh itu tidaklah bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini.

Berkenaan dengan perkara Fasal 13 (6) yang juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat telahpun saya terangkan tadi iaitu berkenaan dengan tempoh memegang jawatan dalam Majlis orang-orang yang dilantik yang menjadi "ex-officio".

Ahli Yang Berhormat dari Besut telah menyebut bahawa sebenarnya dengan adanya Rang Undang-undang ini taraf I.T.M. telah dinaikkan. Memanglah taraf I.T.M.

terpaksa dinaikkan dan dijadikan sebuah badan berkanun yang berasing dengan adanya undang-undang ini.

Berkenaan dengan siswazah I.T.M. tidak dapat tempat yang sewajarnya, ini saya tidak dapat maklumat yang tepat, tetapi kalau ada kes-kes yang seperti ini berlaku, saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat memberi kenyataan kepada saya supaya dapat saya mengambil apa-apa tindakan untuk mengurangkan kejadian ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyebut tentang mereka yang mendapat sijil S.R.P. iaitu pelajaran di dalam Bahasa Kebangsaan yang tidak dapat tempat di dalam I.T.M. kerana di I.T.M. bahasa penghantarnya masih juga bahasa Inggeris. Perkara ini sebenarnya diambil berat oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di mana latihan diadakan bagi mereka yang mendapat kelulusan paras S.R.P.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang telah memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini dan beliau berdoa supaya saya panjang umur dan saya juga turut berdoa supaya beliau panjang umur dan kalau dia masih berada 20-30 tahun lagi daripada sekarang mungkin beliau akan melihat I.T.M. di Perlis akan berkembang dengan pesatnya.

Berkenaan dengan masjid khas untuk institusi kerana katanya dengan adanya masjid ini dapat diberi syarahan-syarahan khas kepada penuntut yang tidak bercampur-aduk dengan penuntut-penuntut yang lain. Sebenarnya, syarahan-syarahan yang seperti ini tidak semestinya diberi di dalam masjid, dalam bilek kuliah pun kita boleh memberi syarahan-syarahan agama. Saya berpendapat bahawa adalah lebih baik kalau penuntut-penuntut daripada institusi pelajaran pergi bersembahyang di masjid yang ada di sekitarnya, kerana dengan cara itu dapat mereka mengidentifikan diri mereka dengan penduduk-penduduk di tempat itu. Ada mazhab yang menentukan bahawa mereka yang tidak bermastautin di tempat itu tidak boleh bersembahyang berjemaah di masjid mereka sendiri. Sebab itu kita tidak membuat masjid tetapi kita mengadakan surau untuk mereka yang ingin sembahyang waktu, tetapi untuk berjemaah adalah lebih baik kalau mereka pergi ke masjid yang

tidak berapa jauh daripada tempat yang mereka belajar dan di situ dapat mereka bercampur-gaul dengan penduduk di situ dan merasai sedikit sebanyak cara hidup orang-orang tempatan dan dari itu saya percaya akan timbul perasaan simpati mereka terhadap penduduk-penduduk tempatan dan penduduk-penduduk tempatan pun dapat melihat kelakuan dan sopan-santun penuntut-penuntut itu. Dari itu, dapat kita mewujudkan suasana saling mengerti antara satu dengan lain dan ini saya percaya adalah seperti yang dikehendaki oleh agama kita sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah berkali-kali menyebutkan tentang angka 10% yang saya gunakan di dalam ucapan saya. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa bukanlah di dalam semua bidang kelulusan di I.T.M. itu cuma 10%. Cuma dalam beberapa bidang sahaja yang ini berlaku dan saya meminta maaf kerana dalam ucapan saya, saya tidak menerangkan bahawa cuma di dalam beberapa bidang sahaja yang ini berlaku. Di dalam bidang-bidang yang lain pencapaian penuntut-penuntut di I.T.M. adalah baik juga tetapi tidaklah sebegitu baik seperti yang dikehendaki oleh kita. Saya harap angka 10% ini tidaklah digunakan sebagai satu angka yang tepat tetapi semata-mata supaya dapat saya memberi gambaran tentang kejayaan yang dicapai oleh I.T.M.

Berkenaan dengan cadangan-cadangannya supaya nama I.T.M. ini ditukar menjadi Instituti Teknologi Tun Abdul Razak, saya ingin menerangkan bahawa pihak Kerajaan telah menentukan tentang penggunaan nama Tun Haji Abdul Razak untuk tempat-tempat ini akan ditentukan oleh sebuah jawatankuasa Kerajaan sendiri. Sebabnya ialah kita tidak ingin melihat semua orang menggunakan nama Allahyarham Tun yang begitu berbakti kepada negara kita digunakan kepada tempat-tempat yang tidak begitu sesuai. Kalau cadangan ini dapat diterima oleh jawatankuasa ini mungkinlah kita menerima, tetapi saya tidak memberi pengakuan bahawa syor ini akan diterima—cuma akan ditimbang.

Berkenaan dengan pelajaran bahasa Arab, ini mungkin boleh diadakan untuk penuntut-penuntut di dalam bidang business administration ataupun management, kalau mereka

ini ingin berniaga dengan Timur Tengah di mana kita tahu banyak cerita yang mengatakan bahawa banyak duit di sana, tetapi saya sendiri belum nampak lagi duit itu datang ke sini.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar telah meminta supaya cawangan di Sarawak diperbesarkan lagi. Perkara ini akan ditimbang oleh sebuah jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Kementerian Pelajaran iaitu Jawatankuasa Siasatan dalam bidang Akademik I.T.M. dan jika kita dapati adalah perlu memperbesarkan lagi cawangan di Sarawak maka ini akan dilakukan.

Tentang tuntutan ataupun permohonan supaya lebih banyak orang-orang daripada Sarawak dihantar ke luar negeri untuk belajar, ini sebenarnya tidaklah melibatkan I.T.M., tetapi Ahli Yang Berhormat tentulah mengetahui bahawa beberapa penuntut daripada Sarawak diberi tempat di I.T.M. di Shah Alam dan kita berharap lebih banyak lagi penuntut daripada Sarawak mendapat tempat dan mendapat kelayakan untuk memasuki kampus I.T.M. di Shah Alam.

Berkenaan dengan Ahli Majlis daripada Sarawak dan Sabah, buat sementara ini tidaklah ada cadangan kerana banyak desakan supaya Ahli Majlis terdiri daripada Sabah, Sarawak, daripada kakitangan I.T.M., daripada bekas penuntut I.T.M., kalau kita menerima semua tuntutan itu mungkin majlis itu akan menjadi sama besar dengan Dewan ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Mukah yang telah menyatakan sokongannya terhadap Rang Undang-undang ini dan juga membuat kenyataan tentang kejayaan yang telah dicapai oleh I.T.M. di Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai telah menyebut bahawa ada beberapa kursus yang tidak sesuai untuk swasta. Sebenarnya, kita tidak dapat maklumat yang tepat dan jika Ahli Yang Berhormat dapat memberitahu kepada saya apakah kursus-kursus yang tidak sesuai, jawatankuasa yang saya sebutkan tadi mungkin akan mengkaji sama ada dapat kita meminda kursus-kursus itu.

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau yang telah mempertahankan Rang

Undang-undang ini daripada kecaman Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Saya fikir sekian sahajalah ulasan saya untuk menjawab beberapa teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perbahasan ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tan Sri Abdul Aziz Ycop *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 47 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.30 ptg.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk mengawal tata tertib di Institusi-institusi Pelajaran dan mengenai perkara-perkara yang berkenaan dengannya" dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Pada petang kelmarin di waktu saya mengemukakan satu Rang Undang-undang untuk menubuhkan Institusi Teknologi MARA, saya telah menerangkan keadaan yang tidak menyenangkan yang terdapat dalam Institusi itu. Oleh kerana keadaan tata tertib dalam I.T.M. tidak sempurna, maka suasana pelajaran tidak wujud dan penuntut yang belajar di situ tidak dapat mencapai kejayaan yang memuaskan.

Kedudukan tata tertib dalam Institusi Pelajaran amatlah penting. Institusi pelajaran menjadi tempat satu kumpulan masyarakat

yang terasing dan berlainan daripada masyarakat luar. Masyarakat ini berkehendak bukan sahaja ketenteraman dan keamanan seperti dikehendaki oleh masyarakat luar ataupun masyarakat biasa tetapi ketenteramannya mestilah lebih daripada biasa. Ini ialah oleh kerana mereka yang berada di dalam masyarakat pelajaran berada di situ kerana mencari-selidik, mengedar dan menyerap ilmu. Semua kegiatan ini memerlukan satu jenis concentration atau tumpuan tenaga fikiran yang kuat. Cuma dengan concentration ini sahajalah ilmu-ilmu yang kompleks dapat dihebah ataupun diserap.

Jika mereka dikehendaki berada di institusi pelajaran untuk belah kayu ataupun pancing undi, ataupun menghibur hati, ketenteraman yang istimewa tidak perlu. Siapa saja boleh membelah kayu, berpidato berapi-api ataupun menghibur hati dalam keadaan bising atau kucar-kacir. Tetapi untuk menyerap ilmu pengetahuan, satu ketenteraman dan keamanan luar biasa adalah perlu. Oleh sebab itu, undang-undang biasa tidak mencukupi. Undang-undang biasa berkesan di pasar ataupun di tempat-tempat berkumpul manusia lain. Undang-undang biasa akan mencegah jenayah dan lain-lain kegiatan anti-sosial. Tetapi mencegah jenayah atau kegiatan anti-sosial sahaja belum dapat mewujudkan suasana yang sesuai untuk pelajaran. Jika jenis ketenteraman istimewa ini hendak diwujudkan maka undang-undang istimewa perlu diadakan.

Undang-undang yang digubal istimewa untuk sesuatu kumpulan tertentu bukanlah satu perkara baru. Banyak badan-badan dan kumpulan-kumpulan tertakluk kepada undang-undang khas. Umpamanya, sungguhpun semua pekerja berhak mengadakan Kesatuan Sekerja dan mengambil tindakan mogok, ada jenis-jenis pekerja yang tidak dibenar mengadakan Kesatuan Sekerja atau mengambil tindakan mogok. Badan-badan berkanun Kerajaan umpamanya terletak di bawah undang-undang khas. Sungguhpun sesiapa boleh bertanding dalam pilihanraya, ada pula undang-undang yang berkata bahawa pegawai Kerajaan tidak dibenar. Begitu juga berbagai larangan diadakan bagi pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan. Semua undang-undang yang istimewa ini diadakan kerana sebab-sebab yang tertentu—bukan kerana ingin menindas

golongan-golongan yang terlibat. Tanpa undang-undang istimewa ini maka ketenteraman negara tidak akan dapat diadakan.

Di universiti-universiti undang-undang istimewa ini sudahpun diadakan dengan Akta Universiti dan Universiti Kolej. Akta ini telah berjaya mententeramkan keadaan dalam universiti sekurang-kurangnya pada tahun akademik 1975-1976. Selama setahun bising dan huru-hara telah dicegah di kampus-kampus universiti, walaupun ketenteraman tidaklah semua sama antara satu universiti dengan universiti yang lain.

Soalnya apakah benar ketenteraman ini memberi lebih kejayaan dalam mengedar dan menyerap ilmu pengetahuan? Saya tidak dapat berkata dengan tepat, tetapi untuk renungan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, saya perturunkan di bawah ini bandingan kecapaian dalam beberapa fakulti di Universiti Malaya bagi tahun 1974-1975 berbanding dengan 1975-1976.

Fakulti Ekonomi

Keputusan Peperiksaan 1975-1976 adalah kurang sebanyak 0.6% daripada tahun 1974-1975 iaitu dari 95.7% tahun 1974 turun kepada 95.1% tahun 1975-1976. Tetapi bagi penuntut bumiputra keputusan adalah lebih baik iaitu dari 52.2% menjadi 69.4%—iaitu lebih baik sebanyak 17.2%.

Fakulti Pertanian

Peratusan kelulusan jatuh juga dari 98% kepada 95.6%—iaitu sebanyak 2.4% kelulusan umum bagi satu Fakulti. Tetapi bagi penuntut bumiputra peratusan telah naik daripada 49.4% tahun 1974-1975 kepada 53.7% dalam tahun 1975-1976 iaitu kenaikan sebanyak 4.3%.

Fakulti Perubatan

Peratusan kelulusan bagi semua penuntut telah naik daripada 97.6% kepada 99.2%—iaitu sebanyak 1.6%. Bagi penuntut bumiputra kelulusan bertambah daripada 24.8% kepada 42.5% iaitu kenaikan sebanyak 13.8%.

Kita patut ingat bahawa dalam demo penuntut 1974, penuntut bumiputra lebih terlibat daripada penuntut-penuntut lain.

Sebab itu saya sengaja menyebutkan tentang kelulusan mereka. Mungkin angka-angka ini menunjuk bahawa penuntut ini memang ada bakat tetapi concentration mereka dalam pelajaran kurang dalam tahun 1974.

Sebaliknya kita tahu di institusi yang tidak terletak di bawah Akta Universiti dan Universiti Kolej kententeraman bukan sahaja tidak wujud tetapi menjadi lebih buruk lagi. Sepanjang tahun akademik 1975-1976 I.T.M. umpamanya merupakan satu gelanggang pertelingkahan. Penuntut di I.T.M. mengadakan berbagai kegiatan yang bukan sahaja mencegah ketenteraman, tetapi secara langsung menghalang pelajaran.

Puncak kepada kegiatan beberapa orang penuntut I.T.M. ialah usaha menghalang pembukaan I.T.M. dengan menyekat pegawai-pegawai dari menjalankan tugas mereka. Seperti di mana-mana juga, susunan kerja tidak dapat dijalankan tanpa pendaftaran mereka yang terlibat. Penuntut di I.T.M. menghalang pendaftaran dan mengancam mereka yang bertugas. Kuliah-kuliah tidak dapat diadakan. Dengan kegiatan ini maka pembukaan I.T.M. pada bulan Januari, 1976 telah terkandas. Pembukaan semula tidak dapat diadakan selama 6 minggu lebih. Hingga hari ini pun masih ada kegiatan yang tidak sihat di kalangan beberapa penuntut yang telah diterima balik, walaupun mereka ini telah mengikat janji di waktu mereka ditemuduga baharu-baharu ini. Sebabnya semua ini boleh berlaku ialah oleh kerana aturan-peraturan dan undang-undang tidak kukuh. Pihak pentadbir tidak dapat menjalankan tugas mereka dengan berkesan, kerana tidak dibantu oleh undang-undang seperti yang terdapat dalam Akta Universiti dan Universiti Kolej.

Pentingnya undang-undang seperti ini dapat dilihat sekali lagi apabila baharu-baharu ini 20 orang penuntut yang tidak diterima masuk kerana terlibat dalam kegiatan yang tidak sihat telah melanggar masuk ke dalam Kampus I.T.M. di waktu malam. Mereka telah masuk ke dalam bilik-bilik pejabat dan telah mengambil surat-surat yang penting dan rahsia dan membakar surat-surat ini. Selama beberapa jam mereka bermaharajalela di dalam Kampus dan mengancam ketenteraman penuntut lain yang ingin belajar.

Memandang kepada perbuatan dan kelakuan liar ini, maka adalah difikir perlu dan penting satu undang-undang diadakan untuk mengawal tatatertib di dalam institusi seperti I.T.M. Undang-undang ini lebih kurang memberi kuasa yang sama dengan undang-undang yang terdapat dalam Akta Universiti dan Universiti Kolej. Dengan adanya undang-undang ini ketenteraman dalam I.T.M. dapat dikawal bukan sahaja oleh aturan-peraturan yang dibuat oleh I.T.M. sendiri yang kadangkala tidak dihormati samasekali oleh penuntut tetapi dikawal juga oleh undang-undang yang lebih kukuh dan kuat yang tidak mudah dilanggar oleh sesiapa. Inilah sebab-sebabnya yang Akta Institusi Pelajaran digubalkan. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin melihat I.T.M. berjaya dan kelulusan peperiksaan meningkat akan menyokong undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya membuat penerangan mengenai perbekalan-perbekalan penting yang terkandung dalam Rang Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib), 1976.

Dalam Bahagian 1, Seksyen 2 terdapat tafsiran kepada istilah-istilah yang digunakan di dalam Rang Undang-undang ini. Di antara istilah-istilah tersebut yang terpenting sekali ialah perkataan "Institusi" yang mana dimaksudkan sebagai semua institusi-institusi—selain daripada Universiti atau Kolej Universiti yang mana tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971—yang memberi pelajaran, pengajaran ataupun latihan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.

Bahagian II mengandungi peruntukan untuk mengadakan badan-badan tatatertib bagi institusi-institusi yang dikenakan peruntukan-peruntukan Rang Akta ini. Oleh itu menurut Seksyen 4 (1) sesebuah institusi seperti itu akan dikehendaki menubuhkan sebuah Jawatankuasa Tatatertib bagi kakitangan yang terdiri daripada Ketua Eksekutif Institusi itu sebagai Pengerusi, dan dua orang ahli samada daripada dalam atau luar institusi itu yang dilantik oleh Menteri. Kuasa untuk menjalankan fungsi tatatertib adalah seperti mana disebutkan pada Seksyen 4 (2) dan menurut Seksyen 4 (3) pula Jawatankuasa itu boleh menurunkan fungsi, kuasa atau tugasnya kepada lain pihak. Menurut Seksyen 4 (5) sebarang

rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa Tata tertib, ataupun kepada sesiapa yang diperturunkan kuasa tersebut, mestilah diputuskan oleh Menteri atau seseorang atau badan yang ditentukan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam Warta.

Seksyen 5 (1) memperuntukkan seorang Pegawai Hal Ehwal Pelajar yang mempunyai kuasa tata tertib terhadap semua pelajar di sesuatu institusi dan pegawai tersebut dilantik oleh Menteri. Pegawai ini menurut Seksyen 5 (2) mempunyai kuasa mengambil tindakan tata tertib dan mengenakan sebarang hukuman yang timbul daripada tindakan tersebut mengikut peraturan yang diadakan pada Jadual Kedua. Seksyen 5 (3) memperuntukkan bahawa Pegawai Hal Ehwal Pelajar boleh menurunkan segala fungsi, kuasa dan tanggungjawabnya kepada pihak lain. Seseorang pelajar menurut Seksyen 5 (4) boleh mengemukakan rayuan kepada Menteri atas keputusan yang dibuat oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar, atau pihak yang menjalankan kuasanya, dan Menteri boleh menolak rayuan tersebut ataupun menurut Seksyen 5 (5) menubuhkan satu Jawatankuasa untuk menimbang atau membuat perakuan kepadanya.

Seksyen 6 memperuntukkan bahawa kaedah-kaedah Institusi-institusi Pelajaran (Tata tertib Pelajar-pelajar), 1976 seperti yang terdapat pada Jadual Kedua hendaklah dipakai di Institusi-institusi yang disebutkan di dalam Jadual Pertama. Menteri juga berkuasa untuk membuat pindaan, perubahan, tambahan ataupun memansuhkan mana-mana peruntukan kaedah-kaedah ini yang di fikir patut dikenakan kepada lain-lain institusi.

Bahagian III Rang Undang-undang ini bertujuan memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar di dalam sesuatu institusi. Menurut Seksyen 7 sesuatu institusi pelajar yang ditubuhkan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar akan dikenakan peruntukan-peruntukan seperti yang terkandung dalam Jadual Ketiga iaitu berhubung dengan Perlembagaan, fungsi-fungsi dan tugas-tugas Jawatankuasa Perwakilan Pelajar itu. Seksyen 8 membolehkan sepuluh atau lebih pelajar daripada sesuatu institusi pelajaran, setelah mendapat terlebih dahulu persetujuan daripada pihak berkuasa tata tertib dan Menteri, menubuh badan-badan

pelajar dengan maksud dan tujuan yang tertentu. Seksyen 9 memberi kuasa kepada Menteri atau Eksekutif sesebuah Institusi untuk membubar sesebuah Jawatankuasa Perwakilan Pelajar atau lain-lain badan pelajar. Memandangkan kepada kegiatan pelajar, bukan saja di Instituti Teknologi MARA, tetapi juga di lain-lain institusi di negara ini maka peruntukan-peruntukan seperti yang disebutkan tadi adalah sangat wajar bagi membendung dan mengawasi kegiatan-kegiatan pelajar yang tidak sihat.

Bahagian IV mengandungi peruntukan-peruntukan yang sama dengan peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 seperti mana yang dipindahkan pada tahun yang lalu. Seksyen 10 melarang seseorang pelajar atau sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar daripada bersekutu dengan mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja atau lain-lain pertubuhan, badan atau kumpulan orang, kecuali sebagaimana diperuntukan oleh atau di bawah Rang Undang-undang ini, atau sebagaimana diluluskan terlebih dahulu oleh Menteri.

Seksyen ini juga bertujuan melarang seseorang pelajar atau sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar daripada menyatakan sokongan, simpati atau bantahan terhadap sesuatu parti politik atau kesatuan sekerja, dan daripada menyatakan sokongan atau simpati dengan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang. Larangan ini bertujuan memusatkan perhatian pelajar-pelajar yang berada di dalam sesebuah institusi pelajaran kepada tanggungjawab yang utama iaitu melengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan, dan menghindarkan penglibatan pelajar-pelajar yang berada di dalam persatuan yang menjalankan kegiatan bertenangan dengan peranan mereka sebagai pelajar. Bagi sesiapa yang melanggar peruntukan-peruntukan sekeken ini akan dihukum sepertimana disebutkan pada seksyen 10 (5).

Seksyen 11 bertujuan untuk menjadikan sesuatu kesalahan bagi seseorang pelajar atau sesuatu pertubuhan badan atau kumpulan pelajar memungut atau menganjur sesuatu pungutan wang atau harta. Bagaimanapun, Menteri adalah diberi kuasa untuk memberi pengecualian daripada larangan ini dalam sesuatu hal tertentu dan berhubung dengan pemungutan dalam kampus ia boleh menurunkan kuasa ini kepada Ketua

Eksekutif sesebuah institusi. Tujuan peruntukan ini ialah supaya semua kutipan wang dari orang ramai oleh pelajar-pelajar tidak disalahgunakan untuk membiayai kegiatan-kegiatan yang tidak mendatangkan faedah. Seksyen 12 dan 13 memperuntukkan dengan jelas tanggungan kejenayahan pemegang-pemegang jawatan dan orang-orang yang mengurus atau membantu dalam pengurusan sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, dan untuk anggapan-anggapan tertentu dalam pendakwaan-pendakwaan.

Seksyen 14 memperuntukkan bagi menggantung seseorang pelajar yang dipertuduh atas sesuatu kesalahan jenayah dan bagi membuang pelajar itu jika kesalahan jenayah itu dibuktikan. Bagaimanapun fasal tersebut memberi kepada Menteri budibicara untuk memberi pengecualian daripada peruntukan-peruntukan yang berhubung dengan pengantungan dan pembuangan dan membolehkan Menteri mewakili kuasa-kuasa di bawah seksyen ini kepada Ketua Eksekutif sesebuah institusi pelajaran. Peruntukan ini bertujuan menekan kepada pelajar-pelajar bahawa tindakan melanggar undang-undang adalah perkara yang serious, kerana terdapat pada keadaan sekarang di kalangan setengah pelajar, yang bersikap bahawa tindakan tunjuk perasaan dan sebagainya adalah satu cara permainan yang boleh diadakan mengikut sesuka hati mereka. Oleh itu dengan mengadakan peruntukan ini dakwaan terhadap mahkamah boleh membawa kepada pengantungan atau pemberhentian daripada menjadi pelajar. Seseorang pelajar seperti itu tidak akan diterima masuk untuk meneruskan pelajarannya di mana-mana institusi pelajaran atau Universiti di dalam negara ini melainkan setelah mendapat persetujuan Menteri secara bertulis.

Seksyen 15 bertujuan memberi kuasa kepada Menteri menggantung atau memberhenti seseorang pelajar daripada sesuatu institusi pelajaran apabila ia berpuashati bahawa adalah menjadi kepentingan institusi itu untuk menggantung ataupun memberhentikan pelajar tersebut. Seterusnya pelajar seperti ini bukan sahaja tidak dibenarkan melanjutkan pelajarannya di lain institusi atau universiti di negara ini, tetapi juga ditegah memasuki atau berada di dalam mana-mana kampus, institusi ataupun universiti. Tujuan

peruntukan ini ialah untuk mengasingkan pelajar-pelajar yang difikirkan boleh mengganggu ketenteraman sesuatu institusi daripada pada lain-lain pelajar. Salah satu pengajaran yang kita dapati daripada demonstrasi-demonstrasi pelajar baharu-baharu ini ialah kegiatan liar oleh segelintir pelajar boleh dapat menjejaskan suasana tenteram di seluruh institusi. Jika golongan-golongan seperti ini dapat diasingkan dari awal lagi maka banyak kejadian yang tidak diinginkan boleh dihindar.

Bahagian V Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan beberapa peruntukan peralihan yang juga merupakan peruntukan-peruntukan berbangkit (consequential provisions). Dengan itu Seksyen 17 memperuntukkan bahawa semua keahlian pelajar di dalam semua pertubuhan yang berdaftar terhenti secara otomatis melainkan kelulusan untuk terus menjadi ahli diperolehi daripada Menteri dalam tempoh 14 hari daripada tarikh kuatkuasa Rang Undang-undang ini. Demikian juga dengan Seksyen 18 memperuntukkan pembubaran secara otomatis, semua pertubuhan atau persatuan syarikat kerjasama di mana-mana institusi pelajaran yang mana pada keseluruhan atau sebahagian besar daripada ahlinya datang daripada suatu atau lebih institusi pelajaran. Daripada pengalaman yang lalu adalah jelas bahawa kegiatan pertubuhan-pertubuhan pelajar tidak dapat diawasi dengan berkesan selagi pertubuhan-pertubuhan itu didaftarkan dengan pihak berkuasa yang lain daripada institusi itu. Oleh yang demikian, adalah wajar untuk mengadakan peruntukan-peruntukan seperti yang terkandung dalam kedua-dua seksyen itu.

Bahagian VI Rang Undang-undang ini mengandungi beberapa perbekalan am, dan di antaranya ialah Seksyen 21 yang membolehkan Menteri menurunkan fungsi, kuasa dan tanggungjawabnya, selain daripada kuasa membuat undang-undang kecil, kepada lain-lain pihak. Mengikut Seksyen 22 Menteri boleh mengenakan segala perbekalan Rang Undang-undang ini kepada mana-mana institusi pelajaran dengan meletakkan nama institusi itu di bawah Jadual Pertama. Di dalam Jadual Pertama Rang Undang-undang ini terdapat Instituti Teknologi MARA, Shah Alam dan Petaling Jaya serta kampus-kampus cawangannya di Perlis, Trengganu, Sabah dan Sarawak. Seterusnya, mengikut

Seksyen 24 sesuatu cawangan atau bahagian kecil institusi yang disenaraikan berasingan di dalam Jadual Pertama adalah dianggapkan, untuk maksud Rang Undang-undang ini sebagai sebuah institusi yang berasingan daripada institusi yang ia menjadi cawangan ataupun bahagian.

Di Jadual Kedua terdapat Peraturan Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1976 dan ianya bertujuan untuk melicinkan dan memperkemas kawalan dan pengawasan tatatertib bagi pelajar-pelajar institusi-institusi yang dimasukkan ke dalam Jadual Pertama. Peraturan ini bukanlah suatu perkara yang baharu kerana suatu peraturan dengan mempunyai peruntukan yang sama telah dikenakan kepada semua universiti-universiti dalam negara ini.

Bahagian Pertama mengandungi tafsiran kepada istilah-istilah yang digunakan di dalam peraturan ini dan bahagian kedua menyatakan secara am segala larangan-larangan dan tegahan-tegahan yang mesti diperbatikan oleh tiap-tiap pelajar di dalam sesuatu institusi pelajaran. Bahagian ketiga memperuntukkan peraturan tatatertib berhubung dengan penginapan di asrama, dan yang keempat pula ialah perbekalan tatatertib lalu lintas jalan yang dikenakan di dalam sesuatu kampus institusi pelajaran. Bahagian kelima mengandungi acara tatatertib dan antara lain menerangkan cara-cara menjalankan sesuatu pembicaraan tatatertib, orang-orang yang boleh hadir di dalam sesuatu pembicaraan dan hukuman-hukuman yang dikenakan kepada mereka yang didapati bersalah iaitu seperti amaran, denda tidak lebih daripada \$200 penggantungan daripada kemudahan-kemudahan universiti selama tempoh yang ditentukan dan lain-lain. Bahagian keenam ialah berhubung dengan cara-cara menyampaikan rayuan terhadap sebarang keputusan tindakan tatatertib yang seseorang pelajar tidak puashati. Bahagian ketujuh dan yang akhir mengandungi beberapa peruntukan am. Tujuan mengadakan kaedah-kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1976 ialah untuk mengujudkan suasana tenteram dan selisa di institusi-institusi pelajaran untuk membolehkan institusi-institusi itu menjalankan peranan utamanya tanpa apa-apa gangguan.

Jadual Ketiga memperuntukkan penuhban Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang dipilih dengan undian rahsia oleh

pelajar-pelajar sesuatu institusi. Pemilihan ini diuruskan oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar mengikut peraturan seperti yang dinyatakan oleh Seksyen 1 (1) (a) dan (b) Jadual tersebut. Pelajar-pelajar yang menghadapi tuduhan tatatertib atau yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib tidak layak bertanding menjadi wakil dalam Jawatankuasa Perwakilan Pelajar. Begitu juga pelajar-pelajar yang belum mengambil peperiksaan tahun pertama ataupun yang gagal atau tidak memasuki peperiksaan tahun akhir bagi sesuatu kursus pengajian yang diikutinya, tidak juga dibenarkan bertanding menjadi ahli dalam Jawatankuasa Perwakilan Pelajar itu. Adapun tujuan mengadakan peruntukan seperti ini ialah untuk menyekatkan pelajar-pelajar yang lemah dan juga yang baharu menempuh pelajarannya daripada melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan pelajar. Daripada pengalaman adalah didapati seringkali pelajar-pelajar yang lemah dalam pelajarannya yang selalu suka melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan pelajar.

Adalah juga diperuntukkan di dalam Jadual ini bahawa Jawatankuasa Perwakilan Pelajar tidak boleh menyenggara apa jua kumpulan wang atau memungut derma, bantuan mahupun harta daripada sesiapa-pun. Segala perbelanjaan yang dikemukakan bagi kegiatan-kegiatan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar akan dibiayai daripada peruntukan Institusi mengikut peraturan kewangan seperti yang ditetapkan oleh Ketua Eksekutif Institusi itu. Adalah menjadi satu kenyataan bahawa kegiatan-kegiatan pelajar yang menjadi-jadi pada masa yang sebelumnya ini adalah disebabkan oleh kemampuan mereka dari segi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.58 ptg.

Raja Nasron bin Raja Isahak (Ketua Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa pusat latihan adalah ibarat assembly line di dalam satu-satu faktori yang mengeluarkan satu-satu barang. Mutu barang itu pada pandangan saya hanya boleh terjamin jika penjaga mutu itu atau quality controllernya cekap di dalam menjalankan

kerja. Quality controller dalam erti kata institusi pelajaran ini ialah pendidik-pendidik atau pegawai-pegawai di institusi pelajaran tersebut. Mereka ini hanya boleh menjaga mutu keluaran jika diberi kuasa-kuasa yang sewajarnya dan kuasa-kuasa istimewa ataupun kuasa-kuasa khas sebagaimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Dengan sebab itu saya menyokong Rang Undang-undang Institusi Pelajaran (Tatatertib) yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Di samping itu, saya suka menyentuh beberapa Bahagian dan Fasal-fasal.

Pertama, saya suka menyentuh Bahagian II, Fasal 5 berkenaan dengan pihak berkuasa tatatertib, terutamanya Pegawai Hal Ehwal Pelajar. Keadaan rumahtangga adalah satu faktor yang mempengaruhi tatatertib seseorang pelajar, keadaan sesebuah rumahtangga berlainan dengan rumahtangga yang lain. Pelajar-pelajar di negara kita ini kita dapati bukan sahaja daripada kaum bumiputra tetapi juga daripada kaum China, India dan lain-lain. Dan tentu sahajalah keadaan rumahtangganya berlainan dan berbeza, tetapi ada common factor yang saya pandang yang pada pelajar-pelajar kita iaitu berkenaan dengan didikan ugama yang kuat. Kalau mereka daripada bangsa Melayu didikan ugama Islamnya kuat, kalau mereka daripada kaum lain keagamaannya samada Kristian atau Budhist maka mereka berpegang kuat pada ugamanya. Kita boleh perhatikan pada hari-hari perayaan ugama, upacara sembahyang dan sembahyang, maka masjid, gereja dan kuil penuh sesak. Jadi saya berpendapat dengan kita mengetahui common factor itu dapatlah pihak yang berkenaan terutama Pegawai Hal Ehwal Pelajar dengan menggunakan pengaruh ajaran ugama mahupun ugama Islam dan ugama lain untuk mempengaruhi dan memperbaiki satu-satu suasana di pusat-pusat latihan ataupun institusi pelajaran.

Kedua, berkenaan dengan Bahagian Ketiga, Fasal 7 iaitu Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP). Masa ini kita dapati bahawa Kementerian Pelajaran ataupun Jabatan Pelajaran mensyaratkan tiap-tiap sekolah supaya menubuhkan satu persatuan yang dikenali dengan nama Persatuan Guru-guru dan Ibubapa atau P.G.I.B. Badan ini pada anggapan saya tidak mempunyai satu identiti yang terang dan perhubungannya juga di antara satu P.G.I.B. dengan satu

P.G.I.B. di sekolah yang lain tidak ada langsung. Persatuan itu, saya berpendapat adalah satu badan yang sangat-sangat mustahak dan masanya sudah sampai bagi Kementerian memandang satu penubuhan Persatuan Guru dan Ibubapa Kebangsaan. Dan saya syorkan di sini supaya Kementerian memandang kepada badan P.G.I.B. di mana boleh badan-badan yang saya katakan tadi P.G.I.B. di sekolah-sekolah itu dapat digabungkan dan saya percaya bahawa dengan penubuhan badan ini dapat kelak memberikan kerjasama dengan Jawatankuasa Tatatertib dan juga Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP).

Saya memandang bahawa Persatuan Guru-guru dan Ibubapa Kebangsaan yang saya katakan itu bukan sahaja dapat memberi kerjasama dengan JPP dan juga Jawatankuasa Tatatertib tetapi boleh memperbaiki kebajikan pelajar-pelajar bukan sahaja masa pelajar-pelajar itu berada di pusat latihan atau sekolah, tetapi masa mereka bercampur dengan masyarakat di rumah-rumah masing-masing. Badan ini juga saya fikir dapat memperbaiki standard of home life pelajar-pelajar kita seperti yang saya katakan tadi bahawa pelajar-pelajar itu ada berbagai latarbelakang: ada daripada anak-anak nelayan, petani dan anak-anak orang kaya. Mereka ini dapat dibantu supaya home life murid-murid itu berkeadaan suasana sempurna dan dengan keadaan itu dapatlah murid-murid itu belajar dengan tenteram di sekolah-sekolah. Saya maksudkan bukan sahaja di peringkat universiti ataupun di peringkat I.T.M. tetapi di peringkat pelajaran rendah, peringkat menengah dan sebagainya. Juga sebagaimana tujuan penubuhan persatuan itu dapat merapatkan dan mengeratkan hubungan di antara ibubapa, guru-guru dan pensyarah-pensyarah dan lain-lain.

Di samping itu juga saya hendak menarik perhatian Kementerian kepada Bahagian V Acara Tatatertib. Segala cara-cara kawalan dan hukuman sebagai yang diperkatakan dalam Bahagian V, Jadual Kedua ini memang perlu, tetapi yang terlebih penting ialah mengawal sesuatu itu sebelum berlaku. Kalau sudah berlaku, baharulah hukuman-hukuman itu dijalankan, tetapi sebelum berlaku perkara itu hendaklah diadakan pencegahan. Dari itu Kementerian hendaklah ada pakar-pakar dari golongan pegawai-pegawai yang boleh mengawal serta-merta mengetahui tanda-tanda atau

sign dan symptom yang merbahaya sebelum terjadi iaitu mahupun daripada pelajar perseorangan atau persatuan pelajar.

Kita telah dapat pengalaman daripada tunjuk perasaan baru-baru ini di negara kita dan dengan pengalaman itu tentulah saya fikir pihak yang berkenaan dapat mengetahui apa yang dikatakan tanda-tanda merbahaya itu. Adalah menjadi kerugian kepada negara kita dan juga kerugian kepada kita kalau kita hanya berdiam diri. Sebagaimana kebiasaan dikatakan orang-orang menyapu segala kekotoran itu di bawah permaidani, atau di bawah tikar sehingga sudah tak boleh ditutup lagi, sehingga sampai meletus, baharulah kita hendak ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, sesudah merdeka. Malaysia yang terletak dalam kawasan Timur Jauh Asia adalah dianggap sebagai sebuah negara yang amat menitik-beratkan soal pelajaran. Justeru itu penubuhan empat buah Universiti dan beberapa Kolej yang lain telah dijadikan satu dasar yang utama. Kita akan sedar betapa gigihnya usaha Kerajaan meninggikan taraf pelajaran negara ini. Dalam hubungan ini Instituti Teknologi MARA telah mengambil tempat utama. Kerajaan Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional telah memberikan pertimbangan yang paling wajar ke arah mempertingkatkan taraf pelajaran bumiputra dalam bidang teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perhatikan semula di masa pemerintahan British, kita dapat mengira dengan jari bilangao ahli-ahli teknik bumiputra. Tetapi ini dengan penubuhan Instituti Teknologi MARA, cita-cita kita untuk mengeluarkan ahli-ahli teknik bumiputra sebahagian darinya telahpun tercapai. Oleh itu adalah menjadi tugas setiap rakyat yang setia memahami tujuan Kerajaan yang telah memberikan kemudahan-kemudahan seumpama itu di mana berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan semata-mata untuk mengujudkan projek-projek yang berfaedah ke arah pembentukan sebuah masyarakat yang berpengalaman dalam bidang teknik. Tetapi kini kita dapat melihat peraturan dan disiplin amatlah berkurangan dalam institusi-institusi yang tersebut. Mereka enggan memahami tujuan baik Kerajaan, tetapi sebaliknya mereka menimbulkan huru-hara yang mana dengan perbuatan itu pemikiran rakyat jelata telah menjadi keliru.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kumpulan jenerasi muda pelajar-pelajar yang berkenaan haruslah sedar bahawa harapan ibubapa dan negara adalah untuk menjadikan mereka golongan bumiputra yang terpelajar dan bertanggungjawab dalam segala aspek kehidupan yang akan menjadikan mereka bakal-bakal pemimpin yang penuh berdisiplin. Kalau mereka gagal dalam peringkat permulaan bagaimanakah mereka akan dapat diharapkan dalam pemerintahan negara kelak.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat kita nafikan bahawa setiap individu ada mempunyai kelemahannya tetapi mustahil kelemahan itu tidak dapat diperbaiki, sekiranya mereka sedar. Kalau telah sesat di hujung jalan, kembalilah segera ke pangkal jalan dan kajilah dengan teliti mengapa mereka boleh menjadi sesat.

Sebagai sebuah negara yang sentiasa mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi yang tulin, saya berpendapat pelajar-pelajar kita di semua peringkat amatlah bertuah dan bernasib baik kalau dibandingkan dengan keadaan pelajar-pelajar di negara-negara yang lain.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya membawa perhatian Yang Berhormat Menteri kepada Fasal 26 berkenaan dengan Badan-badan ataupun Institusi-institusi yang termasuk di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tersebut. Saya berharap supaya dapat dimasukkan juga institusi-institusi yang dianjurkan atau ditadbirkar oleh pihak-pihak swasta. Saya tidak hendak melihat alasan daripada pihak yang berkenaan mengatakan bahawa Kerajaan kita tidak ada membiayai atau mengeluarkan apa-apa wang untuk mentadbirkan institusi-institusi swasta ini maka kita tidak boleh campurtangan atas menentukan tata tertib institusi-institusi tersebut kerana apa yang mustahak di sini Tuan Yang di-Pertua, bukanlah wang tetapi product daripada institusi-institusi itu. Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memasukkan juga di dalam Jadual yang berkenaan supaya institusi-institusi swasta seperti Goon Institution, Cyma College dan sebagainya dapat dikawal tata tertib pelajar-pelajarnya. Kerana pelajar-pelajar institusi-institusi ini juga kelak bakal warganegara kita yang memimpin keadaan negara kita pada masa akan datang.

6.12 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang Institusi-institusi Pelajaran (tatatertib) satu Akta bagi membuat peruntukan-peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan tatatertib dalam institusi-institusi pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bercakap lebih jauh, biarlah saya memberikan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran kerana memperkenalkan Rang Undang-undang pada masa yang sesuai di mana tatatertib adalah sesuatu yang mesti ditekankan kepada pihak individu yang tertentu ke arah memperkekalkan Undang-undang dan Peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu masyarakat yang teratur adalah bererti sebagai masyarakat yang disiplin. Ada peribahasa Tamil mengatakan: "Kalau kita tiada berjaya melentur sesuatu ikatan yang berjumlah lima, kita akan pasti gagal melentur ikatan yang berjumlah lima puluh." Oleh itu memandangkan jenerasi-jenerasi muda kita di hari ini akan menjadi bakal-bakal pemimpin di masa hadapan, maka adalah menjadi tanggungjawab kepada sebuah Kerajaan demokratik mengeratkan pemikiran jenerasi muda ke arah peranan mereka di hari muka, atau dengan lain-lain perkataan disiplin adalah sebagai trust kepada sesebuah masyarakat yang progressive. Masa hadapan negara kita adalah bergantung kepada pemimpin-pemimpin yang menjelang tiba.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kalau kita tiada berjaya menitikberatkan soal-soal disiplin dan kewajipan mereka terhadap masyarakat dan negara dengan nasihat, maka sebagai gantinya kita terpaksa mengenakan peraturan dan undang-undang dengan demikian saya berpendapat itulah sebabnya Rang Undang-undang ini dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar kita mempunyai segala keistimewaan akan tetapi janganlah digunakan keistimewaan itu kepada jalan-jalan yang akan menentukan konsep perpaduan dan keutuhan negara. Sikap toleransi dan adat ketimuran yang telah diwarisi dari datuk moyang kita semenjak berabad-abad dahulu hendaklah

dijadikan satu amalan dan bantuan untuk menjalani liku-liku hidup yang penuh cabaran. Mudahan-mudahan kalau amalan-amalan seumpama itu terus dikekalkan, saya percaya tidak ada perkara yang tidak dapat diselesaikan dan tidak ada penyakit yang tidak dapat diubati walaupun terkadang-kadang timbul perselisihan faham dan pendapat di antara pelajar-pelajar dan pihak yang berkuasa, namun sebagai manusia yang berfikiran waras adalah menjadi tanggungjawab pelajar-pelajar mencari jalan keluar dengan menggunakan diplomasi. Pihak berkuasa akan tetap menerima fikiran yang membina tetapi bukanlah dengan cara kekerasan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ujudnya Rang Undang-undang ini, saya yakin kaum pelajar kita akan dapat memahami tujuan Kerajaan yang sebenarnya. Bukanlah bererti Kerajaan hendak mengenakan kawalan yang terkeluar dari prinsip kemanusiaan, tetapi adalah sebagai satu undang-undang yang mengawasi tatatertib pelajar-pelajar sesuai dengan amalan Rukunegara yang sentiasa memelihara kedaulatan Undang-undang.

6.20 Ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini kerana sudah sepatutnyalah sesuatu yang tegas diambil bagi memperbaiki institusi-institusi pelajaran dalam negara kita hari ini terutamanya I.T.M. Masanya belum lambat lagi bagi kita mengambil tindakan-tindakan yang tegas dan baik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjamin kebaikan masa depan anak-anak kita atau jenerasi kita yang akan datang perlu mengadakan satu Peraturan Tatatertib sebagai mana yang ada di hadapan kita hari ini. Dan selain daripada itu yang lebih penting ialah satu corak pentadbiran yang baharu dan bersih di semua institusi pelajaran di negara kita ini. Tanpa pentadbiran dan susunan, tanpa pembersihan dalam susunan pentadbiran Undang-undang yang kita akan luluskan hari ini tidak akan membawa makna dan tidak akan membawa kita ke mana-mana. Apa yang saya maksudkan dengan cara-cara pentadbiran dan membersihkan itu ialah supaya tidak lagi ada kakitangan-kakitangan, pensyarah-pensyarah dan pemimpin-pemimpin penuntut yang tidak

jujur berada di dalam institusi pelajaran kita sebagaimana yang pernah berlaku kepada I.T.M. itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu dengar pekerja-pekerja salah gunakan wang-wang Kerajaan dan penuntut-penuntut juga. Dan kita juga tidak mahu dengar kucar-kacir berlaku di dalam pentadbiran yang boleh menimbulkan kegelisahan-kegelisahan di kalangan penuntut-penuntut. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, pusat-pusat pengajian di dalam negara kita ini adalah pusat-pusat yang akan mengeluarkan bakal-bakal pemimpin negara kita kelak. Buruknya cara pentadbiran maka akan buruklah bakal-bakal pemimpin kita dimasa hadapan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang muda dan sedang membangun, tiap-tiap sesuatu perkembangan yang berlaku kepada negara itu akan membawa kesan yang sangat berat kepada masa depannya. Sekiranya kita dapat, Tuan Yang di-Pertua, berilah sesuatu perubahan yang akan kita lakukan itu sesuai dengan masa dan sederhana hendaknya. Kalau boleh, kita tidak ingin perubahan-perubahan secara keras berlaku kerana itu tidak menguntungkan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong undang-undang ini kerana saya mempunyai keyakinan yang kita akan dapat memulakan pembentukan secara pimpinan kita di masa hadapan dengan bermulanya Peraturan Tatatertib ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapat penjelasan, sukalah saya mengemukakan beberapa pertanyaan di dalam perkara-perkara yang menyentuh beberapa fasal di dalam Rang Undang-undang ini. Apakah sebabnya di dalam Bahagian II—Tatatertib yang mana tidak ada dimasukkan peruntukan untuk mengharankan merokok, kepada penuntut-penuntut itu. Yang terdapat di dalam Rang Undang-undang ini ialah seperti dadah, minuman keras dan sebagainya yang mana semuanya dimasukkan. Pada pendapat saya, rokok hendaklah diharamkan juga di dalam Peraturan Tatatertib kita itu.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana caranya yang akan dilakukan sekiranya sesuatu yang berlaku dengan tidak sengaja oleh penuntut-penuntut yang mana boleh menyebabkan penuntut-penuntut itu digantung pengajiannya sepertimana yang

kita dapati di dalam Fasal 14, sekiranya seseorang penuntut itu membuat kesalahan jenayah. Apa yang saya maksudkan ini tentang berbagai-bagai kes jenayah yang boleh dichargekan seperti kita kata 323, 352, 504, 505 dan 510. Sekiranya didapati penuntut-penuntut kita ini balik ke kampung apabila bercuti dan dia ada berkelahi seperti bertumbok misalnya, dan kalaulah mereka itu naik motorsikal berlaku accident melanggar orang, adakah ini menjadi satu kesalahan? Dan adakah ini akan menggantungkan pelajarannya untuk melanjutkan pengajian mereka?

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, tentang merosakkan hartabenda pusat pengajian adalah satu kesalahan. Bagaimana sekiranya seorang penuntut, misalnya tidak sengaja di dalam kampusnya semasa minum air, gelas-gelasnya pecah atau piringnya terjatuh. Adakah ini menjadi satu kesalahan juga kepada penuntut itu?

Saya berpendapat perkara ini patutlah kita timbangkan dengan sehalus-halusnya sekiranya penuntut-penuntut itu membuat kesalahan yang akan merosakkan barang-barang itu akan menimbulkan kacau-bilau di dalam kampusnya. Maka inilah yang patut dihukum dengan sekeras-kerasnya sebagaimana peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang ini. Pada pendapat saya, sekiranya penuntut itu balik ke kampung dan berlaku kesalahan-kesalahan yang ringan dengan tidak sengaja, sekiranya dianggap satu kesalahan jenayah dan digantungkan pengajiannya itu, saya rasa ini sangatlah keterlaluan dan saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan bersimpati dengan apa yang saya terangkan tadi.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya kemukakan dan di sini sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) ini.

6.28 ptg.

Tuan Au How Cheong (Teluk Anson):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini yang lebih kurang sama dengan Akta Universiti-universiti (Pindaan) yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun 1975.

Tuan Yang di-Pertua, pada biasanya apa-apa langkah yang akan menghadkan kebebasan individu akan menerima tentangan dan kritik yang kurang memuaskan ataupun

menyebabkan perselisihan. Tetapi kebebasan tidaklah termasuk kebebasan melakukan kejahatan, ancaman kepada keamanan dan keselamatan dan pembangunan negara. Sekiranya kebebasan tidak ada dengan perasaan tanggungjawab dan disiplin bersendirian sebagaimana yang telah ditunjukkan di dalam perlakuan-perlakuan pelajar-pelajar baru-baru ini di kampus-kampus universiti kita dan menjadi undang-undang dan peraturan-peraturan mesti diterangkan dengan sejelajelasnya sebagai panduan kepada penuntut-penuntut. Walau bagaimanapun, kuranglah menjelaskan peraturan-peraturan itu khasnya peraturan yang tetap untuk menghadkan kebebasan pelajar-pelajar, sebab tindakan kita boleh jadi disangka sebagai langkah yang menindas atau menumpaskan kebebasan pemikiran penuntut-penuntut kita yang masih muda, idealistic dan sungguh-sungguh cergas pemikirannya.

Jadi, adalah mustahak bagi segala Yayasan-yayasan Pelajaran kita untuk memberitahu pelajar-pelajar melalui kelas-kelas tertentu, tujuan-tujuan asasi pelajaran, tujuan-tujuan dasar ekonomi negara, kerumitan masyarakat kita, sebab-sebab dan keperluan untuk memberi perhatian yang istimewa kepada sebahagian yang tertentu daripada masyarakat kita, supaya rakyat dan pelajar-pelajar boleh faham sebab-sebab tentang tindakan yang telah diambil atau akan diambil oleh Kerajaan supaya pelajar-pelajar tidak membuang tenaga mereka kearah yang tidak berguna. Saya boleh katakan adalah merupakan tanggungjawab kita untuk memberitahu dengan telitinya rakyat jelata secara umum dan pelajar-pelajar khasnya. Pegawai-pegawai Kerajaan khasnya dari Kementerian Pelajaran mesti ada dialog dengan penuntut-penuntut dari satu masa ke satu masa. Sepanjang pengetahuan saya hanya Menteri-menteri sahaja yang ada dialog dengan penuntut-penuntut apabila masalaah sudah timbul. Kenyataan bahawa rakyat dan pelajar-pelajar kita terlalu mudah dipengaruhi oleh huraian-huraian parti pembangkang menunjukkan Kerajaan tidak melakukan dengan sedaya-upaya untuk memberi maklumat-maklumat kepada rakyat. Jurang perhubungan mesti diperbaiki tanpa kengedalaan.

Tuan Yang di-Pertua, pelajaran pada suatu ketika merupakan sesuatu kemewahan yang hanya ada di dalam kemampuan orang yang terpelajar, berhak dan kaya. "(the elite

or the privileged or the rich)" Pada hari ini, walaupun dasar pelajaran kita tidak seratus peratus baik, peluang untuk belajar adalah terbuka kepada rakyat dari semua lapisan kaum. Kita dapati ramai anak-anak peladang, penoreh getah dan nelayan yang tidak dapat peluang untuk pergi ke sekolah rendah pada masa pemerintahan penjajahan dahulu, tetapi sekarang berada di Yayasan Pelajaran Tinggi. Oleh kerana tempat dan kemudahan-kemudahan yang terhad untuk semua pelajar yang ingin memasuki Universiti terdapat lagi ramai pelajar-pelajar yang lain yang juga berkelayakan tetapi gagal mendapat kemasukan.

Penuntut-penuntut yang telah mendapat memasuki ke Yayasan-yayasan Pelajaran Tinggi mesti menghargai peluang yang diberikan kepada mereka, menggunakan peluang ini dengan sedaya upaya untuk melengkapi diri mereka, supaya berguna kepada dirinya dan berfaedah kepada negara. Kita muda sekali sahaja, dan peluang tidak tentu akan datang dua kali. Masa depan adalah kepunyaan kaum belia. Mereka janganlah terburu-buru ingin menukar dunia dengan sertamerta.

Saya harap kaum pelajar kita akan mempunyai pemikiran yang lebih matang matured, berdisiplin supaya undang-undang dan peraturan yang disediakan sekarang ini tidak akan diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, saya ingin menyentuh satu seksyen dalam Rang Undang-undang ini juga. Saya minta izin membaca Bahagian IV, Seksyen 10 (3):

"Tiada sesiapa jua, semasa menjadi seorang pelajar sesuatu Institusi, boleh menyatakan atau berbuat sesuatu yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan, simpati atau bangkangan terhadap mana-mana parti politik atau kesatuan . . ."

Kebanyakan penuntut-penuntut kita yang berumur 21 tahun ke atas adalah layak untuk mengundi. Kalau suara mereka dikira, adakah ini bermakna yang mereka menyokong parti politik, atau itu sebagai satu kesalahan.

Saya harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang berkenaan akan menjelaskan perkara ini.

6.38 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan saya yakin dengan Rang Undang-undang yang dikemukakan ini akan berfaedah kepada pelajar-pelajar sendiri dan seterusnya kepada seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang manusia ataupun sebagai satu badan pertubuhan, atau baik apa sekalipun tentang tata-tertib ini perlu diadakan. Sebagaimana kita sama-sama maklum sebagai dalam satu rukun mengenai ayat sembahyang kalaulah tidak ada tatatertib sebagaimana kita buat sekalipun rukun itu baik kalau yang pertamanya dialih pergi yang kedua, maka sudah tetap tidak sah, jadi, bererti tatatertib amatlah perlu dalam segi apa sekalipun. Maka dengan adanya Rang Undang-undang Tatatertib ini sebagaimana saya katakan tadi akan membawa kebaikan bukan kepada orang lain bahkan kepada pelajar itu sendiri.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya berkata terus terang berkenaan dengan pelajar-pelajar I.T.M. itu telah berbangkit berbagai-bagai perkara, tetapi walau bagaimana sekalipun saya berasa syukur kepada Tuhan dan berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang mengeluarkan kenyataan dalam akhbar Utusan Malaysia dan saya percaya juga akhbar-akhbar lainnya, saya lupa haribulannya, yang berkenaan, yang mana tengok gambar ada tiga orang iaitu Menteri sendiri, Pengarah dan Pemangku Pengerusi. Dengan kenyataan-kenyataan yang telah dikeluarkan itu telah dimasukkan oleh akhbar dengan sepenuhnya, kalau saya hendak ucapkan terima kasih kepada akhbar itu bukanlah kewajipan saya, tetapi sebagai seorang rakyat Malaysia, saya juga turut mengucapkan terima kasih, kerana sebelum daripada itu kadang-kadang sakwasangka dituduh kepada pihak-pihak pentadbir I.T.M., khasnya kepada Menteri sendiri. Tetapi dengan keluarnya kenyataan itu yang mana perbincangan Menteri bersama tiga orang yang saya katakan tadi bersama-sama dengan Jawatankuasa PAS Malaysia, saya agak kenyataan-kenyataan itu amatlah memuaskan bagi pihak orang-orang yang mahu menerima kenyataan.

Maka dengan sebab itulah pada pendapat saya apa yang kita buat itu amatlah baik walaupun tidak semua mengaku baik sebagaimana saya katakan tadi, tetapi yang kita berasa dukacita kadang-kadang ada perkara-perkara yang kita lakukan tidak semua dapat diketahui oleh umum. Oleh sebab itu, saya berpendapat iklan ataupun sebaran am adalah satu perkara yang perlu sebagaimana kita tengok di dalam satu-satu penjualan iklan. Kadang-kadang dia sanggup mengeluarkan beribu-ribu ringgit, tujuannya mengiklan dan disebalik iklan itu sesudah apa yang diiklankan dapat diketahui oleh umum barulah apa yang dijualnya mendapat pasaran yang begitu baik.

Saya berpendapat dari segi undang-undang ini—saya tidak ada hendak menambah bahkan apa yang saya dengar huraian daripada Yang Berhormat Menteri tadi saya amatlah puas hati tetapi yang saya bimbang boleh jadi ada di antara masyarakat kita khasnya tidak mengetahui dengan sebenar-benarnya. Dengan sebab itu kadang-kadang ada salah faham ini datang daripada Menteri, datang daripada pentadbir dan datang daripada pihak kita sendiri. Saya berharap kepada akhbar kalau boleh sebagaimana dibuat dalam masa Menteri sendiri bercakap dengan tiga orang yang saya katakan tadi kalaulah tidak boleh pada hari esok atau hari-hari yang berkenaan, tolong masukkan kesemua ini di tiap-tiap akhbar supaya dapat diketahui oleh umum dan kalau boleh juga sekali-sekala Menteri itu sendiri mengadakan komentar berkenaan dengan perkara ini sebagaimana yang telah dilakukan pada 10-3-76. Kalau tidak silap saya pada malam Khamis tetapi bukanlah berkenaan dengan pelajaran bahkan berkenaan dengan perkara lain tetapi perkara ini juga saya ingat dapat diketahui oleh umum. Kalau sekadar kita hendak tahu dalam TV siaran Lapuran Dewan Rakyat kita tahu tidak lebih daripada 10 minit, sebaik-baiknya kita beri keistimewaan kepada Yang Amat Berhormat oleh sebab beliau Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Pelajaran, kalau kesemuanya sekalipun sudah tidak lebih daripada 10 minit dalam siaran TV dan kalau dalam siaran radio pun tidak lebih daripada 15 minit, jadi saya ingat tidak lengkap. Dengan sebab itu, saya berpendapat patut diadakan satu masa khas diterangkan mengenai perkara ini, begitu juga disebarkan khas kepada tiap-tiap pelajar.

Kalau kepada orang lain kita boleh beri, kepada pelajar kita beri tiap-tiap seorang dapat mengetahui apa yang kita putuskan. Kadang-kadang saya takut satu-satu perkara kita buat orang yang kita hendak hubung itu dia sendiri tidak tahu undang-undang oleh sebab dia tidak membacanya. Kalau dalam segi ugama pada pendapat saya sebelum dihukum satu-satu orang diajar dahulu, lepas dia sendiri sudah baca dan tidak mahu buat lepas itu baru dihukum. Jikalau dia tidak tahu kita terhukum teruk sangat, lagi pula saya takut dari segi pelajar-pelajar ini sungguhpun ada tunjuk perasaan saya yakin bukan semua pelajar-pelajar yang jahat sebagaimana Menteri sendiri biasa kata bahawa bukan semua pelajar yang jahat bahkan sedikit sangat dan ada setengah itu terikut-ikut.

Apa yang saya katakan ini biasa berlaku kepada saya sendiri pada tahun enam puluhan di masa saya bersekolah ada satu mogok—bukan tunjuk perasaan, iaitu cuti sekolah oleh pelajar-pelajar. Saya masih kanak-kanak datang ke sekolah, murid-murid yang tunjuk perasaan ataupun ketuanya menunggu di satu simpang dan bertanya: Awak hendak ke mana? Saya kata: Saya hendak ke sekolah. Dia kata lagi: Awak boleh balik. Kemudian saya bertanya: Fasal apa? Dia menjawab: Hari ini cuti. Jadi hamba Allah yang tidak tahu apa-apa ini orang kata cuti maka dia rasa suka dan balik ke rumah. Saya percaya ada di antara kalangan pelajar-pelajar sendiri dia bukan hendak buat apa yang telah dibuat oleh kawan-kawan yang lain tetapi dengan tidak tahu dan kadang-kadang dengan terpaksa sebagaimana biasa dikatakan oleh Yang Amat Berhormat dengan menggunakan kapak kecil dan sebagainya dan macam-macam lagi, ini terpaksa dibuat. Dengan sebab itu saya berharap sangat supaya Rang Undang-undang yang baik ini kita sebarkan seterusnya kepada umum dan juga kepada pelajar-pelajar yang berkenaan sendiri supaya dia tahu kalau pelajar-pelajar melakukan apa-apa kesalahan maka dia akan menerima hukuman yang sedemikian.

Dalam Rang Undang-undang ini saya bersetuju sangat dengan kelonggaran-kelonggarannya kerana dalam ugama kita pun kalau seseorang itu bercerai kali pertama boleh berbalik lagi, kalau kedua pun ada harapan—boleh, tetapi bila masuk sampai kali ketiga itu kenalah berkahwin dengan

orang lain. Jadi dalam peraturan inipun saya percaya Yang Berhormat Menteri memberi pertimbangan, kalau difikirkan satu-satu kesalahan tidak begitu keras hukumannya beliau akan menimbangkannya.

Dengan sebab itu, saya sokong penuh Rang Undang-undang ini dan saya yakin dengan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri pada hari ini akan menjadi kebaikan kepada pelajar-pelajar dan juga kepada negara umumnya yang mana kita tahu tiap-tiap undang-undang yang kita buat ini untuk kebaikan bersama tetapi malangnya setengahnya tidak diketahui oleh umum, oleh sebab itulah terbit desas-desus apa yang tidak puas hati.

Bagi orang yang menentang kerana manusia ini ada perasaan fanatik ataupun taasuf. Manusia fanatik kepada kita ataupun taasuf kepada kita walau seperti kita kata emas sekalipun tentang dia tidak bersetuju dia tetap tidak bersetuju dan kita tinggalkanlah orang yang semacam ini. Saya tidak maksudkan parti Pembangkang tetapi kepada sesiapa pun kerana tiap-tiap manusia ini tidak berupaya hendak dicari. Macam mana kita baik sekalipun ada orang yang tidak suka dan macam mana kita jahat sekalipun ada orang yang suka, kalau tidak masakan penjahat ini ada kawan tetapi kita biarkan, orang yang hendak tahu perkara sebenarnya itu biarlah dia mengetahuinya. Dengan sebab itu, saya sokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

6.45 ptg.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan Rang Undang-undang ini.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor bahawa sebuah institusi pelajaran itu adalah sama juga dengan assembly line, saya berharap janganlah institusi pelajaran dijadikan assembly line dan kita keluarkan orang yang fikiran yang sama, pendapat yang sama dan kebolehan yang sama seperti motokar dan lain-lain jentera yang dibuat melalui assembly line. Kita berharap mereka itu akan berbagai corak supaya negara kita ini tidak

merupakan satu negara yang penuh dengan orang yang serupa fikiran, serupa muka, serupa semuanya sehingga membosankan kita melihat orang yang sama rupanya dengan diri kita.

Berkenaan dengan cadangan supaya diadakan satu P.I.B.G. Nasional, perkara ini tidak begitu mudah diadakan kerana agak besar juga usahanya tetapi kalau ini adalah dikehendaki oleh semua pihak mungkin juga kita memikirkan perkara ini.

Berkenaan dengan mencegah sesuatu sebelum ianya berlaku, memanglah sudah kita lihat tanda-tanda bahawa kegiatan penuntut (students' activity) ini akan bertambah, sebab itulah kita mengadakan undang-undang ini. Kalau kita mengadakan undang-undang ini terlalu awal sebelum penuntut-penuntut dapat menunjukkan bakat-bakat mereka dalam bidang ini maka banyak orang akan berkata bahawa tidak ada satu sebab kita mengadakan tekanan undang-undang yang begitu sekali menindas. Sebab itu saya terpaksa memberi masa sedikit supaya penuntut menunjukkan cara-cara mereka bertindak dan rakyat dapat membuat penilaian tentang cara-cara mereka ini dan lepas itu barulah rakyat dapat memberi sokongan kepada undang-undang ini.

Berkenaan dengan institusi swasta ini agak sukar sedikit untuk tindakan diambil walaupun kita sedar bahawa penuntut daripada institusi swasta juga terlibat di dalam perkara ini tetapi tidaklah begitu sangat sehingga terpaksa kita mengambil tindakan.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput telah menyebutkan tentang kejayaan I.T.M., sungguhpun tidak banyak tetapi sekurangnya mengeluarkan sedikit ahli-ahli teknologi bumiputra. Memanglah ini satu kenyataan dan kita patut ingat bahawa sungguhpun kita membuat kritik terhadap I.T.M. ini bukanlah kerana I.T.M. tidak berjaya sama sekali tetapi tidak berjaya seperti yang kita inginkan.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah menegur tentang beberapa bahagian, umpamanya, tidak ada sebut tindakan yang akan diambil terhadap perogol. Saya percaya bahawa berkenaan dengan merogol ini sudahpun diadakan satu undang-undang dan di mana juga mereka melakukan rogol ini mereka akan dikenakan tindakan undang-

undang yang sudahpun ada, kalau dibuat di dalam I.T.M. pun kena, diluar daripada I.T.M. pun kena dan kalau dibuat di dalam rumah sendiri pun kena.

Berkenaan dengan kesalahan di luar kampus, accident dan sebagainya, ini sebenarnya tidaklah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu mengenai kes-kes kemalangan yang dibawa di Mahkamah tempat tinggal pelajar itu di bawah Seksyen 14 (8), Menteri boleh memberi pengecualian menurut budi-bicara mutlaknyanya di dalam sesuatu kes tertentu. Jadi kita ada kuasa untuk memberi pengecualian. Jadi, kalau dia memecahkan gelas kerana jatuh itu, kalau sesiapa ingin hendak mengambil tindakan bolehlah saya kecualikan dia daripada tindakan itu.

Ahli Yang Berhormat daripada Telok Anson telah menyebutkan tentang kebebasan berfikir. Memang ada kebebasan berfikir ini.

Berkenaan dengan hak mengundi ini juga tidak akan terganggu oleh kerana undang-undang ini, kerana peruntukan ini adalah sama dengan peruntukan yang terdapat di dalam Akta Universiti dan Universiti Kolej.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menyebut tentang pentingnya publisiti untuk undang-undang ini. Saya percaya bahawa pihak suratkhbar akan memberi publisiti yang sepenuhnya dan saya percaya juga bahawa pihak TV dan Radio akan memberi keterangan sejelas-jelasnya. Tetapi jika ada keraguan tentang undang-undang ini bolehlah diadakan penerangan dengan lebih teratur lagi. Sekian sabaja.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 25 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 26—

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan, sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pindaan yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya seperti berikut:

Fasal 26:—

Memasukkan perkataan-perkataan “atau sesuatu institusi pelajaran tertentu” selepas sahaja perkataan-perkataan “institusi pelajaran”.

Clause 26—

Insert immediately after the words “educational institutions” appearing in line five, the words “or any particular educational institution.”

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 26 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua—

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Pengerusi, dalam Jadual Kedua ini terdapat satu kesilapan typographical error iaitu perkataan “institusi” telahpun dicetak dengan perkataan “Universiti”. Jadi yang sebenarnya ini typographical error yang terdapat cuma dalam salinan dalam Bahasa Malaysia sahaja tetapi tidak terdapat pada salinan bahasa Inggeris.

Jadual Kedua sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Ketiga diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 16hb April, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.55 petang.